

Bil. 77

**Isnin
20 November 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2007		
<u>Jawatankuasa:</u>		
<u>Jadual:</u>		
Maksud B.26	(Halaman	22)
Maksud B.27	(Halaman	69)
USUL: Anggaran Pembangunan 2007		
<u>Jawatankuasa:</u>		
Maksud P.26	(Halaman	22)
Maksud P.27	(Halaman	69)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. ” Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. ” Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) – UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
20. " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yacop - Senator
21. " Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. " Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. " Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) – UMNO
32. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. " Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO

9. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO

33. Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO

17. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titivangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. ” Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP

31. Yang Berhormat Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP

71. Yang Berhormat Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. “ Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
99. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. “ Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
101. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A.,, K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
106. “ Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
107. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. “ Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
109. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN

111. Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
112. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
113. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
114. ” Tengku Razaleigh bin Tangku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
115. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
116. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
117. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
118. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
119. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
120. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
121. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
122. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
123. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
124. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
125. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
126. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
127. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
128. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
129. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mahmood bin Adam

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS

UNIT PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Hajah Supiah binti Dewak

Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Ab. Talip bin Hasim

Hadzilah binti Ibrahim

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nur Azilah binti Ahmad Ibrahim

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Norhasani binti Yaacob

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ISNIN, 20 November 2006
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Soalan No. 1 – Y.B. Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) tidak hadir]

2. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Kewangan menyatakan, langkah-langkah tertentu bagi pengurusan pembangunan ekonomi negara dalam menghadapi situasi dunia yang tidak menentu terutama akibat konflik terbaru di Asia Barat yang telah menjejaskan bursa saham serantau.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memantau perkembangan yang berlaku di luar negara dan bersedia dengan langkah-langkah yang diperlukan untuk menghadapi sebarang kemungkinan termasuk akibat konflik terbaru di Asia Barat yang boleh menjejaskan prestasi bursa saham serantau.

Sungguhpun demikian, ingin dijelaskan bahawa keadaan bursa saham serantau tidak pula terjejas dengan teruk semasa berlaku konflik di Asia Barat berikutan pencerobohan rejim Israel ke atas Lebanon pada pertengahan tahun ini. Prestasi pasaran saham di Bursa Malaysia hanya menyusut sedikit di antara 1.3% hingga 3.6% dan kedudukan Indeks Komposit Kuala Lumpur menurun daripada 913.63 mata pada 14 Julai 2006 berbanding paras tertinggi 968.88 mata pada 9 Mei 2006 sebelum konflik berkenaan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, konflik pencerobohan rejim Israel ke atas Lebanon tidak berpanjangan. Dengan itu perkembangan bursa saham serantau termasuk bursa saham negara telah pun kembali pulih kepada paras sebelum konflik. Respons positif kepada pelabur terhadap pembentangan Bajet 2007 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 1 September 2006 juga telah membantu meningkatkan semula prestasi bursa saham negara kita sebanyak 5.9% kepada 967.55 mata pada akhir September 2006.

Langkah-langkah yang diumumkan oleh kerajaan untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan termasuk projek PFI seperti sekolah dan *quarters* kerajaan serta projek *high impact* seperti Wilayah Pembangunan Johor Selatan telah mengukuhkan lagi tahap keyakinan sektor swasta. Hasilnya, kedudukan Indeks Komposit Kuala Lumpur telah meningkat dengan lebih kukuh pada 1,022.30 mata pada 10 September dan pada hari Jumaat lepas, naik kepada 1,040.79 mata.

Di dalam Bajet 2007, kerajaan telah meneruskan langkah-langkah mengukuhkan permintaan dalam negeri supaya daya tahan ekonomi dapat dipertingkatkan. Antara usaha-usaha yang sedang diambil untuk mencergaskan ekonomi negara termasuk:

- (i) memulihkan peranan sektor swasta sebagai peneraju ekonomi;
- (ii) mengkomersialkan sektor pertanian;

- (iii) memajukan kegiatan bioteknologi;
- (iv) melonjakkan industri halal ke peringkat global;
- (v) merencanakan pembangunan ICT;
- (vi) memperhebatkan kegiatan R&D; dan
- (vii) mencergaskan semula sektor pembinaan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Kita tahu bahawa banyak juga syarikat-syarikat GLC yang terlibat dalam pelaburan di negara-negara asing seperti Petronas, Telekom, TNB dan sebagainya. Cuma di sini, saya ingin tahu selain daripada *security* ke atas pelaburan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat ini dan kita tahu bahawa ada syarikat-syarikat yang baru-baru ini turut diberikan peluang di negara-negara seperti Libya di sebelah Afrika dan juga di Timur Tengah.

Cuma di sini ingin bertanya iaitu Malaysia sebagai Pengerusi OIC, apakah usaha kita untuk membantu sahabat-sahabat di negara-negara yang telah mengalami peperangan. Umpamanya sebagaimana Yang Berhormat telah sebutkan tadi iaitu di Lebanon, di Iraq (lebih awal) satu jaminan galakan selain daripada GLC dan mungkin juga syarikat-syarikat yang tersenarai dalam bursa saham kita untuk melabur di sana kerana kita ada misi galakan dan sebagainya.

Apakah jaminan galakan yang diberikan oleh kementerian khususnya dan juga kerajaan Malaysia ke atas syarikat-syarikat ini untuk terus membantu negara-negara sahabat yang mengalami masalah akibat daripada peperangan dan untuk dipulihkan semula negara tersebut. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berani bercakap dengan tepat kerana soalan ini mirip kepada Kementerian Luar yang ada banyak hubungan dengan negara-negara luar. Dari segi Kementerian Kewangan, kerajaan memanglah menggalakkan pelaburan ke luar negara terutama sekali GLC dan memang sudah lama sebenarnya telah pun diunjurkan dan juga untuk melabur di luar negara termasuk Petronas dan lain-lain lagi tetapi ada yang berjaya dan ada yang tidak berjaya. Ada yang rugi banyak pun ada. Hari ini soalan Yang Berhormat bagi Larut saya tidak boleh menjawab dengan tepat.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, lambat sedikit. Saya ingin bertanya soalan tambahan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Apabila kita sentuh tentang masalah bursa saham sama ada bursa saham di negara kita ataupun bursa saham serantau. Dapat melihat trend bursa saham di serantau ini banyak berbeza dengan bursa saham kita. Bila serantau ini menghadapi masalah akibat kenaikan minyak atau konflik-konflik di Asia Barat, semua bursa saham di rantau ini memang menghadapi penurunan.

Akan tetapi, bila keadaan pulih balik, bursa saham serantau naik sedangkan kita tidak naik. Negara kita telah banyak mencapai kemajuan tetapi bursa kita tidak mencerminkan sedemikian tetapi di Taiwan, Korea, Singapore, *all time high*, sebab apa kita masih *laggard*, dengan izin. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan bursa saham Malaysia dengan bursa saham di negara-negara jiran, kita dapat lihat bahawa bursa saham di Malaysia ini dia naik *slow and steady*, Tuan Yang di-Pertua.

Masa tadi saya sebut walaupun konflik di Timur Tengah berlaku, tetapi ia terjejas cuma sedikit sahaja dan lepas itu dia naik balik. Bila konflik itu selesai, naik balik. Jadi dan hari ini saya sebut tadi bahawa pada 10 November 2006 telah naik kepada 1030 dan pada hari Jumaat lepas naik kepada 1040.79. Bermakna telah meningkat naik.

Jadi bursa saham Tuan Yang di-Pertua, prestasinya bergantung banyak kepada *local investment*, dengan izin, dan juga *foreign investment*. Memang *foreign investor* ini Tuan Yang di-Pertua, dia akan pergi kepada satu negeri ke satu negeri. Dia tengok dan kemudian bila dia untung sana, dia patah balik dan sebagainya. Jadi ini ada *recycle* Tuan Yang di-Pertua, bila dia tidak datang ke Malaysia, maka kita punya prestasi akan menurun sedikit, bila datang ke Malaysia dia akan naik sedikit. Jadi ini berlaku *cycle* Tuan Yang di-Pertua.

Dalam hal ini di Malaysia pun nampaknya keyakinan pelabur kepada bursa saham telah pun meningkat dengan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, telah meningkat, harga minyak sudah turun dan sebagainya. Pengumuman Rancangan Malaysia Kesembilan dan juga projek-projek yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri maka keyakinan telah pun timbul, telah pun meningkat maka prestasi kita mungkin meningkat laju. Tidak terlalu laju macam orang lain, bursa lain dia naik turun dengan cepat tetapi bursa Malaysia dia naik *steady* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

3. Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, langkah-langkah untuk menambah bilangan anggota polis sukarelawan di seluruh negara untuk mengatasi kekurangan anggota polis.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk menarik minat orang ramai dan menambah bilangan anggota sukarelawan, Polis Diraja Malaysia telah mengambil langkah-langkah dengan mengatur dan menyusun pelbagai program seperti:

- (i) mengadakan iklan-iklan dalam media cetak dan media elektronik berkenaan pasukan sukarelawan polis;
- (ii) mengadakan kempen-kempen di pusat membeli-belah bagi menerangkan berkenaan dengan pasukan sukarelawan polis dan faedah yang mereka perolehi apabila menyertainya;
- (iii) membuat hebahan di papan-papan kenyataan awam dua bulan lebih awal sebelum sesi temu duga pengambilan anggota baru sukarelawan dibuat; dan
- (iv) mengadakan penglibatan pegawai dan anggota sukarelawan itu sendiri dalam memberi penerangan kepada orang awam dalam kempen-kempen yang dijalankan oleh PDRM.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan dari Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah, baru-baru ini Kementerian Dalam Negeri telah menggalakkan RELA bekerjasama dengan pihak polis untuk mencegah jenayah. Bolehkah saya tahu, sejauh mana usaha ini telah menghasilkan kejayaannya?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Sebenarnya kita memanglah, polis ini ialah satu pasukan yang boleh menjalankan berbagai-bagai kerja yang melibatkan agensi-agensi lain, umpamanya kerja kastam pun polis boleh buat. Kerja pencegahan maksiat pun polis buat, nak tangkap orang ajaran sesat pun polis buat. Banyak kerja-kerja yang dibuat oleh polis.

Jadi dalam usaha ini, oleh sebab bidang kuasa polis ini luas maka kita menggalakkan sekiranya ada keperluan ataupun permintaan daripada agensi-agensi lain seperti RELA dan sebagainya kita tidak teragak-agak untuk memberi sokongan. Selama ini memanglah kita sentiasa memberi kerjasama terutamanya sekali pada RELA, dalam membuat berbagai-bagai tugas terutama sekali berkenaan dengan masalah pendatang asing dan sebagainya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, Polis Diraja Malaysia (PDRM) merupakan agensi keselamatan yang terpenting dalam negara. Tidak ada kompromi Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu semua faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dalam menjaga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu semua orang faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Keselamatan negara. Soalan seperti berikut Tuan Yang di-Pertua. Yang penting kerajaan perlu memastikan pasukan polis bersedia lengkap dan mempunyai peralatan yang terkini, dan yang terpenting Tuan Yang di-Pertua, gaji, elaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan polis, sukarelawan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Elaun dan kebajikan, anggota polis ini harus dipertingkatkan. Kalau ini dapat dilakukan oleh kerajaan minat rakyat untuk menyertai pasukan polis yang tugasnya mulia Tuan Yang di-Pertua, akan bertambah. Dengan sebab itu, untuk mengambil anggota baru tidak ada masalah. Apabila anggota polis...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini bukan polis, cuba baca sikit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, tahu, tahu tetapi ada kaitan dengan polis. Ini polis suka rela, jadi kalau anggota polis yang benar-benar terlatih, mempunyai peralatan yang lengkap, semua sekali cukup Tuan Yang di-Pertua, gajinya bagus, elaunnya bagus, orang ramai hendak masuk polis, tak payah kita gunakan sukarelawan polis kerana polis yang cekap itu amat penting Tuan Yang di-Pertua. Bukan sahaja bilangan hendak banyak, tetapi kualiti dia. Kerajaan perlu memikirkan perkara ini.

Jadi apa agaknya usaha-usaha yang mutakhir dalam kebajikan, elaun, peralatan yang menyebabkan rakyat, orang ramai, anak muda minat hendak masuk polis dan anggota polis kita lengkap. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bijaksana boleh menjawablah. Dia pun memang seorang ahli politik yang baiklah Tuan Yang di-Pertua, memang layak dia menjadi Timbalan Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini soal polis, bukan soal politik.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. Baik, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat, memanglah sekarang ini kita memandang serius berkenaan dengan penyertaan orang ramai dalam polis. Sebenarnya memang kita mempunyai kekurangan yang begitu besar sekali, lebih kurang 60,000 anggota polis yang kita perlukan. Terutama sekali di sesetengah, iaitu di bandar, saya ambil contoh, di Johor Bharu, Johor.

Di Johor kita ada kalau kira dari segi nisbah, seorang polis kepada 777 orang. Kalau dari segi Interpol, yang sesuai dicadangkan oleh Interpol ialah satu kepada 250 tetapi ada juga sesetengah daerah seperti Johor Bharu Selatan umpamanya, seorang polis sama juga dengan atau dia nisbah kepada hampir 2000 orang. Maknanya seorang polis, kita masih menjaga 2000 orang, yang mana kita kekurangan lebih kurang lapan orang, sepatutnya sembilan orang polis.

So, sekarang ini kita sedang merekrut polis dan kita sedang menambah kita punya pusat-pusat latihan, di samping itu juga kita sedang *upgrade* polis. Satu ketika dahulu, kalau kita tengok di daerah-daerah, DO sama taraf dengan OCPD, boleh dikatakanlah dia punya *rangking* nya tetapi sekarang ini kalau kita tengok di daerah-daerah, setengah-setengah daerah, DO yang suatu ketika dahulu dengan YDP adalah orang yang sama, sekarang ini jawatan baru diwujudkan iaitu DO, YDP, tambah, tetapi OCPD masih sama juga.

Sekarang ini di daerah-daerah, kita telah mencadangkan supaya kita *upgrade* daripada OCPD yang berpangkat Superintendan, sekarang ini kepada kebanyakannya Superintendan akan diberi kepada AC sekurang-kurangnya, atau DSP kepada Superintendan, ia di *upgrade*. Begitu juga di balai-balai polis, sekarang OCS, Ketua Balai hanya Sub Inspektor, SI, dan mereka ini, umur mereka adalah hampir hendak pencen.

Sekarang ini kita akan *upgrade* kepada inspektor untuk menjadi ketua-ketua polis balai. Begitu juga kalau kita tengok polis, kalau masuk polis, kadang-kadang dia pencek Korporal, Korporal setelah 30 tahun. Sekarang ini kita akan mempercepatkan kenaikan pangkat polis kepada, mungkin kalau pihak tentera, kalau servis dalam tentera 25 tahun atau 21 tahun sekurang-kurangnya pangkatnya Staff Sarjan. Sekarang ini kita hendak mempercepatkan kenaikan pangkat polis dari semasa ke semasa secara *interview* dan sebagainya. Begitu juga jawatan kadet ASP, kita akan mansuh, kita akan pakai inspektor dan skim berbeza mengikut kelulusan, dan banyak lagi yang sedang kita adakan.

Selain daripada itu, berkenaan peralatan yang kita guna. Oleh kerana sekarang ini, teknologi begitu maju sekali, kadang-kadang kalau kita beli sesuatu peralatan yang pada ketika itu, sesuai pada masa itu tetapi dalam masa enam bulan alat baru datang. Sekarang ini kita, kebanyakan peralatan kita, kita akan sewa, *leasing*. Perkara-perkara ini sedang dibuat, begitu juga dengan semakan gaji polis kita hendak buat. Polis kita tidak boleh samakan dengan atendan kerana polis bekerja dengan pelbagai risiko. Pertama sekali *risk* nya, yang kedua polis ini tidak ada cuti. Kadang-kadang kerja 24 jam dan sebagainya, perkara-perkara ini akan diambil kira.

Apabila ada cadangan gaji, kita kemukakan. Jadi, saya berharap kepada ahli-ahli Parlimen, di Parlimen ini akan memberi sokongan kepada perkara ini mengemukakan, apabila pihak polis mengemukakan cadangan untuk apa juga bagi penambahbaikan Polis Diraja Malaysia. Terima kasih.

4. Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, apakah perkembangan terbaru dalam usaha negara kita membangunkan teknologi '*photonics*' yang berkait-rapat dengan industri ICT yang akan membawa kemajuan besar kepada industri telekomunikasi dalam negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memberikan penekanan ke atas pembangunan teknologi maklumat dan infrastruktur yang menyokongnya. MOSTI telah menumpukan usaha-usaha dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang teknologi '*photonics*' yang mempunyai potensi bagi pelbagai aplikasi, di mana di antaranya ialah dalam bidang telekomunikasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek penyelidikan bidang '*photonics*' yang dibiayai oleh MOSTI di bawah Rancangan Malaysia Kelapan telah dijalankan secara bersama di antara universiti-universiti tempatan, iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan juga SIRIM Berhad. Di antara kejayaan-kejayaan yang telah dicapai sehingga hari ini adalah seperti berikut:

- (i) lebih sepuluh prototaip yang telah sedia untuk dikomersialkan;
- (ii) pembangunan sumber manusia dan teknikal *know-how*, dengan izin, satu kumpulan ahli sains dalam bidang '*photonics*' yang berkemahiran dalam bidang merekacipta, fabrikasi, pengujian (*testing*) dan memasang (*installation*), komponen optikal, subsistem dan sistem-sistem bagi Gelombang Fiber-Pemisah ke Rumah (WDM-FTTH), dengan izin,;
- (iii) penyediaan fasiliti dan makmal yang terkini bagi Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dalam industri '*photonics*';
- (iv) jaringan antara penyelidik dan pihak industri yang mantap; seterusnya
- (v) dua produk telah dipatenkan setakat ini, iaitu *Fiber Duplexer Module* (FDM) dan *Automatic Protection Switch* (APS), dengan izin: dan
- (vi) penyelidikan dan pembangunan dalam bidang sistem FTT-X (*Fiber to the office, premises, buildings, homes or desks*) dan *Planner Lightweight Circuit* (PLC) *base devices*.

Terima kasih.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada pihak kementerian, setakat manakah dan berapa banyakkah peruntukan di bawah RMK-9 ini, yang mana saluran telah pun dibuat dari segi kewangan untuk membantu dalam proses R&D ini kerana saya rasa ini merupakan salah satu perkembangan yang terbaharu iaitu dalam industri teknologi 'photronics' ini. Apakah peruntukan di bawah RMK-9? Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Yang Berhormat, sebenarnya di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita ada beberapa *grant* ataupun dana yang seperti dimaklumkan iaitu dana sains (*science fund*), untuk penyelidikan yang berkenaan dengan *fundamental* asas dan *techno fund* atau *technology fund* iaitu bagi penyelidikan-penyelidikan yang sudah peringkat prototaip, hampir dikomersialkan dan *inno-fund* iaitu dana untuk menjalankan bagi prototaip yang boleh dikomersialkan.

Sebenarnya kita tidak meletakkan satu angka yang tepat kepada setiap bidang dan fokus tetapi seperti yang telah dinyatakan bahawa di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, tiga bidang utama yang kita tekankan iaitu dalam bidang ICT, bidang bioteknologi. Bidang ICT ini termasuklah juga bidang 'photronics' sebenarnya. Jadi, kita tidak memberikan sebarang *guide line* berapa banyak, tetapi ini adalah fokus tiga bidang utama yang telah dikenal pasti.

5. Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands] minta Perdana Menteri menyatakan, apakah pendirian kementerian terhadap isu keselamatan maritim serta ancaman terhadap kapal-kapal yang belayar di Selat Melaka ini berdasarkan beberapa insiden serangan lanun yang semakin meningkat sejak kebelakangan ini. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk menangani masalah ini?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Keselamatan Selat Melaka sebagai laluan strategi antarabangsa amat dititikberatkan dan Malaysia amnya, dan kementerian khususnya akur terhadap kepentingannya dan komited untuk menentukan keselamatan perairan ini sentiasa terjamin, agar dapat memberi keyakinan kepada masyarakat maritim sedunia mengenai keselamatannya.

Ingin diperjelaskan bahawa adalah tidak benar serangan lanun semakin meningkat, malah ianya semakin menurun sebagai contoh kes rompakan di Selat Melaka pada tahun 2005, berjumlah 18 kes. Statistik kejadian pelanunan yang diluarkan oleh *International Maritime Bureau, Piracy Reporting Center* yang beribu pejabat di Kuala Lumpur, iaitu merupakan wakil markas *International Maritime Bureau* (IMB) di London melaporkan hanya terdapat tiga kes pelanunan sahaja dari bulan Januari hingga Jun 2006, yang berlaku di Selat Melaka.

Kes yang terbaharu yang dilaporkan oleh pihak Polis Diraja Malaysia berlaku pada 23 dan 25 Julai tahun 2006, di mana empat bot nelayan tempatan negara telah dirompak berhampiran Perak di dalam zon ekonomi eksklusif. Penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) secara rasminya pada 15 Februari 2005 adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan fungsi-fungsi penguatkuasaan maritim bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan zon maritim Malaysia dengan tujuan melindungi kepentingan maritim negara.

APMM sekarang ini sedang mempergiatkan aktiviti pemantauan dan pengawasan dengan menambahkan kehadiran aset, terutama di kawasan yang sering dicerobohi bagi menentukan keselamatan nelayan tempatan dan harta benda negara terjamin. Tindakan-tindakan lain yang dilaksanakan adalah mempertingkatkan kerjasama dan mengadakan operasi bersepadu dengan lebih kerap bersama agensi-agensi penguatkuasaan maritim yang lain bertujuan:

- (ii) mengoptimumkan pengawasan dan pemantauan zon maritim Malaysia;
- (iii) mempertingkatkan keupayaan pengoperasian rangkaian radar di sepanjang pantai Barat Semenanjung Malaysia bagi pengawasan Perairan Selat Melaka yang lebih berkesan;

- (iv) memantapkan dan meluaskan rangkaian persekitaran agar dapat membendung kejadian yang menyalahi undang-undang maritim dengan lebih berkesan; dan juga
- (v) merancang untuk mendapatkan perkhidmatan pengawasan daripada udara menggunakan pesawat sayap kaku dan helikopter yang dapat meliputi zon maritim Malaysia yang luas; dan akhir sekali
- (vi) meningkatkan keyakinan nelayan tempatan dengan mengadakan dialog atau perjumpaan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita mengakui bahawa *homeland security* semakin menjadi ancaman kepada kestabilan keselamatan negara. Dalam konteks itu, kemasukan warganegara asing akibat daripada terdedahnya maritim Selat Melaka ini telah menyebabkan banyak masalah, khususnya harga diesel, krisis gula dan pelbagai jenayah manusia ini, pelacuran dan sebagainya.

Saya hendak bertanya, soalan tambahan saya adalah kenapakah APMM membawa isu mengenai Yang Berhormat bagi Jasin baru-baru ini? Semalam kita tengok dalam surat khabar mengenai satu perkara yang begitu kecil sekali dan dibawa ke berita (*press*), sedangkan keupayaan mereka untuk memantapkan lagi penguatkuasaan perlu diberi perhatian. Contohnya '*ICTization*' menggunakan GPMS dan RFID sebagai satu cara untuk mengesan segala masalah ini? Apakah peranan APMM dari konteks ini? Adakah ini fokus mereka atau fokus untuk mengatasi masalah-masalah yang begitu serius? Itulah soalan tambahan saya.

Datuk M. Kayveas: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, berkaitan dengan menggunakan alat-alat yang canggih dan alat-alat yang baru, kita semua di peringkat agensi dan juga termasuk APMM ini kita ada dan kita masih menggunakan. Kita cuba menggunakan kalau ada apa-apa alat-alat baru, GPRS dan sebagainya, mesti kita gunakan. Selain daripada itu, perkara-perkara yang lain berkaitan dengan *surrounding* dengan izin, *circumstances* yang berlaku, isu-isu spesifik yang tidak ada kena-mengena dengan soalan ini. Oleh sebab itu saya tidak ada jawapan lagi daripada yang diminta oleh Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya, oleh sebab Selat Melaka ini melibatkan kepentingan tiga buah negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Singapura. Jadi apakah bentuk kerjasama dan juga apakah peranan-peranan yang diberikan kepada tiga negara yang berbeza ini? Terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju persekitaran maritim ini meliputi Malaysia, Indonesia dan Singapura. Baru-baru ini, kita ketiga-tiga negara ini bersama dengan Amerika Syarikat, apabila kita ada komander daripada Amerika Syarikat daripada Armada Pasifik yang melawat kita, Laksamana Gary Roughead. Juga dia bersama-sama dengan ketiga-tiga negara ini. Apabila beliau melawat, beliau memuji ketiga-tiga negara ini termasuk Malaysia.

Ketiga-tiga negara ini bekerjasama untuk mengurangkan aktiviti lanun di Selat Melaka dan kerjasama antara kita adalah spesifik berkaitan dengan izin, *Foreign Ministry* dan persahabatan *lateral* dan lain yang kita ada tetapi dengan ringkas, saya ingin memberi jaminan di sini, kerjasama ketiga-tiga negara berkaitan dengan aktiviti marin baik dan kita akan teruskan kerjasama ini. Terima kasih.

6. **Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:

- (a) prosedur kerajaan dalam sistem pemberian AP ternakan, atau *Approved Permit* yang diberikan kepada syarikat-syarikat; dan

- (b) berapa syarikat yang telah diberi dan siapakah yang mempunyai kata putus di dalam menganugerahkan AP.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Mah Siew Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

- (a) Pemberian permit import ternakan kepada syarikat-syarikat adalah tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang telah ditetapkan di bawah *Animals Order 1962* dan *Animals Act 1953* iaitu seperti berikut:
- (i) pengimport perlu membuat permohonan kepada Unit Import-Eksport dan Kuarantin, Jabatan Perkhidmatan Haiwan bagi mendapat kelulusan import dengan menggunakan borang khas import;
 - (ii) permohonan yang akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pengimportan Haiwan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Permohonan yang berjaya akan dimaklumkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Haiwan; dan
 - (iii) pengimport boleh membuat permohonan bagi mendapatkan permit import serta bayaran bagi setiap *consignment* ternakan yang akan diimport;

Untuk jawapan,

- (b) Bagi Januari hingga Jun 2006, sebanyak 22 buah syarikat telah diberikan permit untuk mengimport ternakan hidup dari luar negara. Keputusan untuk memberi kelulusan import di bawah bidang Jawatankuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta tertakluk kepada pematuhan peraturan import yang telah ditetapkan. Pengeluaran permit import bagi pengimportan yang diluluskan, dibuat oleh Pegawai JPS yang bertugas melalui penurunan kuasa oleh Ketua Pengarah JPS kepada Pengarah JPS Negeri untuk menandatangani permit.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit Sulung.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pengeluaran permit-permit import ini akan mempengaruhi harga. Secara langsung akan mempengaruhi harga-harga daging terutamanya di pasaran. Saya merasakan bahawa 22 buah permit ternakan hidup ini dilihat dari segi permintaan, masih lagi berkurangan. Permintaan itu banyak, permit yang diluluskan bagi saya masih lagi sedikit. Adakah kerajaan berhasrat untuk masih membuka lagi permit-permit ini terutamanya apabila datangnya musim-musim perayaan? Yang kedua, apakah asas kerajaan untuk tidak membenarkan lembu 'Gobby' ini diimport? Terima kasih.

Datuk Mah Siew Keong: Terima kasih Yang Berhormat. Urusan pengimportan daging dari luar negara sebenarnya tidak melibatkan apa unsur-unsur monopoli dan syarikat individual mahupun syarikat-syarikat, jika dia mematuhi dari segi kelayakan kapasiti dan negara yang dia hendak import adalah dari negara yang bebas dari penyakit. Saya telah membuat semakan. Kebanyakan syarikat yang layak membuat permohonan, ia diberi kelulusan. Dalam musim perayaan, sebenarnya lebih banyak syarikat yang akan membuat permohonan dan dari isu ini iaitu sekatan permit, bagi saya ini bukan satu isu. Sebab tadi saya telah tegaskan, jika negara itu bebas dari penyakit dan ia ada kapasiti, kita akan meluluskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, tema pertanian adalah perniagaan. Saya melihat kepada pertumbuhan sektor pertanian negara. Penternak juga adalah merupakan penyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara kita. Justeru itu, saya memohon Yang Berhormat untuk menjelaskan tentang usaha-usaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk meningkatkan lagi hasil penternak negara. Dalam masa yang sama boleh memberi peluang pekerjaan kepada orang-orang tempatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini fasal AP.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ya, jadi saya dapat memberi di sini ialah angka-angka. Apakah Yang Berhormat dapat menjelaskan angka-angka, tentang sasaran negara kepada pengeluaran sektor ini untuk tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan? Terima kasih.

Datuk Mah Siew Keong: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kita memang bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat supaya kita meningkatkan pengeluaran. Pada masa ini, defisit dalam pengimportan pemakanan adalah begitu besar. Sudah sampai tahap RM6 bilion. Oleh itu, kementerian memang ada banyak rancangan untuk meningkatkan pengeluaran daging dan pengeluaran makanan. Tadi soalnya ialah apakah *target* kita? Saya hendak memberitahu Yang Berhormat bahawa pada tahun ini, tahun 2006, kadar sara diri untuk pengeluaran daging negara adalah 23%. Mengikut program kita, sampai tahun 2010 kita akan sampai tahap sara diri 28% dan pada tahun 2015, kita akan sampai tahap 40%. Berapa perancangan yang penting sekali ialah, pusat *feedlot* di...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah ini berkaitan dengan AP?

Datuk Mah Siew Keong: Saya jawab soalan. Okey, okey. Ringkas sahaja. Beberapa program penting adalah lembu *feedlot* di Gemas dan juga sistem integrasi di mana kita galakkan estet-estet termasuk GLC FELDA supaya menternak lembu dan ini akan meningkatkan keluaran kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Arau, AP?

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: AP.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini tentang AP daging. Jadi saya nak tahu daripada jumlah pengimport-pengimport daging daripada luar negara, berapakah pengimport-pengimport ini adalah dari *company* ataupun syarikat bumiputera tulen oleh kerana saya rasa, banyak pengimport bukan bumiputera yang tulen, atau pun bukan syarikat bumiputera dan saya dapat tahu oleh sebab pengimportan daging ini harus dapat daging yang disembelih dengan cara halal. Terima kasih.

Datuk Mah Siew Keong: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya tidak ada angka berapa peratusan bumiputera tetapi kebanyakannya yang saya maklum adalah bumiputera. Yang pentingnya, sumber *supply* dari negara luar seperti *abattoir*, *abettor* yang kita sahkan, mesti dapat sijil kelayakan dari JAKIM dan JAKIM sentiasa membuat pemeriksaan walaupun di Australia dan di India. Dan rumah sembelih di India bagi tahun 2006, sudah enam yang telah diluluskan oleh JAKIM dan pengauditan dibuat sentiasa oleh badan Islam yang diiktiraf oleh JAKIM di India. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat daripada Kinabatangan yang sempat masuk, kemukakan soalnya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *In time* Tuan Yang di-Pertua. Soalan nombor tujuh.

7. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) langkah sementara atau alternatif kerajaan untuk menyelesaikan masalah Jalan Raya Simpang Sogo-sogo – Kg. Pinangah, Kinabatangan yang pada baru-baru ini rosak teruk akibat banjir; dan
- (b) langkah serta pengawasan kerajaan terhadap syarikat-syarikat konsesi penyelenggaraan jalan raya di negeri Sabah.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Raya Simpang Sogo-sogo ke Kg. Pinangah, Kinabatangan adalah bukan Jalan Persekutuan. Daripada sumber kami peroleh, ianya merupakan jalan persendirian bagi tujuan mengusahakan perladangan di kawasan tersebut. Sungguhpun begitu, peruntukkan untuk membaik pulih kerosakan jalan di daerah Ponggot, Kinabatangan telah dipohon daripada pihak kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat;

- (b) Kerajaan sentiasa melakukan pemantauan dan pengauditan terhadap kerja-kerja penyelenggaraan jalan dari masa ke semasa. Laporan dan penilaian terhadap prestasi syarikat konsesi dibuat setiap bulan. Selain itu kerajaan juga mengadakan lawatan dan mesyuarat pemantauan ke atas keakuran syarikat konsesi mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan di dalam perjanjian penswastaaan.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada sedikit maklumat hendak dikongsi. Pertama, latar belakang daerah Kinabatangan ini adalah lembah. Apabila lembah, keluasannya Tuan Yang di-Pertua, sama dengan negeri Pahang. Tidak hujan pun dia hujan dan baru tahun lalu iaitu banjir telah memutuskan jalan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak hujan juga hujan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak hujan di kawasan lain, di sana dia hujan juga. Saya mendapat laporan daripada JKR bahawa telah dicadangkan kepada EPU dalam program Rancangan Malaysia Kesembilan, tapi malangnya EPU tolak. Saya pun hairan, sebab itu saya tanya, mana keutamaan EPU ini? Kadang-kadang perkara tidak menjadi kepentingan, dia jadi kepentingan. Saya bukan marah, Jambatan Bumbung bukan kepentingan, dia bagi. Jalan raya yang menghubungkan 57 penduduk kampung dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...28 kampung-kampung. Saya minta kementerian ini supaya mencadangkan kepada EPU, kepada kerajaan masukkan dalam *mid term review* atau pun pertengahan program Rancangan Malaysia Kesembilan, sebab ini keutamaan. Kita sudah merdeka Tuan Yang di-Pertua, berapa puluh tahun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat esok boleh berucaplah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Akan tetapi tidak tahu kah, rakyat kita di luar bandar tidak merdeka?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, esok Peringkat Jawatankuasa, berucap.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita cerita soal Wawasan 2020, mana ada wawasan kalau orang kampung susah. Pergi sekolah pun susah, pergi bandar pun susah, pergi hospital pun susah. Ini kena difikirkanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dan lagi tindakan kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik. Bank pun tak ada lah. Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tindakan kerajaan terhadap syarikat-syarikat yang memiliki konsesi naik taraf jalan ataupun membaik pulih jalan ini 25 tahun, 15 tahun sudah buat keputusan kah, supaya dikurangkan daripada 25 tahun dan dibahagi-bahagi kepada empat, lima buah syarikat. Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Menteri kata, beliau akan mencubalah... *[Ketawa]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak kena duduk kah hendak terus jawab soalan?... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat. Cubalah! Boleh jawab, cubalah kecuali ada jawapan lain.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Ketawa]* Pertama saya ucapkan terima kasih di atas soalan tambahan dan saya bersimpati dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan tentang masalah kemudahan infrastruktur di kawasan yang sebesar negeri Pahang, di Parlimen Kinabatangan.

Dan untuk makluman Yang Berhormat, di negeri Pahang pun banyak lagi masalah infrastruktur yang harus dipertingkatkan ya. Dan untuk menyempurnakan segala permintaan infrastruktur di seluruh negara, dia memerlukan satu pendekatan yang menyeluruh.

Sebagai contoh, semasa Kementerian mengemukakan permintaan daripada semua kerajaan negeri termasuk melalui Unit Pembangunan Ekonomi Negeri, untuk maklumat akhirnya yang telah pun dapat disempurnakan 50% daripada permintaan tersebut. Dan mungkin saya akan minta pihak Kementerian untuk menilai dan meneliti segala cadangan yang berhubung kait tentang permintaan Yang Berhormat bagi Kinabatangan ini dan mungkin jikalau keperluan amat mendesak, kita pohon supaya dia dimasukkan dalam *mid term review*, Rancangan Malaysia Kesembilan.

8. Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelaras dan memantau kurikulum yang diguna pakai serta kaedah pengajaran diamalkan oleh taska dan tadika di seluruh negara;
- (b) dan apakah tindakan untuk memastikan guru terlatih disediakan untuk pendidikan prasekolah.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk soalan bahagian;

- (a) Kementerian Pelajaran berpandangan bahawa dalam memberikan kemudahan pendidikan, semua tadika atau pra sekolah, mempunyai peranan yang tersendiri dalam menyediakan pendidikan awal bagi kanak-kanak. Namun demikian, pemantauan terus dijalankan dari masa ke semasa terhadap semua pihak yang mengendalikan program prasekolah termasuk pihak swasta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran bertindak sebagai penyelaras kepada Jawatankuasa Teknikal Pendidikan Prasekolah agensi kerajaan bagi memastikan keselarasan dari segi kurikulum, tenaga pengajar dan juga kemudahan prasarana yang lain. Dari segi kawalan, semua pihak yang mengendalikan kelas prasekolah, mestilah berdaftar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memenuhi syarat penubuhan tadika tersebut dan tindakan boleh diambil sekiranya mereka mengingkari syarat-syarat yang ditetapkan.

Dari segi kurikulum, Akta Pendidikan 1956 telah menetapkan semua agensi pelaksana program pra sekolah wajib menggunakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan dan ia telah pun terlaksana mulai tahun 2003. Selain dari itu, mana-mana tadika yang melaksanakan kurikulum tambahan, perlu juga memaklumkan kepada Kementerian Pelajaran tentang kurikulum tersebut.

- (b) Kementerian Pelajaran juga telah menetapkan kelayakan akademik minimum iaitu memiliki sijil SPM bagi guru tadika dan mereka perlu mengikuti kursus tentang kurikulum pra sekolah kebangsaan.

Tadika juga dimestikan untuk mengadakan Pembantu Guru berdasarkan jumlah murid yang berada di tadika tersebut. Walau bagaimanapun, KPM maklum bahawa terdapat perbezaan dari segi pengurusan dan infrastruktur terutamanya di antara bandar dan luar bandar. Sebagai langkah jangka panjang, KPM sedang mengkaji semula peraturan-peraturan yang berkaitan dengan tadika bagi memastikan semua tadika memenuhi satu standard kualiti minimum yang bakal ditetapkan oleh KPM.

Dalam memberikan kemudahan pendidikan, pihak-pihak lain juga seharusnya dilibatkan dan memberi sumbangan selain daripada prasekolah di bawah KPM, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah mewujudkan Tadika Perpaduan. Tadika KEMAS dikelolakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan terdapat juga tadika-tadika yang ditubuhkan oleh pihak swasta. Dalam keadaan ini, kelas-kelas tadika yang telah diwujudkan oleh pihak yang disebutkan, diharap dapat memenuhi keperluan penduduk setempat sama ada di bandar mahupun di luar bandar.

Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, bahawa ternyata jelas bahawa kerajaan hanya memantau dari segi kurikulum dan tidak dari segi guru. Adakah guru itu terlatih atau tidak.

Memandangkan pendidikan prasekolah itu merupakan satu tahap pendidikan yang begitu penting, saya rasa kerajaan perlu mengambil berat tentang latihan perguruan di peringkat ini. Terdapat banyak taska dan tadika swasta termasuk Tadika Perpaduan, Tadika Kemas tidak mempunyai guru yang terlatih tetapi dibenarkan beroperasi asalkan memenuhi keperluan fizikal. Adakah kementerian bercadang mewajibkan guru prasekolah yang tidak terlatih ini menjalani latihan psikologi pendidikan kanak-kanak dan pedagogi asas prasekolah serta menjalani praktikum sebelum mereka dibenarkan terus bertugas sebagai guru taska dan tadika. Dan tindakan ini adalah penting...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat soalan.

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Sedikit sahaja, soalan ini. Tindakan ini adalah amat penting untuk memastikan minat kanak-kanak kita untuk belajar dan bersekolah tidak dijamin pada peringkat awal-awal lagi ekoran daripada kaedah pengajaran yang tidak selaras dengan psikologi pendidikan kanak-kanak. Minta penjelasan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat mengambil berat mengenai perkembangan sekolah tadika ini. Seperti yang saya nyatakan tadi kita bukan sahaja mengawal daripada segi kurikulum daripada pendidikan guru juga kita kawal. Di mana kita telah tetap syarat minimum untuk menjadi guru ini ialah SPM dan juga mesti ada pula pembantu guru. Jadi untuk memberikan latihan kepada guru ini seperti yang saya nyatakan tadi ianya tertakluk kepada agensi-agensi yang mengendalikan tadika. Seperti prasekolah di bawah Kementerian Pelajaran pun ada wujud, di mana di bawah Kementerian Pelajaran kita memang ada program kita sendiri dan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita ada peruntukan sebanyak RM327.3 juta untuk prasekolah tetapi Kemas memang kita akui ada menghantar guru-guru mereka dan Kemas juga ada bekerjasama dengan pihak kementerian untuk melatih guru-guru.

Mengenai yang swasta tadi ini ialah saya telah nyatakan tadi pihak kementerian kita akan memantau sama ada hendak pastikan guru-guru mereka ini ada latihan ataupun tidak. Kerana di dalam kurikulum prasekolah tadi termasuk semua Yang Berhormat cakap seperti perkembangan kognitif, perkembangan fizikal kanak-kanak semua ini ada di dalam garis panduan. Soalnya ini kita kena akui bahawa kemungkinan pemantauannya yang harus kita pertingkatkan. Dan sekarang ini pun memang kita sedang buat kajian supaya kesinambungan ini ada daripada prasekolah, perkembangan di prasekolah ini akan terus dapat diteruskan di Tahun 1. Kerana hari ini kita sedar bahawa kadang-kadang ada tadika ini terlampau *advanced*. Ada tadika ada komputer sudah ada pandai membaca dan menulis, tetapi ada tadika yang di luar bandar masih lagi tidak kenal 3M, ini semuanya kita sedar dan sedang kita membuat kajian untuk membuat penyelarasan yang lebih spesifik. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Dungun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita rakamkan tahniah kepada kerajaan sama ada tadika itu daripada yang diuruskan oleh Kemas ataupun perpaduan tetapi daripada swasta ini. Kalau di kawasan saya lebih daripada sepuluh yang dinamakan taski yang diuruskan oleh pemimpin-pemimpin secara *directnya* ialah PAS lah saya sebut. Saya hendak tahu kalau dalam negeri Terengganu itu lebih daripada 100 dan ianya memang tidak bertepatan dengan kurikulum dan juga dasar-dasar serta asas yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.

Saya hendak tahu siapa yang lulus permit ataupun lesen kepada mereka? Dan sekiranya mereka tidak ada permit, apakah tindakan sebenarnya, siapa yang ada kuasa untuk menyusun balik tadika ataupun yang dinamakan taski dan adalah nama-nama lain yang Arab yang kita kurang faham, sehingga ini boleh membawa penyusunan di tiap-tiap kampung dan mukim dalam kawasan kita, tidak sama dengan dasar dan juga kurikulum yang ada di bawah Kementerian Pelajaran. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih. Sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat saya ingin mengalu-alukan kehadiran guru-guru dan juga AJK PIBG daripada Sekolah Kebangsaan Bumbong Lima, Kepala Batas... [Tepuk] Seperti yang saya nyatakan tadi, pada dasarnya bahawa semua sekolah tadika ataupun prasekolah ini, walaupun dianjurkan oleh mana-mana pihak mereka mestilah berdaftar dengan Kementerian Pelajaran di bawah Akta Pendidikan Swasta. Jadi sebelum kelulusan ini diberi mereka mestilah memenuhi syarat-syarat yang telah pun ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran, di mana matlamatnya ialah untuk kita hendak pastikan bahawa kurikulumnya di peringkat asas ini mestilah selaras. Namun demikian seperti yang saya nyatakan tadi, bahawa Kementerian Pelajaran sebenarnya sekarang sedang mengkaji balik peraturan-peraturan supaya tindakan-tindakan tegas dan juga pemantauan yang lebih berkesan akan dapat diambil kepada tadika-tadika terutamanya tadika-tadika seperti Yang Berhormat yang nyatakan.

Di sini agak ada sedikit konflik kerana di bawah peraturan pertubuhan-pertubuhan mereka, di bawah perlembagaan mereka yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, memang membenarkan mereka ini mengendalikan kelas-kelas tadika hanya untuk ahli-ahli mereka.

Jadi daripada segi peraturan, daripada segi undang-undang memang kita sedang kaji dan telah pun diarahkan oleh Kementerian Pelajaran untuk kita mengambil tindakan, untuk menyelaraskan tindakan-tindakan untuk prasekolah ini. Terima kasih.

9. Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, jumlah peratus rakyat yang telah mendapat tenaga elektrik, bekalan air dan kemudahan telekomunikasi di setiap negeri serta bilangan pengguna telefon bimbit yang berdaftar.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat saya ingin memaklumkan bahawa liputan bekalan elektrik bagi penduduk di Semenanjung Malaysia ialah hampir 100%. Bagi negeri Sabah peratus liputan ialah 72.8% manakala di negeri Sarawak pula peratus liputan ialah 80.8%. Penduduk yang masih belum mendapat bekalan elektrik terdiri daripada penduduk yang tinggal jauh dari sistem grid dan mereka yang tinggal di kawasan pedalaman terutama sekali di negeri Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun rumah-rumah dalam kategori tersebut di Semenanjung Malaysia dan Sabah telah pun dikenal pasti oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) untuk dibekalkan dengan elektrik melalui Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dengan menggunakan kaedah alternatif termasuk sistem solar hibrid dan mini hidro.

Bagi bekalan air pula jumlah peratus rakyat yang mendapat bekalan air ialah sebanyak 95% yang merangkumi 98% bagi penduduk di kawasan bandar dan 92% bagi penduduk di kawasan luar bandar. Negeri Sabah dengan kadar purata 75.5% rakyat yang menerima bekalan air adalah negeri yang terendah dari segi liputan di negara ini. Peratusan liputan bagi kawasan bandar ialah sebanyak 90% dari kawasan bandar ialah sebanyak 61%. Negeri kedua terendah liputan bekalan air ialah Kelantan dengan purata peratusan sebanyak 70% yang merangkumi 80% bagi kawasan bandar dan 60% bagi kawasan luar bandar. Negeri-negeri lain telah mencatatkan purata liputan bekalan air di antara 92% hingga 100% bagi kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kemudahan telekomunikasi boleh dipecahkan kepada talian tetap dan telefon selular. Pada suku tahun 2006 seramai 4.336 juta orang telah mendapat kemudahan talian tetap dan 21.250 juta telah mendapat kemudahan telefon selular. Jumlah peratusan rakyat yang telah mendapat kemudahan telekomunikasi talian tetap di setiap negeri adalah seperti dalam Jadual yang dinyatakan di bawah ini:

Negeri	Rakyat terima kemudahan telekomunikasi (%)
Johor	17.6
Kedah	13.3
Kelantan	8.4
Melaka	20.0
Negeri Sembilan	17.7
Pahang	11.9
Perak	17.9
Perlis	13.3
Pulau Pinang	23.5
Sabah	6.4
Sarawak	11.0
Selangor	21.5
Terengganu	12.3
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	23.2

Bagi kemudahan telefon bimbit pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Kemudahan telefon bimbit (%)
Johor	63.8
Kedah	45.7
Kelantan	35.2
Melaka	60.3
Negeri Sembilan	59
Pahang	45.2
Perak	46.3
Perlis	51
Pulau Pinang	72.2
Negeri	Kemudahan telefon bimbit (%)
Sabah	31.4
Sarawak	36.6
Selangor	74.8
Terengganu	39.5
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	89.3

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengguna telefon bimbit yang mendaftar adalah termasuk pasca bayar dan prabayar yang telah pun mendaftar. Jumlah keseluruhan pengguna telefon bimbit yang berdaftar setakat ini ialah 12.289 juta pelanggan pada 10 Oktober 2006. Bilangan pengguna boleh dibahagikan seperti berikut:

- (i) bilangan pengguna perkhidmatan pasca bayar seramai 3.0 juta; dan
- (ii) bilangan pengguna perkhidmatan prabayar yang telah mendaftar sebanyak 9.289 juta.

Terima kasih.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Menyentuh dengan bekalan elektrik, pada hari ini kita telah dipamerkan dalam akhbar mengenai bantahan penduduk mengenai projek penjana elektrik menggunakan arang batu di Silam Lahad Datu. Saya ingin bertanya, adakah projek ini telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar dan apakah rancangan kerajaan sekiranya arang batu itu tidak dapat dibekal daripada negara jiran kita Indonesia.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, projek IPP Pelan di Lahad Datu yang menggunakan kol ini bukanlah satu projek yang pertama di negara ini yang menggunakan bahan bakar daripada *coal* ini. Malah seperti Manjung, Kapar dan Tanjung Bin adalah merupakan jana kuasa bebas yang menggunakan bahan bakar *coal*. Dan adalah menjadi lazimnya setiap projek yang menggunakan bahan api tidak kira daripada *coal* ataupun gas ataupun diesel dan sebagainya, terlebih dahulu pihak kementerian akan meminta laporan daripada EIA atau *Environmental Impact Assessment* dan ini memenuhi syarat *international*.

Dan untuk pengetahuan Yang Berhormat juga bukan sahaja di negara kita menggunakan *power plan* yang menggunakan bahan api *coal* malah negara-negara maju seperti Amerika, seperti *Germany*, Australia dan termasuk di UK mereka juga menggunakan *power plan* yang menggunakan bahan api daripada *coal*. Tambahan lagi pada hari ini *power plan* yang menggunakan bahan api daripada kol ini mereka tidak menggunakan teknologi yang dahulu. Sekarang ini terdapat banyak teknologi baru antaranya teknologi-teknologi yang dipanggil *clean coal* iaitu teknologi yang akan menghasilkan jana kuasa elektrik dengan tidak memberi kesan ataupun *health hazard* kepada penduduk setempat.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita mengalu-alukan tindakan kerajaan menyediakan bekalan elektrik, air dan telefon. Sudah tentu lebih banyak liputan yang diberikan maka lebih banyak faedah kepada rakyat dan kebaikan ini boleh juga disalahgunakan seperti penyebaran SMS yang keterlaluan ataupun telefon bimbit yang digunakan untuk satu perancangan rompakan umpamanya kerana kemudahan yang diberikan boleh disalahgunakan. Jadi saya hendak merujuk kepada soalan tentang telefon bimbit dua perkara.

Yang pertama kita dapati ada hampir separuh daripada pemilik telefon prabayar yang belum berdaftar. Persoalan saya ada dua. Yang pertama bagaimana yang telah berdaftar itu dapat kerajaan pastikan tuan punya sebenar kepada telefon bimbit kerana kalau dokumen-dokumen lain pun boleh dipalsukan apatah lagi pendaftaran telefon bimbit. Apakah langkah kerajaan untuk memastikan yang berdaftar itu benar-benar orang yang memiliki telefon.

Yang kedua, didapati juga daripada jumlah yang baki dalam telefon kepada pengguna yang tidak mendaftarkan kita dapati 9 juta daripada 18 juta umpamanya yang menggunakan prabayar baki RM1 katakan kepada yang belum berdaftar akan dikira lupus selepas tempoh 15 Disember. Kalau RM1 kepada 9 juta, RM9 juta. Kalau RM2 kepada 9 juta RM18 juta dan begitulah berikutnya, apa rancangan kerajaan terhadap baki pemilik yang gagal mendaftarkan. Adakah duit itu akan terus hapus kepada syarikat-syarikat telekomunikasi ataupun ada dana yang akan dibentuk untuk disalurkan sumber ini. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih. Saya berterima kasih kepada soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Dewan, pendaftaran telefon mudah alih ini MCMC atau Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia sebab itu kita minta Telco apabila orang ramai atau pengguna-pengguna telefon mudah alih *prepaid* ini hendak mendaftar mereka kena bawa kad pengenalan supaya dapat menyemak bahawa mereka ini adalah pengguna telefon mudah alih yang sah. Bila bawa kad pengenalan itu kita yakin. Orang yang bawa kad pengenalan ini biasanya orang tak mudahlah hendak bagi orang lain gunakan kad pengenalannya.

Sebab itu kita minta orang itu sendiri daftar bawa kad pengenalan dan akhirnya pihak MMC atau Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ini akan semak pengguna ini dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Sebab itu untuk dari segi data-data ini yang hanya dibenarkan menyimpan data-data lengkap ini nanti hanyalah daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan mereka boleh menyemak pendaftar-pendaftar ini dengan Jabatan Pendaftaran Negara.

Dari segi lebihan itu sebagai mana yang telah saya nyatakan bahawa kita telah bagi tempoh yang cukup panjang setahun lebih kita kata tarikh terakhir untuk mereka mendaftar adalah 15 Disember tahun ini. Jadi cukup masa untuk mereka menggunakan apa sahaja baki dan sekiranya baki mereka tidak digunakan maka baki mereka nanti akan dianggap lupus. Sekian terima kasih.

10. Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, jumlah syarikat yang pernah diambil tindakan dalam menyalahgunakan bahasa Melayu dalam iklan sejak sepuluh tahun lalu, apakah bentuk kesalahan dan hukuman tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan laporan yang diterima oleh Kementerian dari sepuluh buah negeri jumlah premis yang pernah diambil tindakan kerana menyalahgunakan bahasa Malaysia dalam iklan sejak sepuluh tahun lalu ialah sebanyak 220 premis. Antara bentuk-bentuk kesalahan adalah:

- (i) tidak menggunakan atau mengutamakan Bahasa Malaysia dalam tajuk papan iklan;
- (ii) bahasa Malaysia tidak ditulis di bahagian atas papan iklan;
- (iii) saiz tulisan Bahasa Malaysia lebih kecil daripada bahasa yang lain;

- (iv) salah ejaan; dan
- (v) terjemahan Bahasa Malaysia yang salah.

PBT akan memberi notis perintah membetulkan kesalahan, menurunkan papan iklan dan mengenakan denda tidak melebihi RM2,000 ke atas tuan punya premis yang tidak mematuhi syarat-syarat lesen permit papan iklan yang ternyata dahulu. Selain daripada itu, pihak berkuasa tempatan selalu membuat lawatan premis dari semasa ke semasa untuk memastikan setiap pemilik premis atau syarikat mematuhi segala syarat yang telah ditetapkan. Terima kasih.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas jawapan yang diberikan. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita berjalan hari ini di bandar-bandar besar negara kita ini memang kita tak rasa macam berada di Malaysia. Papan iklan, *Modern Shoes*, *Sport Shop* dan banyak lagi contoh-contoh lain yang boleh kita lihat. Walaupun dalam masa sepuluh tahun seperti soalan yang saya tanya baru 220 buah premis tetapi saya rasa sekarang ini pun memang beribu-ribu premis yang masih lagi mengekalkan bukan bahasa kebangsaan sebagai bahasa utama dalam papan iklan. Baru-baru ini kita tahu DBP telah diberi kuasa untuk memantau dan juga melihat papan-papan iklan ini dari segi penyalahgunaan bahasanya.

Saya hendak tahu apakah kerjasama di antara Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan juga PBT terhadap penyalahgunaan dan kuasa yang diberikan kepada DBP ini untuk mengambil tindakan selain daripada hanya RM2,000 ke atas kesalahan yang telah dilakukan saya rasa cukup mudah untuk dibayar oleh syarikat-syarikat yang telah melanggar peraturan yang ada. Kuasa yang telah diberikan oleh Kementerian kepada pihak-pihak seperti PBT dan juga DBP untuk memantau ini. Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih. Di dalam undang-undang kecil iklan, syarikat-syarikat yang telah mendaftar nama mereka di bahasa-bahasa yang lain nama-nama itu boleh digunakan tanpa apa-apa terjemahan.

Cuma di keadaan dan jenama-jenama yang telah didaftarkan oleh syarikat macam Sunny dan sebagainya nama itu boleh digunakan tanpa apa-apa penterjemahan, ini telah ditetapkan di bawah undang-undang kecil. Oleh itu kadangkala kita nampak nama-nama macam *London Optical* atau *Kentucky Fried Chicken*, nama-nama yang tidak diterjemahkan kerana ini adalah nama yang telah didaftarkan oleh mereka semasa mereka mendaftarkan syarikat. Selain daripada itu, soalan tentang kerjasama di antara agensi-agensi, sampai masa sekarang tugas memantau dan melesenkan telah diberi kepada pihak-pihak berkuasa tempatan di bawah kerajaan-kerajaan negeri.

Apa yang telah dilakukan oleh Kementerian ialah menggubal dasar dan undang-undang kecil untuk diterima pakai oleh pihak-pihak berkuasa tempatan yang kebanyakannya telah menerimanya telah mewartakannya dan guna pakai. Baru-baru ini jemaah menteri telah membuat keputusan bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka pun telah diberi kuasa untuk turut mengambil bahagian di dalam proses ini. Kerjasama di antara pihak-pihak berkuasa tempatan dan Kementerian Dewan Bahasa dan Pustaka sekarang kita sedang selaraskan peranan kepada bahan cetak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sekijang.

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kenapakah begitu banyak syarikat sehingga dikatakan 200 premis yang terlibat di dalam penyalahgunaan Bahasa Malaysia ini. Sedangkan kita tahu semua bahawa setiap papan iklan atau iklan yang hendak dipaparkan itu terlebih dahulu mesti dirujuk kepada Kerajaan Tempatan untuk mendapatkan kelulusan, sedangkan dalam keadaan sebegini begitu banyak kesalahan yang berlaku. Persoalannya apakah pegawai-pegawai di Kerajaan Tempatan ini tidak mempunyai kelayakan ataupun pengetahuan yang cukup di dalam Bahasa Malaysia ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai pecahan apa kesalahan yang telah dilakukan oleh 215 premis yang saya telah nama tadi, tentang 212 yang saya telah beritahu tadi.

Akan tetapi di dalam ini ada premis-premis yang telah bina papan-papan hitam yang tidak mendapat lesen juga dan yang tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Walaupun masa lesen diberi beberapa syarat telah ditetapkan dan kelulusan dibuat, diasaskan kepada apa yang ditetapkan oleh pihak yang memberi lesen tetapi masa mereka buat itu dia tidak ikut dan tindakan diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan kerana tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Untuk jawab soalan tentang kelayakan pihak-pihak penguat kuasa, pegawai-pegawai penguat kuasa selalu diberi kursus untuk meninggikan kebolehan mereka untuk menguatkuasakan segala undang-undang kecil yang di bawah majlis. So, di dalam perkara ini saya ingat mereka mempunyai segala kelayakan untuk faham dan melaksanakan undang-undang itu. Terima kasih.

11. Tan Sri Dato' Dr. K. S. Nijhar [Subang] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian dalam menangani masalah banjir kilat di Kampung Matang Pagar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk menangani masalah banjir kilat di Kampung Matang Pagar daerah Gombak, Jabatan Pengaliran dan Saliran Negeri Selangor telah dan akan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan seperti membuang kelodak dan pasir yang memenuhi parit konkrit utama di terowong masuk ke jalan utama Matang Pagar; dan
- (ii) menjalankan kerja-kerja pembaikan tebing-tebing sungai yang runtuh akibat hakisan di Matang Pagar termasuk membuang halangan aliran sungai.

Terima kasih.

Tan Sri Dato' Dr. K. S. Nijhar [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Setiausaha Parlimen di atas jawapan tadi. Saya menghargai tujuan dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian dalam menangani masalah banjir di Kampung Matang Pagar. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat langkah-langkah ini tidak mencukupi. Penduduk Kampung Matang Pagar mula mengalami banjir kilat tiga tahun dahulu, 2000 keluarga menjadi mangsa bila banjir ini berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan.

Tan Sri Dato' Dr. K. S. Nijhar [Subang]: Ada sedikit penjelasan dahulu bila saya sampai situ. Bila banjir ini berlaku 2000 keluarga tidak boleh keluar daripada rumah, tidak boleh masuk rumah, sekurang-kurang tiga atau empat jam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Dr. K. S. Nijhar [Subang]: Ini kerana walau bagaimanapun ada langkah-langkah, peruntukan khas tidak diberi kepada pegawai daerah Gombak. Soalan saya tentang isu peruntukan ini. Bolehkah pihak kementerian memperuntukkan kewangan khas untuk menyelesaikan masalah ini di Kampung Matang Pagar.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat kerana prihatin atas perkara yang berlaku. Saya tidak boleh memberi jaminan bahawa saya boleh memberi peruntukan khas untuk kerja-kerja penyelenggara di Matang Pagar tersebut. Akan tetapi untuk tahun ini sahaja kita telah pun menyediakan sebanyak RM100,000 untuk penyelenggaraan di kawasan yang tersebut dan akan digunakan mengikut keperluan dan kaedah yang tertentu. Ingin saya nyatakan di sini kadang-kadang kita juga mempunyai masalah di kawasan ini kerana terdapat banyak rumah-rumah setinggan dan sebagainya yang menghalang laluan kenderaan berat untuk kita menyelenggara ke tebing-tebing sungai tetapi masalah ini sebenarnya saya akan bawa ke ataslah sebab sudah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

12. Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh] minta Menteri Kesihatan menyatakan, kadar kematian semasa kelahiran penduduk Malaysia.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, kadar kematian semasa kelahiran boleh merujuk kepada dua keadaan iaitu kadar kematian ibu bersalin atau dengan izin, *Maternal Mortality Rate*, MMR atau kadar kematian bayi semasa lahir, dengan izin, *stillbirth rate*. Kadar kematian ibu bersalin merujuk kepada kematian ibu sebab melahirkan anak, kematian yang berlaku dalam tempoh 42 hari selepas bersalin. Manakala kadar kematian bayi pula merujuk kepada kadar lahir mati. Untuk makluman Dewan yang mulia ini kadar kematian ibu bersalin di Malaysia pada tahun 2005 adalah sebanyak 0.3 bagi setiap 1000 kelahiran hidup manakala kadar kematian bayi atau *infant mortality rate*, dengan izin, Malaysia bagi tahun 2005 adalah sebanyak 4.4 bagi 1000 kelahiran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya pendek sahaja. Benarkah dakwaan yang mengatakan bahawa masyarakat Orang Asli yang paling ramai yang mengalami keadaan di mana mati semasa melahirkan anak dan anak-anak mereka juga mati dalam keadaan yang tidak mendapat rawatan yang secukupnya. Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri terima kasih kerana turun sendiri menjawab soalan saya. Saya ingin menyatakan bahawa ajal maut kuasa Allah, ikhtiar usaha duduk kepada kita manusia. Tuan Yang di-Pertua, penjagaan ibu dan kanak-kanak adalah penting sebagaimana yang diiktiraf oleh WHO dan juga kongres di Kuala Lumpur baru-baru ini pada 5 November dan 10 November. Saya ingin bertanya bagaimanakah 'Maternal Mortality Rate' negara kita jika dibandingkan dengan negara jiran dan negara maju. Bagaimanakah angka ini boleh dicapai dan diperbaiki lagi. Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih soalan kakanda saya daripada Pasir Puteh. Sebenarnya seperti ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sewaktu mewakili Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merasmikan *Federation of International Gynecology and Obstetrics* atau FIGO, yang diadakan di Kuala Lumpur awal bulan ini yang dihadiri oleh lebih kurang 8,000 pakar perbidanan dan sakit puan. Kadar kematian ibu bersalin dan juga *infant mortality rate*, Malaysia adalah antara yang terbaik di dunia. Jika saya boleh berkongsi maklumat dengan Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau kita bandingkan untuk tahun 2005, tadi saya kata 4.4, tapi tahun 2004 ialah 5.4. Kita bandingkan dengan negara jiran kita di Indonesia iaitu 36.8. Thailand - 7.2; Korea - 6.4; dan Filipina - 24.2. Dan kalau kita bandingkan dengan Amerika Syarikat, kita ialah 5.4 tetapi Amerika Syarikat ialah 6.8 atau dengan United Kingdom iaitu 5.1.

Jadi kalau kita rumuskan, kalau seseorang ibu mengandung melahirkan di Malaysia, jika dia mendapatkan rawatan daripada awal kandungan sehingga dia melahirkan anak, kebarangkalian telah menunjukkan bahawa 98% daripada kelahiran itu adalah kelahiran yang selamat. Ini kerana disebabkan tahun demi tahun dari sejak kita merdeka, bagaimana kita boleh capai angka-angka ini adalah kerana Kerajaan Perikatan dahulu, sekarang Kerajaan Barisan Nasional tidak henti-henti menjalankan program umum dan juga program khusus.

Salah satu faktor umum yang menjadikan data-data ini turun secara progresif sampai ke tahap negara maju adalah kerana komitmen kerajaan mengenai dengan pembasmian kemiskinan di mana dengan taraf hidup yang meningkat dan kualiti persekitaran yang lebih baik, ini sebenarnya dengan izin, *contribute* kepada penurunan angka-angka tersebut tetapi dalam hal Kementerian Kesihatan, faktor khusus adalah disebabkan oleh penyelerakan dan pendemokrasian kemudahan-kemudahan kesihatan dan perubatan yang uniform bukan sahaja di desa malah di bandar. Dulu kita buka pusat bidan, sekarang pusat bidan dah tak ada. Bidan pun dah dijumpukan, kita ada klinik desa.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, setiap kematian yang berlaku pada *infant* atau bayi yang kurang daripada satu tahun ataupun setiap kematian yang berlaku di kalangan ibu, sistem laporan dan kajian terperinci dibuat oleh *team* daripada Kementerian Kesihatan mengkaji secara terperinci supaya kejadian-kejadian yang ini tidak berlaku di masa-masa akan datang. Sekian.

13. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng] minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan:

- (a) jumlah lesen teksi yang dikeluarkan oleh kementerian setakat ini kepada individu dan syarikat; dan
- (b) sama ada kementerian boleh mengambil tindakan ke atas pemandu-pemandu teksi yang enggan mengambil penumpang ke destinasi-destinasi tertentu atau *radio taxi* yang enggan melayan penumpang.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga tarikh ini Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah pun mengeluarkan sebanyak 10,222 unit lesen teksi kepada individu dan 20,505 unit kepada syarikat. LPKP boleh mengambil tindakan ke atas pemandu-pemandu teksi yang enggan mengambil penumpang ke destinasi-destinasi tertentu.

Mengikut seksyen 27(1), kaedah-kaedah Kenderaan Bermotor Pengangkutan Perdagangan 1959, jika sabit kesalahan tindakan boleh diambil di bawah seksyen 25, Akta LPKP 1987 (Akta 334) atau kaedah-kaedah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan berkompanaan kesalahan 2003 termasuklah menggantung atau membatalkan lesen. Tindakan yang sama juga boleh diambil terhadap pengusaha-pengusaha teksi yang enggan melayan penumpang apabila membuat panggilan melalui *radio taxi*.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun kita dapati bahawa kementerian memang mempunyai hak untuk mengambil tindakan ke atas pemandu-pemandu teksi yang enggan mengambil pelanggan, kita lihat perkara ini masih berlaku lagi di banyak tempat. Jadi, saya nak tanya kepada kementerian apakah kaedah ataupun apakah cara yang kementerian ada untuk memantau, untuk memastikan perkara-perkara ini tidak berlaku dan kalau berlaku, kementerian boleh mengambil tindakan. Sebab kalau tidak, walaupun kementerian boleh mengambil tindakan tetapi maklumat tidak sampai, masih tidak dapat lagi mengambil tindakan untuk mengatasi masalah tersebut. Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian sememangnya sedang pun membuat sistem yang baru di bawah Kementerian Pengangkutan supaya setiap aduan dapat diberi secara terus kerana setakat ini aduan-aduan dibuat melalui SMS, ia akan pergi kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi tetapi ia akan diproses melalui mesin, diproses kepada bahagian trafik dan bahagian pengangkutan. Dalam sedikit masa lagi, insya-Allah kita akan memperbaiki sistem ini supaya ia akan terus sampai kepada sistem pengangkutan yang dibuat oleh Kementerian Pengangkutan.

Dan setakat ini, masalah yang timbul dan kita hadapi sebelum ini adalah masalah penguatkuasaan. Kementerian telah pun mula menambah pegawai-pegawai penguatkuasaan untuk memantau, meneliti dan meninjau kesalahan-kesalahan ataupun sebarang permasalahan yang dihadapi oleh pengguna dan teksi sendiri.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kementerian sedar bahawa kegiatan pemandu teksi yang bertempat di hotel-hotel bertaraf lima bintang mengenakan caj tambang berkali-kali ganda ke atas pelancong-pelancong asing tanpa menggunakan meter. Jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ke atas pemandu teksi yang tidak bertanggungjawab oleh kerana mereka akan menjejaskan nama baik kerajaan khususnya pelancongan. Dan berapakah jumlah bilangan aduan yang diterima oleh kementerian mengenai salah laku ini dan apakah tindakan menarik balik atau menggantung lesen mereka? Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, kementerian sememangnya sedar apa yang sedang berlaku sebab itu kita memperbaiki dengan sistem kupon. Kita harap semua pengguna-pengguna diberi pendidikan penggunaan teks kerana kita kadang-kadang merasakan bertahun-tahun perkara ini berlarutan dan dengan penambahan bilangan penguat kuasa pada hari ini, insya-Allah kita akan memperbaiki permasalahan yang kita hadapi. Setakat ini sebenarnya kementerian telah pun... Saya sudah ada ini. Kita sudah pun menerima beberapa aduan, laporan dan sebagainya dan tindakan sedang diambil terhadap mereka.

Kita juga sememangnya menjalankan tindakan yang lebih tegas terhadap laporan-laporan yang diadukan kepada - maafkan saya - walau bagaimanapun aduan-aduan itu bolehlah saya beri selepas ini. Sebab ada dalam simpanan saya, agaknya sudah kehilangan di sini. Jadi, walau bagaimanapun saya menyambut baik kepada pengguna-pengguna yang sedia memberi kerjasama dengan kementerian pertama apabila berlaku permasalahan dengan tambang yang lebih, tidak mahu membawa laluan yang kita kehendaki, ambil nombor teks. Tengok teks mana supaya kita dapat mengambil tindakan segera dan bekerjasama. Terima kasih.

14. Dato' Yap Pian Hon [Serdang] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) kenapakah banjir teruk melanda semula di Seri Kembangan pada 21 Jun 2006 selepas kerja-kerja pembaikan Sg. Kuyoh siap dilaksanakan; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukan khas akan diuntukkan bagi mengatasi masalah banjir di Sg. Kuyoh, Seri Kembangan pada tahun 2006 dan 2007 dan kenapa lewat untuk menyerahkan projek pembaikan Sg. Kuyoh kepada JPS Selangor selepas daripada tempoh tanggungan kecacatan selepas 31 Januari 2006.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebaik sahaja pembaikan Sungai Kuyoh siap dilaksanakan, didapati tumbuhan-tumbuhan liar telah tumbuh dengan cepat di tebing-tebing sungai yang tanahnya amat subur dalam tempoh masa satu tahun. Di samping itu didapati dasar Sungai Kuyoh juga mengalami mendapan melebihi satu meter disebabkan oleh pembangunan yang pesat di bahagian hulu kawasan tadahan sungai. Tambahan pula sistem parit-parit yang sedia ada yang kurang sempurna di kawasan jalan SK5 dan SK9 juga menyumbang kepada kejadian banjir semasa hujan lebat. Faktor-faktor tersebut di atas merupakan di antara punca-punca utama banjir kilat yang melanda semula kawasan rendah di Seri Kembangan.

Bagi Bahagian (b), peruntukan khas tahunan yang disediakan bagi mengatasi masalah banjir Di Sungai Kuyoh, Seri Kembangan pada tahun 2006 dan 2007 adalah sebanyak RM200 ribu dan sebaik sahaja Sungai Kuyoh diperbaiki, kerja-kerja pemantauan terus dilaksanakan oleh kontraktor jabatan sebelum ianya diserahkan kepada JPS Selangor. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dan Anggaran Pembangunan 2007 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." [*Hari Kesembilan*]

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.26 [Jadual] –

Maksud P.26 [Anggaran Pembangunan 2007] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Majlis dalam jawatankuasa. Kita masih dalam kepala bekal B.26 dan kepala pembangunan P.26 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

11.32 pagi

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi saya tidak akan mengambil masa yang panjang. Saya ingin merujuk kepada Butiran 00108 Perbadanan Kemajuan Negeri Perak. Menurut buku bajet ada peruntukan untuk Perbadanan Kemajuan Negeri. Saya ingin tahu setakat manakah kementerian ini akan memantau penggunaan peruntukan yang disampaikan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri.

Saya merasa sangat kesal kerana jika kita meneliti laporan-laporan audit Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, bagi tahun 1997 hingga 2002 tahun penyata kewangannya masih belum dibentangkan. Ada juga penyata kewangan yang belum diterima bagi Perbadanan Kemajuan Negeri Perak oleh pihak Ketua Audit Negara Jabatan Ketua Audit Negara. Jadi dalam aspek peruntukan disampaikan, tetapi setakat mana kementerian memantau bahawa kewangan mana akan digunakan dengan sebaik-baiknya dan ada ketelusan dan aspek yang penting ialah pentadbiran kewangan itu ada dijalankan dengan baik.

Selain itu program-program, program kalau kita tengok laporan Ketua Audit Negara bagi negeri Perak, ada satu *item* berkenaan Perbadanan dan Kemajuan Negeri Perak jelas menyatakan jabatan tidak berpuas hati dengan program yang telah dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak yang menyentuh program pembangunan usahawan yang juga salah satu objektif kepentingan kementerian ini untuk membantu usahawan bumiputera. Jadi saya pohon penjelasan dalam aspek ini dan apakah tujuan penggunaan peruntukan yang disampaikan dalam bajet dalam Butiran 00108 ini kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Perak.

Perkara kedua yang ingin saya bangkitkan adalah berkenaan dengan teks Tuan Pengerusi, jadi kita ada dengar jawapan oleh Yang Berhormat Menteri, 09600 Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan. Kementerian menyatakan penguatkuasaan ada sentiasa dijalankan tetapi kesalnya kita nampak tabiat-tabiat, sikap-sikap pemandu teksi ini kadang-kadang amat mengecewakan kami pengguna dan *consumer* teksi ini. Lebih-lebih lagi tahun depan adalah Tahun Melawat Malaysia. Kita tinggal berapa bulan lagi? Sebulan saja lagi.

Jadi kementerian kata ada sistem yang baru, jadi saya hendak tahu sempatkah ia diimplementasikan untuk memastikan tabiat-tabiati pemandu teksi ini yang enggan menggunakan meter ini tidak akan menjejaskan nama baik sektor pelancongan negara ini.

Satu masalahnya ialah Tuan Pengerusi, walaupun bukan masa *peak hour*, dengan izin, kita menghubungi radio teksi, banyak teksi. Operator teksi memberitahu tiada teksi hendak datang ke Parlimen. Saya bagi contoh, *not in peak hour*, enggan datang. Kalau kita pergi tengok mereka lebih suka berkumpul di tempat-tempat pelancong, KLCC, di lapangan terbang dan di *Petalong Street China Town*, di Pudu Raya, enggan bergerak. Walaupun kita meminta bantuan operator radio teksi, mereka akan kata tiada teksi, tapi padalannya banyak teksi tapi mereka ingin mengenakan tambang yang sangat tinggi untuk pelanggan mereka. Jadi mereka enggan untuk bergerak untuk mengambil pelanggan di tempat yang walaupun dekat dengan tempat mereka yang sedia ada itu.

Jadi dalam aspek ini bagaimana pihak kementerian memantau radio-radio teksi ini memastikan bahawa teksi-teksi ini bekerjasama untuk memastikan *consumer* kami ini akan mendapat perkhidmatannya. Satu perkara lagi, ini adalah pandangan seorang pemandu teksi kepada saya dia kata kalau pihak kementerian benar-benar ingin menangkap pemandu teksi yang tidak bertanggungjawab mereka sepatutnya jangan berpakaian seperti pegawai biasa. Atau memanggil polis untuk membuat tangkapan. Mereka mestilah menyamar seperti pelancong, membawa beg-beg keluar daripada lapangan *airport*. Kalau macam pihak kami kalau kita menaiki kapal terbang kita keluar lapangan *airport* masih nampak banyak ulat-ulat.

Jadi mengapakah dalam aspek ini pihak kementerian, saya haraplah boleh ambil pandangan seorang pemandu teksi, dia kata boleh menyamar. Dia kata ini menjejaskan imej saya. Saya pemandu teksi juga tetapi teksi-teksi yang lain akan menjejaskan imej mereka juga, buat samaran. Buat masa ini, adakah pihak kementerian ada mengambil langkah ini. Pemandu teksi ini juga menyatakan hukuman sedia ada nampaknya kurang berat. Dia kata ada yang denda beberapa ratus sahaja, beberapa *trip* pergi lapangan terbang, mereka boleh dapat balik wang tersebut dan juga kalau ada juga teksi ditahan dua tiga hari sahaja dia kata hukuman ini kononnya tidak menjadi *preventive*, pencegahan, menjadikan pemandu yang berhemah dan juga mengikut syarat-syarat lesen mereka. Dalam aspek ini apakah pihak kementerian ada membuat kajian.

Satu lagi, saya dimaklumkan ada *over supply* dengan izin, teksi-teksi dan kebanyakan teksi-teksi ini terbiar di stor-stor. Apakah ini benar? Seheinggakan syarikat-syarikat teksi kena menurunkan sewa teksi daripada RM50 ke RM42 tetapi masalahnya saya nampak Tuan Pengerusi, teksi-teksi ini yang enggan bergerak. Pada masa ini *consumer* minta teksi, tiada tetapi mereka lebih suka berkumpul sana. Jadi adakah wujud masalah *over supply* dalam aspek ini? Pada masa yang sama *consumer* tidak boleh mendapat perkhidmatannya. Jadi saya pohon penjelasan dalam aspek ini.

Perkara yang ketiga dan akhir saya ingin tahu sama ada di bawah bidang kuasa kementerian itu, tabung pembangunan pengangkutan awamnya. Peruntukan permulaan sebanyak RM200 juta untuk membantu teksi-teksi yang telah berumur lebih daripada tujuh tahun ada satu dasarnya, mereka kena tukar kenderaan dan bas sepuluh hingga 15 tahun. Di mana ada satu tabung untuk membantunya. Apakah ini di bawah bidang kuasa kemudian jika ya bagaimana ia akan dilaksanakan, siapakah yang boleh memohonnya dan juga bila ia akan diagihkan untuk mereka yang berminat untuk mendapatkan bantuan ini. Bagaimana untuk memastikan selepas bantuan disampaikan, ia akan membantu juga kepada *consumer* dan tiada kenaikan harga. Kerana mereka telah menukar teksi, mereka akan menyatakan kos saya telah meningkat. Saya ingin pohon penjelasan terhadap beberapa perkara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tenom.

11.40 pagi

Tuan Raime bin Unggi [Tenom]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan Kepala 01052 berkenaan dengan Tabung Ekonomi Usaha Niaga ataupun TEKUN dan begitu juga dengan 01504.

Tuan Pengerusi,, pembangunan usahawan untuk mendapatkan sasaran pada matlamat Rancangan Malaysia Kesembilan akan datang adalah salah satu matlamat kerajaan untuk membangunkan seramai 150,000 usahawan pelbagai peringkat dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Berdasarkan kepada perancangan ini, negara ingin menyaksikan kelahiran lebih kurang 30,000 usahawan setiap tahun bagi tempoh lima tahun akan datang.

Jadi untuk mencapai sasaran ini Tuan Pengerusi, beberapa strategi meliputi bantuan pembiayaan ataupun latihan keusahawanan serta galakan pemasaran dalam dan luar negara. Tuan Pengerusi, di sini saya ingin tekankan bahawa pentingnya tabung usahawan yang dapat membantu usahawan-usahawan baru dan usahawan-usahawan sedia ada seperti mana Skim TEKUN dan juga Skim Jaminan Usahawan Kecil yang memperuntukkan sebanyak RM60 juta untuk membangunkan usahawan, cukup-cukup kita alu-alukan.

Kita semua tahu bahawa Skim TEKUN ini ialah satu pendekatan untuk membantu usahawan kecil untuk mendapatkan pinjaman bagi menjalankan kegiatan perniagaan. Persetujuan mewujudkan TEKUN mempunyai kaitan dengan Resolusi Konvensyen Ekonomi Bumiputera pada tahun 1994 yang memberi penekanan kepada pembangunan keusahawanan sejajar dengan Wawasan Dasar Pembangunan Nasional dalam membentuk masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.

Projek TEKUN yang telah diwujudkan untuk membantu usahawan kecil mendapatkan pinjaman modal secara mudah, cepat dan tidak membimbangkan. Ia juga dapat mengatasi kesulitan yang sering dihadapi oleh usahawan kecil untuk mendapatkan pinjaman modal menerusi institusi kewangan sedia ada disebabkan proses kelulusan mungkin terlalu lama dan juga mungkin juga terlalu ketat.

Di sini saya ingin mempersoalkan, ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah proses-proses ini boleh dikurangkan ataupun disingkatkan yang mana ia telah mengambil masa yang begitu lama dan menyebabkan kebanyakan daripada peniaga-peniaga kecil atau penjaja-penjaja kecil ini terpaksa berhadapan dengan pelbagai kerenah birokrasi? Dan saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sejauh manakah Skim TEKUN ini dapat memberi keberkesanan kepada penduduk-penduduk di luar bandar khususnya di kawasan-kawasan luar bandar?

Baru-baru ini juga dalam laporan akhbar ada melaporkan kira-kira 1000 pinjaman Yayasan TEKUN Nasional di seluruh negara yang berhadapan dengan tindakan mahkamah berikutan kegagalan untuk membayar balik pinjaman modal sejak lima tahun yang lalu. Tindakan itu jalan terakhir bagi mendapatkan balik hutang daripada peminjam yang membuat pinjaman antara RM5000 sehingga RM10,000 sejak tahun 1999 dan saya ingin bertanya kepada pihak kementerian berkenaan dengan kemudahan bagi pegawai-pegawai yang mengambil balik pinjaman-pinjaman yang mana saya lihat seperti di kawasan saya, saya lihat pejabat TEKUN sendiri tidak mencukupi untuk mengambil balik bayaran-bayaran pinjaman daripada para peminjam dan saya harap perkara ini dapat diambil perhatian oleh pihak kementerian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi Datuk Dr. Yusof bin Yacob: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

11.44 pagi

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ingin minta tarik perhatian Butiran 010200 – Usahawan; 010300 – Pembangunan; dan juga 020300 - Pembangunan Koperasi Negeri.

Tentang usahawan ini saya ingin merujuk kepada Laporan Audit Negara tahun 2005 berhubung dengan Program Pembelian Ruang Niaga. Dalam laporan ini menunjukkan bahawa *delivery* kementerian tidak mencapai sasarannya kerana dalam Rancangan Malaysia Kesembilan telah diberi satu peruntukkan yang besar iaitu kira-kira RM375 juta untuk membeli ruang niaga ataupun premis ruang niaga sebanyak 500 lot tetapi hasil dalam tempoh lima tahun, cuma dapat membeli kira-kira 130 lot sahaja.

Ini menunjukkan ada kelemahan yang nyata dan di sini menunjukkan kepada kita masalah kewibawaan pihak kementerian untuk menyediakan ruang dan peluang kepada usahawan-usahawan bumiputera untuk terlibat secara agresif terutamanya dalam berniaga di ruang-ruang yang telah ditetapkan oleh kementerian ini, terutamanya oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi ini.

Saya ingin penjelasan lanjut tentang Laporan Audit ini. Setakat manakah proses pembanciannya, penambahbaikan dalam kita menjalani *the way forward* ataupun melangkah ke hadapan untuk perancangan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini, berdasarkan kepada *shortfall*, dengan izin, prestasi tidak mencapai sasaran dengan peruntukkan yang agak besar tetapi prestasinya daripada 500 lot yang dicadangkan dalam rancangan itu, tetapi Laporan Audit menyatakan cuma pada akhir Rancangan Malaysia Kelapan itu hanya 130 lot tempat ruang niaga dapat dicapai.

Perkara seterusnya ialah dalam usaha menggalakkan usahawan bumiputera untuk terlibat dalam kegiatan perniagaan terutamanya pasar raya ini. Saya ingin mencadangkan supaya satu *paradigm* baru dapat dibuat terutamanya dalam usaha kerajaan menggalakkan pasar raya halal. *Halal Hub* ini maka dalam konteks ini saya ingin mencadangkan supaya pasar raya yang berkonsepkan halal sepenuhnya secara *franchise* dapat dianjurkan sama ada dalam negeri mahupun di luar negara. Dan dalam konteks ini sebenarnya sudah ada rancangan yakni dalam usaha menggalakkan usahawan *franchise* ini di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan disebut bahawa, sasarannya ialah untuk melahirkan 1000 usahawan *franchise* ini.

Maka dalam konteks ini juga saya ingin menyebut dengan lebih awal lagi supaya tidak berlaku kegagalan untuk kali keduanya terutama dalam kita menyediakan usahawan-usahawan *franchise* ini seperti mana yang kita telah anggarkan. Kalau sekiranya hendak melahirkan 1000 orang usahawan *franchise* di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, ertinya setiap tahun, 200 orang usahawan perlu dilahirkan. Maka dalam konteks ini berdasarkan kepada Laporan Audit yang lalu terdapat kegagalan. Maka dalam konteks ini juga harus dipastikan kita mencapai sasarannya untuk kita benar-benar merealisasikan Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Saya ingin bertanya kepada kementerian ini, apakah strategi-strategi untuk memastikan *delivery*, untuk memastikan pencapaian itu menepati sasaran seperti mana yang disebut ini. Selain daripada itu juga, saya ingin menyebut di sini supaya pasar raya yang berkonsepkan halal ini juga diperluaskan di peringkat luar negara, di peringkat antarabangsa. Kalau sekiranya di negara kita tentang makanan ataupun pasar raya yang berkonsepkan halal itu bukan merupakan suatu yang sukar, tetapi kalau di luar negara barangkali ini boleh menarik pelanggan-pelanggan ataupun *customer* daripada masyarakat Islam di luar negara yang perlu mendapat bekalan *halal food* atau pun makanan-makanan halal ini. Maka di sini juga saya ingin mencadangkan supaya diperluaskan, diperkenalkan pasar raya halal di peringkat antarabangsa atau di peringkat dunia.

Saya ingin juga menyebut di sini supaya tindakan-tindakan yang proaktif dibuat untuk memastikan siswazah-siswazah kita yang sekarang ini sedang mencari pekerjaan dan ada kelayakan supaya dapat ditarik dan terlibat sama untuk menceburi bidang *franchise* ini kerana dalam bidang ini, tidak perlu disusahkan ataupun dirumitkan dalam urusan penjenamaan, pelabelan dan promosi sebab ia adalah merupakan satu *product franchise* sebab ini adalah merupakan tanggungjawab *franchisor* sahaja. Tugas *franchise* di sini adalah semata-mata untuk menguruskan manual perniagaan dengan baik, mengawal perbelanjaan dan ini adalah perkara yang lebih mudah. Saya kira ini mempunyai potensi untuk kita berjaya, tinggal lagi apakah ikhtiar-ikhtiar dan tanggungjawab yang harus dibuat oleh kementerian ini untuk memastikan perancangan ini dapat dicapai.

Seterusnya saya ingin tarik perhatian berhubung dengan Pembangunan Koperasi Negeri. Saya ingin juga menyebut di sini supaya agenda koperasi ini dapat dijadikan sebagai satu agenda yang penting untuk memastikan usahawan bumiputera dapat bergerak dan dapat memberi sumbangan dalam usaha kita memastikan kemiskinan di kalangan masyarakat bumiputera dapat diatasi.

Dalam konteks ini juga saya ingin bertanya sejauh manakah Program Pembangunan Koperasi telah diperluaskan dalam kurikulum pendidikan di sekolah sebab ini adalah merupakan agenda yang penting.

Kita tidak mahu ini cuma merupakan satu agenda *advocate* sahaja yakni diketengahkan, disuarakan sahaja oleh kementerian ini dan terserah bulat-bulat kepada Kementerian Pelajaran untuk melaksanakannya ataupun Kementerian Pengajian Tinggi. Pokoknya rangkaian hubungan dan juga sokongan-sokongan yang mantap harus diberikan untuk memastikan kesedaran di kalangan pelajar-pelajar kita terutamanya murid-murid, kalau boleh di peringkat rendah lagi, kemahiran manipulasi ataupun kemahiran urus niaga di peringkat sekolah itu dapat disuntik dan dibina dalam pengetahuan anak-anak kita. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Kubang Kerian.

11.51 pagi

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang beberapa perkara yang berkaitan dengan Butiran 03000 – Majlis Amanah Rakyat yang berkaitan dengan Butiran 040300 dan juga Butiran 01502 tentang Tabung Ekonomi Usaha Niaga iaitu yang juga bermaksud TEKUN.

Tuan Pengerusi, apabila saya meneliti tentang objektif Majlis Amanah Rakyat ini memaju, menggalak dan membangunkan ekonomi dan masyarakat bumiputera ke arah pewujudan satu masyarakat pengusaha dan peniaga bumiputera yang progresif dan kukuh ini, saya telah melihat dengan teliti tentang prestasi aktiviti yang melibatkan yang pertama tentang usahawan ini yang dilatih, pengambilan pelatih dalam bidang kemahiran, pelajar yang ditaja di dalam dan di luar negara, penyewaan premis perniagaan dan ruang kilang dan akhir sekali pelatih Giat MARA.

Tuan Pengerusi, yang pertama yang ingin saya sentuh ialah tentang adakah pihak penguasa MARA atau pentadbiran MARA telah melihat dengan teliti tentang premis-premis yang disewa di seluruh negara, di mana saya mendapat beberapa laporan tentang terlibatnya satu aktiviti iaitu orang lain yang mendapat lesen, orang lain yang menjalankan aktiviti perniagaan dan perkara ini tidak seharusnya berlaku di saat kita telah banyak bercakap, dan kita merasa cukup malu apabila masalah ekonomi bumiputera ini menjadi satu polemik yang tidak berkesudahan, yang meresahkan masyarakat seluruh negara kita dan khususnya yang dibincangkan di dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini.

Sampai bilakah kita akan berpolemik dan dapat menyelesaikan masalah ini selagi mana ada sikap yang ditunjukkan oleh orang Melayu sendiri, bumiputera sendiri yang tidak pernah sedar akan peranan mereka, tanggungjawab mereka kepada negara dan bangsa mereka sehingga ada lagi aktiviti yang seperti ini, hatta dalam sebuah premis yang kecil begini pun, pusaka ini pun hendak direbut sesama sendiri. Tidak cukup ke dengan apa yang mereka dapat dan lesen-lesen yang lain sehinggakan hak yang begini kecil pun hendak dijadikan sebagai habuan khazanah di dunia ini?

Saya cukup kesal apabila laporan ini kita dapat buktikan ada banyak lesen ini diberikan kepada orang politik tertentu dan disewakan dan sudahlah pendapatan ini amat kecil. Bayangkan peniaga di dalam ruang yang kecil begitu, lesen orang lain yang punya, kemudian disewakan dengan pendapatan yang begini kecil, bagaimanakah mereka boleh hidup. Apatah lagi kalau kita bercakap untuk kita meningkatkan ekuiti kita pada tahap 30%. Kalau macam ini perangai kita, sampai kiamat pun, sampai dunia ini runtuh pun matlamat ini tidak akan dapat dicapai kalau sikap yang begini masih ada lagi.

Oleh itu saya mengharap kementerian ini telah sampai masanya untuk bertindak lebih proaktif, lebih bertanggungjawab dan memastikan lesen-lesen yang diberikan ini benar-benar kepada anak-anak bumiputera yang mereka memang minat berniaga. Saya dapat laporan seorang remaja kelulusan universiti, siswazah yang menganggur, sebagai contoh. Tidak apalah mereka melupakan tentang ijazah mereka yang siang malam mereka jual burger di tepi jalan yang memang minat berniaga tetapi bila minta tempat dan premis ini, terlalu banyak birokrasi. Orang lain yang tidak ada kena- mengena dengan perniagaan diberikan lesen. Ini sikap yang saya rasa kita kena ambil satu tanggungjawab.

Pihak MARA kena benar-benar memastikan ruang-ruang ini diberikan kepada mereka yang benar-benar minat berniaga.

Ada anak-anak yang sanggup untuk meninggalkan, kalau kita hendak salahkan siswazah yang menganggur ini, ada di antara mereka yang meninggalkan bidang mereka, masuk dalam bidang yang baru mencuba kecil-kecilan, berniaga secara kecil-kecilan dan memang berminat tetapi tidak ada tempat. Minta dengan MARA tidak dapat, birokrasi terlalu banyak dan bila disiasat kedai-kedai yang ada itu, taukenya ataupun tuan punyanya tidak pernah datang tetapi hanya dapat wang sewaan percuma setiap bulan. Jadi perkara ini saya harap mendapat suatu perhatian dan kalau ini tidak boleh diubah di premis-premis MARA sendiri, maka kita akan terus bercakap tentang perkara ini dan orang lain akan terus mentertawakan tentang sikap dan integriti kita sendiri.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin menyebut tentang pelajar yang ditaja di dalam dan di luar negara. Dalam aspek ini saya suka untuk menyatakan dan minta penjelasan daripada pihak kementerian, adakah biasiswa atau pinjaman yang diberikan ini, kita hari ini hanya sekadar terikat kepada kursus-kursus di bidang yang kritikal sahaja dengan kita mengabaikan terus-menerus pelajar-pelajar yang cemerlang dalam bidang sastera, sebagai contoh, bidang-bidang sains kemasyarakatan, bidang-bidang sains politik, adakah mereka terus diabaikan.

Kalau beginilah sikap MARA seterusnya, ia hanya memberikan biasiswa untuk mereka melanjutkan pelajaran di dalam negeri dan di luar negara yang hanya mereka mengkhususkan, yang dapatnya hanyalah yang layak dalam bidang teknikal dan bidang yang kritikal sahaja, maka saya bimbang pelajar yang juga cemerlang, yang ada sumbangan dalam bidang sains sosial, dalam bidang sains politik ini akan terus terabai. Saya ingin memfokuskan kalau kita hanya hendak berbincang tentang melonjakkan apa yang dikatakan modal insan yang ada pada hari ini.

Ini disebut banyak kali tentang modal insan melahirkan generasi ataupun individu yang bertanggungjawab bila mereka mendapat tempat dalam syarikat-syarikat GLC kerajaan, sebagai contoh, syarikat-syarikat yang besar, mereka tidak hilang tanggungjawab mereka, tidak hilang jati diri mereka, tidak hilang kemanusiaan mereka, manusiawi mereka tidak hilang, menjadi seorang yang berjaya tetapi lupa daratan. Ini yang kita tidak perlukan kepada individu yang seperti ini.

Dalam aspek ini, MARA sebagai sebuah agensi yang menaja pinjaman ataupun biasiswa ini mestilah melihat juga aspek-aspek yang melibatkan pelajar-pelajar di bidang sastera ini. Kalau kita hendak bercakap tentang *human development*, sebagai contoh, pembangunan manusia, separuh daripada aspek yang menyentuh tentang *human development* ini adalah yang melibatkan tentang bidang sastera, sains sosial. Kalau ini diabaikan, diperlekehkan saya bimbang satu hari esok ada satu *mindset* di kalangan guru dan yang lebih parah lagi di kalangan masyarakat yang menganggap bahawa pelajar-pelajar yang mengambil bidang sastera ini adalah pelajar-pelajar kelas kedua, *second class* yang kita perlekehkan, yang sepatutnya kita faham bahawa pemimpin-pemimpin besar dunia pun, ahli-ahli politik yang bertaraf *world class* yang ada pada hari ini pun tidak semuanya lahir dalam bidang yang kritikal, tetapi mereka adalah terlibat dalam bidang-bidang sains sosial, bidang sastera, pengajian bahasa dan seumpamanya.

Jadi saya mengharapkan kita tidak akan terperangkap dalam satu paradigma pemikiran yang hanya mengatakan modal insan yang terbaik nanti adalah di kalangan sektor ataupun di kalangan golongan yang kritikal ini, doktor, *lawyer*, *engineer* sahaja dan bidang yang berjuang ataupun mengambil dalam bidang sastera ini dianggap sebagai golongan yang *second class* yang tidak ada nilai dalam pembangunan Negara...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: [Mengetuk pembesar suara]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Cameron Highlands bangun Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Okey, sila.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya tertarik dengan perbincangan Yang Berhormat ya. Saya ingin meminta penjelasan yang mengatakan bahawa golongan-golongan yang dididik dalam kursus-kursus teknikal dan sains ya.

Tidak mempunyai rasa nasionalisme yang tinggi dan juga kurang dari segi nilai estetika akibat daripada penumpuan yang terlalu banyak kepada butiran-butiran ilmu yang keterlaluan. Berbanding dengan golongan-golongan pelajar sastera yang didedahkan kepada estetika, kehalusan bahasa dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan nasionalisme yang termaktub contohnya dalam kesusasteraan Melayu.

Maka perlulah kita kembali untuk melihat semula kandungan-kandungan yang sedia ada dengan bantuan Kementerian Warisan supaya pelajar-pelajar kita di *reoriented* semula, dengan izin, dengan satu nasionalisme baru, kalau tidak *brain drain* kita semakin hebat dan kita akan kekentalan dan kehilangan nilai-nilai yang menyuburkan kemalaysian dan juga insan-insan sebelah ketimuran, minta penjelasan.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Saya setuju dengan pandangan daripada sahabat saya dan dia orang sastera dahulu, cikgu sastera yang mengajar dan yang ada banyak pengalaman dan saya setuju apabila kita mengkaji sedikit, saya ingat satu *quotation* yang dibuat oleh Sigmund Freud ya, dalam dia menghuraikan tentang *cognitive* ini bidang pembangunan otak kanak-kanak ini dan juga dilibatkan dalam perkembangan kognitif remaja ini dan dia telah menyebut dengan jelas bahawa insan ini ataupun manusia ini, mesti seimbang, mesti diseimbangkan. Ini disebut oleh Sigmund Freud dalam penemuannya yang saya pernah baca, bila menghuraikan begitu umum tentang *human development* itu sendiri.

Jadi saya setuju dengan sahabat saya tadi bahawa sama ada di dalam bidang yang kritikal, teknikal ini dan bidang sastera ini minta diseimbangkan. Kalau tidak manusia ini akan tempang, tempang dan sudah tentu mereka ini tidak dapat menjadi insan yang sempurna yang dapat menyumbang kebolehan mereka, intelektual mereka ini terhadap mana-mana bidang khususnya bila mereka ini matlamat akhirnya ialah mereka ini akan pergi dalam masyarakat dan masyarakat inilah yang membantu sebuah negara.

Oleh sebab itu kita mesti melihat bahawa semua potensi-potensi ini mesti dibangunkan secara lestari dan secara yang bijak dengan tidak kita mengasingkan ataupun kita hanya meminggirkan dalam mana-mana bidang ilmu ini dan kita akan mengangkat dalam satu aspek yang lain, nanti akan berlaku kalau masyarakat yang pincang dan tidak akan dapat menikmati kesempurnaan intelektual mereka itu dalam sebuah masyarakat.

Oleh itu Tuan Pengerusi terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Cameron Highlands tadi yang memberikan saya input baru dan menyegarkan kembali ingatan saya terhadap proses kemanusiaan ini. Yang akhir sekali saya hendak sebut tentang usahawan yang dilatih ini Tuan Pengerusi, di mana saya mengharapakan supaya TEKUN ini saya minta satu *review*, saya minta ianya dikaji semula dan diberikan suatu wajah baru supaya TEKUN juga tidak termasuk dalam perangkap politik yang sempit.

Jadi saya mengharapakan supaya MARA dan menteri yang baru ini dapat melihat usahawan ini dalam bentuk yang lebih luas tentang keupayaan mereka yang sebenarnya, tidak kira daripada mana datangnya mereka. Sampai masanya saya rasa usahawan yang dilatih ini adalah mereka yang benar-benar berminat, yang benar-benar berkubang, berlumpur dan keringat mereka dan titik peluh mereka, mereka asaskan daripada awal yang mereka ini ingin menjadi seorang usahawan dan mereka mesti diberikan peluang yang adil tanpa daripada mana mereka datang. Jadi pemikiran tentang mereka ini daripada pembangkang, mereka ini daripada satu kumpulan tertentu ini saya rasa pemikiran yang *out-of-date* sebenarnya, kira jangan menjadi pemimpin negara yang hanya melihat ini suatu premis yang kita hendak agungkan dalam kita hendak mengagungkan ataupun kita hendak *towering* bangsa kita ini.

Cakap tentang *towering* tetapi biarlah mentaliti kita juga *towering* dan jangan cakap tentang *towering* mentaliti kita ini masih lagi zaman penjajah dahulu. Jadi saya mengharapakan supaya usahawan ini dilatih, dipupuk dan diberikan galakan dan mereka yang benar-benar berminat diberikan peluang dan tidak berminat yang hanya hendak jadi jutawan dalam masa sesuatu malam, yang mahu menjadi usahawan ataupun hendak meraih keuntungan dalam masa yang singkat ini, kita nyahkan supaya kita lebih berjaya pada masa yang akan datang, sekian Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Rembau.

12.06 tgh.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada butiran di bawah MARA dan juga di bawah Jabatan pembangunan Koperasi. Jadi sebagaimana yang kita sedia maklum, MARA merupakan salah satu agensi yang bertanggungjawab membangunkan sumber manusia yang berkemahiran bagi membolehkan masyarakat Bumiputera khususnya melibatkan diri dalam aktiviti yang bernilai tinggi dan berteraskan pengetahuan, *knowledge based* terutama dalam bidang-bidang teknikal seiring dengan keperluan industri.

Di dalam hubungan ini saya telah melihat peranan yang telah dimainkan oleh IKM, Kolej Profesional MARA, Kolej Politek MARA dan juga Pusat Giat MARA. Institusi-institusi ini memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha membangunkan tenaga mahir masyarakat bumiputera tetapi malangnya tidak ramai bumiputera yang merebut peluang ini. Mungkin promosi yang dijalankan mungkin tidak begitu hebat, biasanya Kolej Politek MARA ataupun Kolej Profesional MARA menjadi pilihan kedua ataupun ketiga sahaja kepada pelajar-pelajar lepasan SPM dan juga belia-belia kita yang menganggur.

Jadi saya hendak sarankan kepada MARA dengan usaha sama, mungkin Majlis Pembangunan Daerah yang telah ditubuhkan supaya menjalankan kegiatan promosi yang lebih agresif melalui sekolah-sekolah, melalui pertubuhan-pertubuhan belia dan juga JKK serta PIBG supaya institusi-institusi pendidikan MARA ini menjadi pilihan pertama kepada masyarakat Bumiputera kita sebab saya lihat ramai daripada lepasan belia kita, daripada SPM dan sebagainya banyak membuang masa di jalan-jalan raya, menjadi mat rempit dan sebagainya, sedangkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ialah masanya untuk kita membudayakan ilmu di kalangan masyarakat. Jadi saya rasa, saya berharaplah pihak kementerian akan memberi perhatian kepada perkara ini dan insya-Allah. Di peringkat akar umbi kita akan memberi kerjasama yang sebaik-baiknya.

Yang keduanya ialah soal Bangunan Perniagaan – 00614 dan juga Program Pembelian Ruang Niaga - 09001 dan Pajakan Ruang Niaga – 09002. Jadi mengikut kajian yang telah dijalankan oleh pihak EPU, rata-rata bangunan perniagaan yang dimiliki oleh bumiputera sangatlah kecil terutamanya di Bandar-bandar besar. Cuma di antara 6% ke 12% sahaja. Kalau dilihat bangunan industri memanglah lagi kecil bilangannya sedangkan ruang niaga ini sangat penting dalam usaha kita untuk memasarkan produk-produk yang diusahakan oleh masyarakat luar bandar sekarang ini, di luar bandar giat dijalankan pengusahaan makanan ringan, kraf dan sebagainya yang diusahakan oleh ibu-ibu tunggal dan juga masyarakat setempat serta para petani tetapi dari segi tempat ataupun *showroom* untuk dipasarkan produk-produk ini yang mana tempat ini agak terhad.

Sebab itu saya cadangkan walaupun mungkin kita sudah agak terlewat supaya pihak MARA membina ruang-ruang niaga di tempat-tempat yang strategik di tiap-tiap negeri dan di tiap-tiap daerah pula dibina sekurang-kurangnya satu *showroom* mungkin tetapi tempatnya mestilah strategik dalam bandar sendiri dan juga di tepi-tepi jalan raya supaya dengan itu produk-produk yang dihasilkan oleh masyarakat luar bandar tadi tambahan pula sekarang ini kita sedang menghidupkan semula industri asas tadi supaya dapat dipasarkan dengan lebih mudah.

Jadi maknanya di luar bandar tadi wanita-wanita kita dia menghasilkan dan pemasaran ini boleh dibuat oleh koperasi. Sekarang ini kita lihat kebanyakan koperasi di luar bandar cuma mengadakan kemudahan pinjam-meminjam sahaja. Sudah sampai masanya supaya koperasi ini digerakkan, tambahan pula kita lihat contoh yang terbaik iaitu Bank Rakyat telah memberikan keuntungan yang sangat besar iaitu kira-kira 15% untuk tempoh tujuh tahun berturut-turut, lebih baik daripada pulangan diberikan oleh saham-saham amanah yang diusahakan oleh Perbadanan Nasional Berhad.

Jadi, sebab itulah selaras dengan usaha kita untuk menjadikan koperasi sebagai jentera ketiga pembangunan ekonomi negara diharap dapat kiranya pihak kementerian mungkin melalui Suruhanjaya Koperasi yang akan ditubuhkan nanti mengatur strategi yang lebih berkesan supaya koperasi-koperasi luar bandar ini yang ada banyak.

Akan tetapi mungkin sebahagian ini kecil-kecil sahaja modal RM50 ribu RM60 ribu supaya mungkin dapat digabungkan menjadi satu koperasi yang besar dan di setiap daerah mungkin kita boleh ada satu atau dua koperasi yang khusus tugasnya untuk memasarkan produk-produk yang diusahakan oleh masyarakat luar bandar yang di usahakan oleh petani, nelayan dan juga mungkin ibu-ibu tunggal yang ada di sesuatu kawasan itu.

Sebahagian daripada ini, pihak yang mengeluarkan produk, dia tumpu kepada pengeluaran sahaja, pemasaran akan diuruskan oleh koperasi. Dengan itu akan ada pengkhususan. Jadi, ibu-ibu tunggal di luar bandar dan juga penduduk luar bandar tidak perlu sangat memikirkan soal pemasaran, sebab pemasaran kan diambil alih oleh orang koperasi. Dan bagi ahli-ahli yang berada di luar bandar yang tidak mengusahakan makanan ringan atau kraf tadi dia boleh jadi ahli koperasi. Jadi, dengan segi ini, kalau koperasi mendapat keuntungan, mereka juga akan mendapat dividen dan bonus yang dikeluarkan dari masa ke semasa.

Jadi, selain daripada itu saya juga harap pihak MARA juga akan dapat menimbangkan untuk menambahkan lagi peruntukan untuk promosi. Ini kerana saya difahamkan memang ada peruntukan misalnya untuk *packaging*, untuk *branding*, untuk pembungkusan dan sebagainya, tetapi peruntukannya agak terhad, dan kalau boleh ditambah lagi khususnya untuk usahawan-usahawan yang baru muncul di luar bandar yang mereka tidak ada banyak pilihan untuk mendapatkan sumber kewangan selain daripada tekun, mereka sangat-sangat berharap kepada MARA.

Jadi, saya berharap dalam masa yang sama, pihak kementerian juga akan memikirkan dari soal dalam bab pentadbiran ibu pejabat tadi di MARA ini di peringkat daerah saya ingat pegawai ini kebanyakannya agak *junior* kalau dibandingkan dengan pegawai daerah dan sebagainya. Kalau boleh, pertama ditambah bilangan *staff* di peringkat daerah yang sekarang ini ada dua tiga orang sahaja. Macam di kawasan saya di Rembau, ada dua tiga sahaja. Kemudian, dari segi gred kalau boleh biarlah, kalau pun tidak dapat Kumpulan 'A', mungkin 'B' Kanan. Sepadan dengan itu, usaha kita untuk membimbing masyarakat luar bandar melalui MPUD dan juga badan-badan yang lain akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Seputeh.

12.13 tgh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin rujuk kepada Butiran 09600 Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan. Tuan Pengerusi, saya ingin bangkitkan beberapa isu berkenaan dengan kereta teksi, khususnya teksi limousin. Soalan-soalan saya adalah berikut:

- (i) berapa jenis lesen teksi dikeluarkan oleh LPKP;
- (ii) dari segi teksi limousin, berapa jenis teksi limousin dikeluarkan, apakah definisi bagi kereta limousin;
- (iii) apakah kementerian menetapkan jenis kereta yang boleh digunakan sebagai kereta limousin dan;
- (iv) bolehkah kereta limousin memasang meter di dalam keretanya? Sekiranya ya, adakah kadar tambang teksi limousin diwartakan oleh LPKP.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan hanya dua jenis kereta yang boleh memasang teksi meter:

- (i) kereta teksi bermeter kategori bajet dan
- (ii) kereta teksi bermeter kategori premier.

Kereta limousin di KLIA tidak menggunakan meter teksi, tetapi penumpang harus membuat bayaran di kaunter dan mengambil kupon bayaran untuk menaik teksi limousin. Walau bagaimanapun, ramai pemandu teksi khususnya pemandu teksi limousin di Kuala Lumpur amat tidak puas hati terhadap kereta limousin yang diuruskan oleh Stoneway Limousine Sdn. Bhd yang beralamat di Level 21, Wisma OUA II di Jalan Pinang di Kuala Lumpur.

Mengikut lesen teksi kereta limousin tersebut, teksi-teksi diuruskan oleh Stoneway Limousine Sdn. Bhd boleh dioperasikan di KL Sentral Station, Hotel Riz Carloton di Kuala Lumpur, Hotel J.W. Marriott Kuala Lumpur dan Hotel The Westin Kuala Lumpur.

Apa pemandu teksi limousin yang lain yang amat tidak puas hati ialah, teksi limousin yang diuruskan oleh Stoneway Limousine Sdn. Bhd mempunyai meter teksi di dalam kereta mereka dan pemandu teksi syarikat itu mengenakan tambang teksi mengikut jarak dengan bayaran yang lebih tinggi daripada teksi-teksi biasa. Selain daripada itu kereta limousin yang digunakan oleh Stoneway Limousine Sdn. Bhd ini, hanyalah kereta biasa, iaitu kereta KIA yang mana langsung tidak boleh dikategorikan sebagai kereta limousin yang mengenakan bayaran dan panggilan lebih tinggi dan dibenarkan untuk mengambil pelancong di hotel-hotel lima bintang di Kuala Lumpur. Menteri Pelancongan pernah membuat kenyataan bahawa beliau menerima aduan dari pelancong asing bahawa tambang teksi di negara kita khususnya di Kuala Lumpur adalah terlalu tinggi.

Saya berpendapat salah satu sebab keadaan ini berlaku ialah LPKP terlalu longgar dari segi pengeluaran lesen kereta limousin sehingga kereta murah seperti KIA pun boleh dianggap sebagai kereta limousin dan dibenarkan untuk mengenakan caj yang lebih tinggi daripada kereta biasa. Pihak LPKP kelihatan tiada garis panduan yang tetap terhadap jenis kereta yang boleh dijadikan limousin dan bayaran tambang yang boleh dikenakan oleh teksi limousin. Ini adalah amat tidak adil terhadap pemandu teksi di dalam industri ini. Sekiranya pihak LPKP dilihat mempraktikkan dasar *double standard* dan berat sebelah, maka ia bukan sahaja mencetuskan perbalahan di antara pemandu teksi mewah, ia juga secara tidak langsung menggalakkan teksi biasa untuk mengenakan caj yang lebih tinggi di Kuala Lumpur. Sebenarnya sekumpulan pemandu teksi limousin pernah membuat aduan kepada LPKP, JPJ, MATTA dan National Consumer Complain Center.

Mereka juga pernah membuat laporan polis dalam April tahun ini, tetapi kesemua aduan mereka tidak diambil serius dan tidak diambil tindakan. Jadi, saya berharap pihak kementerian boleh mengambil perhatian terhadap aduan ini dan membetulkan keadaan ini, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

12.17 tgh.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Pengerusi, dan ahli Majlis sekalian. Sabak Bernam ingin mengambil bahagian bagi Butiran 010200 Usahawan dan 010300. Sabak Bernam ingin merujuk kepada sasaran pembangunan usahawan yang telah disasarkan oleh kementerian ini, kalau dirujuk kepada Buku Bajet Persekutuan 2007, tahun 2005, 26,015 orang disasarkan dalam program latihan keusahawanan. Pada tahun ini tahun 2006, 37,660. Pada tahun 2007, disasarkan untuk ditambah menjadi 40,830.

Sabak Bernam ingin bertanya, dalam tahun-tahun yang lepas, berapa ramaikah mereka yang diberikan latihan keusahawanan itu yang telah berjaya dalam pelbagai bidang dan perlu diwujudkan satu *directory* khusus supaya usahawan-usahawan yang baru, yang ingin menceberkan diri dalam pelbagai bidang itu boleh merujuk, khususnya kejayaan mahupun kegagalan, usahawan-usahawan yang sedang dibangunkan.

Jadi, selain daripada itu, kita juga dapati dari segi sasaran, pembangunan perniagaan. Pada tahun 2005, disasarkan 6,669, 2006 tahun ini 7000 dan nampaknya dari segi rancangan peningkatan itu pada tahun 2007, 7,500. Sabak Bernam ingin bertanya, dalam konteks yang telah dirancang pada tahun 2005 dan juga 2006, setakat manakah kejayaan yang telah dicapai.

Sekali lagi seperti juga dengan dalam program latihan usahawan tadi, berapa ramaikah yang telah berjaya dan perlu ada di sini suatu rekod ataupun catatan buku dalam bentuk direktori untuk dirujuk bagi usahawan-usahawan baru ataupun bakal usahawan untuk mereka mencontohi usahawan-usahawan yang berjaya ini.

Kalau ini dilaksanakan, Sabak Bernam yakin bahawa rancangan pihak kementerian ini untuk melahirkan MPPB atau Masyarakat Perdagangan Perindustrian Bumiputera akan berjaya. Selain daripada itu juga akan boleh dilahirkan masyarakat kelas menengah bumiputera ini supaya mereka ini akan serba sedikit nanti akan dapat menjayakan rancangan kerajaan untuk sekurang-kurangnya mewujudkan 30% ekuiti bumiputera dalam perdagangan dan perindustrian...

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Putatan bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Silakan sahabat saya.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Saya terpenggil apabila Yang Berhormat menyentuh soal masyarakat peniaga dari kalangan bumiputera ini iaitu MPPB ataupun BCIC dan ditambah lagi yang baru-baru ini kalau kita tengok bilah yang kelima ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu berucap di Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini bilah yang kelima itu yang menyentuh pasal *IT Community* iaitu *Information Science Technology*.

Saya minta sedikit pendapat daripada Yang Berhormat soal bumiputera ini. Ada bumiputera yang Islam dan ada bumiputera yang bukan Islam dalam negara kita. Soal dalam MPEN kedua telah pun ada dirumus berkenaan dengan semua kelompok-kelompok bumiputera di seluruh Malaysia. Kalau kita tengok kita punya masa untuk menjadi negara yang maju pada tahun 2020 hanya tinggal 15 tahun lebih kurang, apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya kalau saya cadangkan bahawa satu butiran yang khas disediakan dalam bajet dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini supaya melihat bumiputera-bumiputera yang minoriti ini yang disebut dalam MPEN atau YP3 itu dapat diprogramkan satu strategi untuk membantu usahawan bumiputera minoriti terutama sekali bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Putatan. Ini satu cadangan rancangan nilai tambah. Saya ingat saya bersetuju dan bagi pihak kementerian memberikan jawapan itu.

Tuan Pengerusi, saya hendak teruskan perkara yang kedua. Sabak Bernam sangat mengalu-alukan berbagai-bagai rancangan kementerian ini untuk meningkatkan lagi pembangunan usahawan. Sebagai contoh, kelahiran MPUD atau Majlis Pembangunan Usahawan Daerah. Kalau pihak kementerian boleh memantau secara rapi Majlis Pembangunan Usahawan Daerah ini, sebenarnya majlis ini boleh menjadi suatu penyelarasa atau *coordinator* dengan izin dan juga sebenarnya boleh menjadi majlis yang boleh mengumpulkan data untuk menyediakan satu pangkalan data di daerah-daerah tertentu tentang usahawan-usahawan dalam pelbagai bidang.

Sehubungan ini, Sabak Bernam juga ingin menyarankan supaya kementerian ini mengadakan suatu koordinasi yang rapat di antara kementerian-kementerian lain kerana kita dapati apabila majlis pembangunan ini kita laksanakan, kumpulan sasar kita sebenarnya hampir sama umpamanya:

- (i) usahawan tani (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani; dan
- (ii) usahawan belia (Kementerian Belia dan Sukan);

Dalam konteks dalam mewujudkan pekerjaan dan kerjaya maka ini melibatkan Kementerian Sumber Manusia. Dalam konteks ini saya berharap satu usaha sama dapat dipersetujui oleh kementerian ini dengan Kementerian Pengajian Tinggi. Di Sabak Bernam, kita ada Kolej Komuniti dan kita telah cuba, dalam mencuba ini telah pun memulakan dengan sedikit peruntukan parlimen yang disediakan untuk mewujudkan di situ Pegawai Data di Kolej Komuniti dan Kolej Komuniti ini sebenarnya di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dari segi tempat, dari segi kemudahan, jadi Kementerian Pengajian Tinggi telah pun menyediakan. Malah dari segi kepegawaian, mereka ada pegawai IT dan mereka boleh membantu tetapi dari segi peruntukan untuk memberi sedikit elaun kepada pegawai data ini, kita tidak ada. Akan tetapi untuk makluman, sehingga kini Sabak Bernam telah berjaya mengumpulkan usahawan-usahawan ini.

Satu usahawan di bawah MARA, ini memang selalu kita ada data ini tetapi kepada usahawan yang lain yang terbuka, yang ramai itu kita tidak ada data. Dalam konteks ini kita berharap kementerian ini...

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: Minta laluan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Sekejap, saya selesaikan dahulu. Sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, jangan terlampau dasar Yang Berhormat. Yang Berhormat pergi dasar itu ya.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Saya akan khususkan. Oleh kerana itu dalam konteks menyediakan data ini kita harap kementerian ini keluar daripada kelongsong, maknanya usahawan di bawah MARA ataupun jabatan di bawah kementerian ini tetapi juga merangkumi usahawan-usahawan yang lain kerana satu perkara yang penting kita lihat dalam konteks usahawan yang lain ini, nampaknya mereka yang tidak mendapat bantuan daripada kerajaan ini lebih ramai yang berjaya daripada yang mendapat bantuan kerajaan.

Saya kata bantuan kerajaan ini dalam bentuk dana dan sebagainya. Kerana itulah dalam konteks TEKUN ini sebenarnya tabung ini memang boleh menjadi sangat berjaya dan kita cuba di Sabak Bernam ini dengan izin, kementerian ini sendiri supaya tabung ini boleh diperluaskan untuk pinjaman bagi pertanian dan penternakan. Silakan Yang Berhormat bagi Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Saya kagum dengan kementerian ini. Memang ada usaha kementerian ini dengan ikhlas membantu usahawan-usahawan yang kecil. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, adakah Yang Berhormat bersetuju jika kementerian ini kita bantu usaha-usaha kementerian itu menjayakan program-program yang membantu ataupun menyalurkan bantuan kepada usahawan-usahawan yang kecil-kecilan di peringkat kawasan Parlimen.

Adakah Yang Berhormat bersetuju jika kementerian ini menyalurkan serba sedikit peruntukan daripada kementerian kepada Ahli Parlimen supaya kita bantu, kita tolong kementerian ini. Kita sokong, kita kagum dengan usaha kementerian ini. Sekian, terima kasih. .

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Putatan. Dia mungkin merasakan apa yang ada dekat Sabak Bernam.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, minta gulung Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Dua perkara ringkas. Saya menyetujui Yang Berhormat bagi Putatan supaya Ahli-ahli Parlimen ini diberikan peruntukan untuk turut sama membangunkan usahawan.

Sebenarnya tabung yang sedia ada sebenarnya sudah ada. TEKUN itu salah satu daripadanya tetapi apa salahnya kalau diberi satu peruntukan khas umpamanya RM50,000 dan dipastikan Ahli Parlimen itu boleh melahirkan sekurang-kurangnya dua usahawan dengan pendapatan RM3000 ke atas sebulan.

Saya yakin benda ini boleh berjaya dan akhir sekali Tuan Pengerusi, tentang pegawai dan kepegawaian. Ini ada kaitan dengan *delivery system*. Kita nampak di sana sini ada pegawai yang cukup aktif dan kreatif tetapi dalam masa yang sama ada pegawai yang disebutkan oleh sahabat saya yang sebenarnya mungkin daripada Rembau tadi, dia mungkin terlalu baru, *junior* dan nampak kurang latihan, tidak begitu yakin. Bila kita ajak bawa mereka untuk berbuat sesuatu, yang baru *relevan*, mereka ini takut ataupun takut-takut, jadi ini boleh menjejaskan rancangan pihak kementerian untuk membangunkannya.

Oleh kerana itulah dalam konteks modal insan sepatutnya kalau perlu ada latihan profesionalisme tambahan diberikan kepada pegawai-pegawai ini maka kita yakin kementerian ini boleh lebih berjaya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tuanan.

12.29 tgh.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut serta untuk membahas bagi Maksud B26 – Butiran 09505 – latihan keusahawanan peringkat negeri. Untuk butiran ini sebanyak RM500,000 diperuntukkan dalam bajet tahun hadapan.

Sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan, hanya RM3 juta diperuntukkan tetapi yang menghairankan saya, dalam tahun ini iaitu tahun 2006 sebanyak RM6 juta lebih pula diperuntukkan, jadi saya mohon penjelasan daripada pihak Kementerian kenapakah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini dia kurang hanya RM3 juta tetapi pada tahun ini RM6 juta peruntukan dan tahun depan hanya RM500,000?

Saya ingin juga tahu apakah program-program latihan yang diberikan dan saya pun ingin bersama-sama dengan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam yang bertanya tadi. Sepanjang tahun ini, tahun 2006 kita ambil contoh, berapa orangkah yang telah dilatih? Dan untuk tahun hadapan, tahun 2007, dengan peruntukan yang hanya RM500,000 ini, berapakah usahawan yang sudah di program dan yang sudah disasarkan untuk dilatih?

Tuan Pengerusi, soal latihan keusahawanan ini adalah amat penting dan kita menyokong kalau boleh peruntukan ini ditambah, sebab ini soal latihan. Selain daripada pembudayaan yang kita ingin menjadikan usahawan ini, tetapi banyak kemahiran-kemahiran sebagai seorang usahawan. Kita perlu latihan sebagai contoh dari segi pemasaran, dari segi perakaunan, dari segi pengurusan dan banyak lagi hal-hal yang perlu diberi latihan.

Khusus bagi Sabah seperti mana keprihatinan Yang Berhormat bagi Putatan tadi, bumiputera di Sabah ini, apabila kita berbahas dan berbincang, yang hangat diperbahaskan sekarang ini tentang ekuiti bumiputera. Kami di Sabah dan Sarawak tertanya-tanya berapakah agaknya ekuiti daripada bumiputera di Sabah dan Sarawak ini. Di Sarawak berapa dan di Sabah pula berapa? Sebagai contoh, katakan kalau kita ambil ekuiti yang 18% daripada ekuiti bumiputera itu, agaknya berapakah di Sabah dan di Sarawak?

Dalam hal ini tentu sekali penjana kepada ekuiti ini ialah keusahawanan. Sebab itu kita lihat latihan keusahawanan itu adalah amat penting. Oleh sebab itu, kita prihatin dengan peruntukan yang begitu sedikit untuk tahun hadapan, RM500,000 sahaja. Saya ingat terlalu sedikit dan ia perlu ditambah. Kita amat menyokong.

Saya teruskan kepada Butiran seterusnya, iaitu Butiran 09511 – Latihan kepada Pembimbing Usahawan Negeri dan Daerah. Bagi tahun 2007, bajet tahun hadapan, hanya RM100,000 diperuntukkan dan pada tahun ini tidak ada peruntukan, kosong, sifar. Bagi Rancangan Malaysia Kesembilan, lima tahun ini, hanya diperuntukkan RM500,000 sahaja. Persoalannya di sini ialah apakah dalam soal pembimbing ini, apakah ini tidak penting sehinggakan peruntukannya begitu rendah?

Kita ingin tahu, berapakah pembimbing usahawan yang disasarkan oleh Kementerian untuk dilatih? Apabila kita lihat di peringkat negeri dan daerah, ini penting, selama ini kalau di daerah saya di Tuaran, saya belum pernah dengar yang ada pembimbing usahawan di daerah. Sama ada di bawah MARA kah, saya tidak tahu di mana-mana agensi tetapi yang saya tahu tidak ada.

Kita amat mengharapkan sebab adalah amat penting bagi kita untuk mengenal pasti usahawan yang benar-benar serius untuk menjadi usahawan. Ini kerana kalau kita mahu membawa atau meminta sesiapa pun untuk datang ke kursus, ramai yang datang. Ramai yang mahu tetapi yang betul-betul serius tidak ramai, Tuan Pengerusi. Sebab itu, adalah amat penting bagi kita untuk memberi penumpuan kepada pengenalan orang-orang yang berminat ini. Bagi saya dan pada fikiran saya, tanpa pembimbing di peringkat daerah ini, di peringkat akar umbi ini adalah amat sukar.

Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Putatan supaya kita sebagai Ahli-ahli Parlimen dilibatkan serta untuk mengenal pasti orang-orang ini dan sebenarnya kita boleh cadangkan bakal-bakal usahawan, orang-orang yang berminat dan sebagainya tetapi akhirnya kita perlu pembimbing-pembimbing yang menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap pemberian kemahiran-kemahiran kepada usahawan-usahawan kita di peringkat akar umbi.

Sebagai contoh Tuan Pengerusi, esok dilancarkan MAHA 2006 yang dikatakan yang terbesar di seluruh negara. Ia akan dianjurkan oleh pihak FAMA dan pesertanya dari seluruh negara. Yang dari Sabah pun datang sebagai peserta dan mereka juga menjual tetapi kita di kawasan, sebenarnya kita tidak tahu hal ini. Apabila kita dijemput, baru kita tahu dan saya sendiri telah berusaha untuk membawa lima orang esok, usahawan daripada Sabah untuk datang.

Bagi saya, kalau benar-benar ada pembimbing usahawan ini di peringkat daerah, orang inilah yang saya fikir yang boleh memberi sumbangan untuk mengenal pasti usahawan kita. Sebab kalau tidak, saya ingat ini sampai bila-bila pun polemik perbincangan tentang ekuiti bumiputera ini. Sampai bila? Sedangkan kita mempunyai satu kementerian yang dikhususkan untuk pembangunan usahawan.

Selama ini kalau dikatakan dana dan sebagainya banyak juga saya ingat, TEKUN dan bermacam-macam pinjaman tetapi akhirnya soal-soal kemanusiaan dari segi kemahiran, dari segi soal-soal budaya niaga dan sebagainya yang amat memerlukan bimbingan ini. Dalam hal ini, saya fikir yang hanya RM500,000 dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini saya tidak tahu macam mana. Saya mohon penjelasan kenapa ini terlalu sedikit? Ia tidak menggambarkan yang kerajaan ini serius.

Kita baru cerita tadi tentang masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Salah satu daripada sembilan cabaran Wawasan 2020 tetapi ini tidak serius. Bagi saya itu tidak serius. Tidak sampai pun RM1 juta. Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sepanggar.

12.36 tgh.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jangan lebih daripada lima minit, Yang Berhormat.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh mengenai Butiran P.26 – 00611 – Program Giat MARA.

Saya ingin bertanya di sini, oleh kerana saya difahamkan memang ada diberi peruntukan bagi kawasan Sepanggar untuk membina satu Pusat Giat MARA. Oleh kerana pada ketika ini, pusat ini yang mereka guna ialah di sebuah kedai yang mereka sewa. Kalau tidak salah saya, lebih kurang RM3,000 sebulan. Apa yang ingin saya pohon di sini ialah, adakah tidak baik sekiranya kita membuat satu pusat ini di luar bandar sedikit, misalnya di kawasan-kawasan di mana betul-betul dapat belia-belia daripada luar bandar untuk bergiat dalam kegiatan latihan MARA ini. Saya difahamkan kalau kita cari kawasan-kawasan di luar bandar sedikit, tentu sekali ini dapat kita gunakan.

Keduanya ialah oleh kerana pada ketika ini, program ini hanya diberi tumpuan kepada belia-belia dan kita juga rasa bahawa ramai juga rakyat kita yang telah pun bersara dan masih berminat untuk ke program-program yang dikendalikan oleh Giat MARA ini. Adakah tidak baik sekiranya kita juga beri latihan-latihan ini kepada yang telah bersara dengan kerajaan ataupun yang berminat dengan perusahaan ini?

Yang kedua mengenai 01502 – Tabung Ekonomi Usaha Niaga. Yang saya dapat lihat pada ketika ini ialah pegawai-pegawai yang menjalankan TEKUN ini ialah di mana mereka hanya ingin memberi pinjaman itu kepada pengusaha-pengusaha tetapi tidak memberikan mereka secara nasihat dan tunjuk ajar bagaimana mereka akan berniaga secara kecil-kecilan dan bagaimana mereka betul-betul dapat keuntungan dalam pinjaman ini?

Oleh kerana inilah satu-satunya tabung yang saya rasa boleh menjana penduduk tempatan, khasnya kepada bumiputera untuk berniaga tetapi kita mohon agar kakitangan TEKUN ataupun Pegawai TEKUN ini betul-betul memberi pengusaha-pengusaha ini satu tunjuk ajar supaya mereka dapat dilatih bagaimana mereka dapat berniaga dan bagaimana keuntungan itu secara *cash flow* dapat diperolehi. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

12.40 tgh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Saya dapati bahawa peruntukan untuk kementerian ini adalah sangat besar. Dia di antara terbesar dari kementerian-kementerian yang diperuntukkan. Peruntukan yang terbesar iaitu RM2,734,000,000. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, terus kepada Kepala. Ini Dasar Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak. Ini Butiran, Butiran. Peruntukan butiran, hanya mendapat RM730 juta. Kementerian ini mendapat RM2 bilion lebih dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dia juga melebihi Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Penerangan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Pengangkutan, dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dia merupakan satu kementerian yang mendapat banyak peruntukan. Peruntukan ini boleh dikatakan khasnya untuk usahawan bumiputera.

Dengan satu kementerian yang mendapat peruntukan yang begitu besar untuk membantu bumiputera, khasnya untuk membangunkan usahawan bumiputera tetapi kita dapati bahawa dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini, ramai yang mengatakan bahawa ini masih belum cukup lagi, mengatakan bahawa 30% ekuiti itu mungkin perlu dipertingkatkan kepada 70%...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, itu Dasar. Terus kepada Butiran.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini dasar untuk kementerian ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yalah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan Dasar untuk kementerian yang lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kita hendak berbahas kepada butir-butir yang ada.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi, ini adalah Butirannya. Saya memang berpandukan kepada Butiran di sini, jumlah peruntukan dan apa yang dikatakan di dalam perhimpunan itu telah menyakitkan hati bukan sahaja orang ramai...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah memberitahu kepada Yang Berhormat. Itu, sekarang ini Yang Berhormat bercakap kepada Dasar. Cakap kepada Butiran yang ada di sini, dalam peruntukan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, ini adalah Butiran! Butiran yang...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak ada dalam ucapan UMNO, Yang Berhormat...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Muka surat pertama.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dalam ini tak ada ucapan UMNO, tak ada dalam sini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini ialah jumlah peruntukan. Apa yang hendak ditakutkan? Ini Ketua Pemuda MCA, Ketua Pemuda Gerakan pun mengeluarkan kerisauan mereka dan ketidakpuasan mereka terhadap apa yang telah diperkatakan di dalam Perhimpunan Agung UMNO.

Jadi, saya ingin mendapat satu penerangan. Ia di bawah aktiviti dua, usahawan. Ia dikatakan bahawa peserta program pembangunan perniagaan untuk tahun 2006 ialah 7,000 dan untuk tahun hadapan ialah meningkat kepada 7,500 dan peserta program keusahawanan, 26,000 untuk tahun 2005, dan tahun 2006 ialah 37,660. Untuk tahun hadapan, 40,830, iaitu semakin tahun, semakin meningkat.

Akan tetapi di sini Tuan Pengerusi, ia tidak ada memberi angka untuk wanita dan lelaki. Saya berpendapat bahawa kita telah menjalankan satu sistem untuk *segregated* data di mana semua data-data yang dikumpulkan, ia mesti dibahagikan kepada *gender*. Ia mesti ada *gender*. Di sini, berapakah pelatuhnya, pesertanya adalah wanita, dan berapa adalah lelaki? Saya rasa Timbalan Menteri ini adalah seorang wanita. Ia mesti sudah peka dalam perkara ini dan saya suka ingin mendapat angka-angka ini.

Dalam pembangunan, tadi ada orang kata, sikap orang Melayu yang sangat penting kalau hendak mencapai kejayaan. Bukan sahaja hendak meminta sahaja dan saya ada di sini, di dalam *Aliran* untuk *volume* 25 pada tahun 2005. Dengan izin dia kata, "*Government's method of producing bumiputera contractor had failed*". Dia memberi analisis mengapa gagal? Dia kata bidang kontrak ini bukan satu bidang yang senang dan bukan sesiapa sahaja boleh menjadi kontraktor. Kerana ia memerlukan skil yang tertentu, yang spesifik tetapi kita di sini, kita dapati bahawa ramai kontraktor bumiputera dan mereka semua berharap kontrak daripada kerajaan.

Sekiranya kerajaan tidak beri kontrak kepada mereka, mereka tidak akan *survive*, tidak boleh berterusan. Ini juga mendatangkan kesusahan kepada kerajaan kerana Kerajaan Barisan Nasional juga hendak mendapat sokongan daripada kontraktor-kontraktor ini. Kalau tidak memberi kontrak, nanti mereka tidak sokong. Jadi, saya rasa adalah, bolehkah kita memberi satu penilaian mengapa setelah 30 tahun, 40 tahun, masih kita tidak dapat menghasilkan kontraktor bumiputera yang berdaya saing? Saya pun suka juga kalau kontraktor bumiputera yang dapat bersaing bersama-sama dengan bangsa yang lain dan juga bersaing di pasaran dunia. Kita boleh pergi ke China, pergi ke India, Indonesia untuk mendapat kontrak dan bukan sahaja di dalam Malaysia.

Kalau di dalam Malaysia sahaja, kek ini adalah kecil. Kalau kita boleh membesarkan kek ini, termasuk juga negara-negara di dunia, jadi kita tak ada masalah untuk membahagikan kek ini. Kalau kek ini tak besar, semua orang tak mahu membesarkan kek ini. Tidak mahu buat kek ini, tetapi mahu kongsi makan kek ini. Ini akan menjadi susah. Ha, kek ekonomi.

Jadi saya ingin mendapat satu..., adakah kerajaan, kementerian ini, membuat penilaian ke atas program-program ini? Supaya, kalau program ini tidak sesuai, kita gunakan program yang lain. Bukan senang hendak jadi peniaga.

Seperti Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Dia sekarang memang merupakan seorang peniaga yang berjaya tetapi apabila beliau bermula, mulanya dia bekerja dengan gaji bulanan hanya RM300 sahaja dan dia bekerja untuk orang lain. Selepas dia tahu bagaimana hendak berniaga, baru dia bermula dengan satu syarikat yang kecil. Ramai peniaga yang berjaya pada waktu sekarang ialah selepas 30 tahun berusaha. Mereka bermula juga dengan RM300. Bukan banyak.

Jadi, saya cadangkan mungkin pengalaman atau *story* peniaga yang berjaya waktu sekarang, pengalaman mereka, bagaimana mereka berjaya, boleh didokumenkan atau pun dijadikan *story* untuk dibaca oleh semua, bagaimana caranya untuk menjadi seorang peniaga yang berjaya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dan bukan untuk menunggu sahaja bantuan kerajaan. Kerana saya rasa ini kalau sendiri tidak bekerja keras, saya rasa susah. Tidak ada jalan yang senang yang boleh menjadi seorang *millionaire* yang *overnight*. Kalau dia jadi pun dengan diberikan saham, tetapi kalau setelah dijual, wang itu akan habis juga...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang penting ialah bagaimana untuk menggunakan saham yang diberi itu atau bantuan yang diberi itu untuk memulakan sahaja dan selepas itu, dia mesti boleh membantu orang yang lain. Jadi, saya rasa mungkin cara kerajaan perlu diubahsuai atau dikaji balik supaya kita tidak selepas membelanjakan peruntukan yang begitu besar, masih bumiputera tidak berpuas hati.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dan pada masa yang sama, bukan bumiputera pun tidak puas hati. Ini akan menjadikan satu keadaan yang kurang baik untuk semua. Dan akhirnya saya ingin menyentuh ini, MARA. Itu Majlis Amanah Rakyat. Ini khasnya untuk bumiputera dan kita tahu sekarang, selepas 30 tahun ia dilaksanakan, perbezaan pendapatan di antara bumiputera pun semakin besar, jurangnya semakin besar dan ia akan menjadi masalah kalau kita membandingkan bumiputera yang begitu kaya dan bumiputera minoriti yang masih sangat mundur di Sabah dan Sarawak dan Orang Asli.

Jadi saya ingin mencadangkan supaya program bantuan ini, MARA ini jangan khasnya, bukan khasnya kepada bumiputera sahaja. Kita ubahkan supaya dia jangan berasas daripada kaum sahaja, dia berasal daripada kelas ekonomi. Mereka yang miskin tak kira kaum diberi bantuan kerana itu memanglah niat kita, apabila kita mengadakan Dasar Ekonomi Baru untuk membantu mereka yang miskin. Mereka yang sudah boleh berniaga, mengapa perlu terus memberi bantuan?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mereka yang sudah kaya boleh membeli saham, mengapa terus memberi saham ekuiti bumiputera?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam, Yang Berhormat telah melebihi masa.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi, yang *last* saya cadangkan supaya kalau ekuiti AP itu yang boleh mendatangkan keuntungan-keuntungan yang sangat besar, boleh saya cadangkan dia dikendalikan oleh satu badan dan dia bukan memberi keuntungan kepada individu, tetapi apa-apa keuntungan yang didapati oleh badan ini ia disalurkan kepada Orang Asli, kepada bumiputera yang sangat miskin untuk menubuhkan biasiswa, untuk rakyat yang miskin. Saya rasa kalau ini boleh di jalankan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Semua orang boleh puas hati dan bumiputera orang Melayu khasnya mereka yang kaya pun boleh menerimanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiu.

12.53 tgh.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN) dan juga Program Usahawan Muda. Kita rasa bangalah dengan peruntukan yang diberi oleh kerajaan kepada Tabung Usahawan TEKUN dan juga Program Usahawan Muda ini kerana dapat melahirkan peniaga-peniaga, usahawan-usahawan muda terdiri daripada golongan bumiputera.

Cuma kalau kita meninjau ke belakang, sejauh manakah Tabung TEKUN ini telah berjaya dikutip semula oleh pihak kementerian, saya percaya masih ramai yang gagal melunasi hutang-hutang mereka kerana mungkin sikap dan juga kaedah pengutipan itu tidak begitu berkesan. Namun begitu, saya menyarankan supaya pinjaman TEKUN untuk melahirkan usahawan bumiputera yang terlibat dalam perniagaan ini, saya menyarankan supaya benar-benar dikenal pasti mereka yang betul-betul berminat untuk berniaga. Kadang-kadang terdapat sedikit sebanyak penyalahgunaan wang yang diperolehi melalui pinjaman ini.

Program Usahawan Muda Tuan Pengerusi, saya percaya satu usaha yang cukup baik pada hari ini. Apabila kita bercakap soal belia menganggur, belia tidak ada kerja, belia lepak, rempit dan sebagainya, saya rasa inilah program yang cukup baik untuk melahirkan belia-belia, anak-anak muda kita supaya terlibat dalam program-program keusahawanan.

Dengan peruntukan sebanyak RM3 juta ini, saya harap ianya dapat melebar ke pelosok negara supaya kita dapat mengenal pasti belia-belia, orang-orang muda yang betul-betul berminat, yang boleh kita lahirkan menjadi usahawan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sekejap Yang Berhormat bagi Setiu. Boleh Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Setiu, saya mendengar tentang Pembangunan Ekonomi Belia ini, Yang Berhormat bagi Setiu, di bawah Kementerian Belia dan Sukan walaupun perbincangan kita ini untuk Kementerian Pembangunan Usahawan. Kementerian ada menyediakan satu majlis rundingan iaitu Majlis Perundingan Ekonomi Belia Negara di mana ada tujuh kementerian yang bertanggungjawab secara terus dalam menyediakan dana untuk Pembangunan Usahawan-usahawan Muda ini.

Jadi bolehkah Yang Berhormat minta penjelasan daripada pihak kementerian tentang apakah kedudukan Kementerian Pembangunan Usahawan di dalam memastikan bahawa setiap sen yang diperuntukkan untuk Majlis Perundingan Ekonomi Belia ini sampai ke sasaran. Apakah bentuk sistem pemantauan yang ada di Kementerian Pembangunan Usahawan? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu, dan saya mohon supaya dimasukkan persoalan ini di dalam ucapan saya. Yang tinggal lagi dari segi penyelarasan yang saya ingin menyentuh supaya dari segi Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan sebagainya, begitu juga di bawah kementerian ini supaya satu penyelarasan dapat dibuat. Supaya sasaran dan juga matlamat ini benar-benar tercapai yang akhirnya ke arah menuju Wawasan 2020 kita mempunyai lebih ramai usahawan yang hari ini terdiri daripada anak-anak muda.

Butiran 04000 - Pusat Pembangunan Kemahiran. Tuan Pengerusi, kita tahu di dalam negara kita, kita ada Institut Kemahiran MARA, Pusat Giat MARA dan sebagainya. Saya percaya Pusat Pembangunan Kemahiran ini dengan tujuan untuk membangunkan industri kemahiran di kalangan rakyat di dalam negara kita. Dengan peruntukan yang banyak ini, RM37 juta ini dan saya rasa cukup bangga dengan harapan supaya pelaksanaan program ini ataupun pusat ini benar-benar dapat melahirkan kemahiran, pakar-pakar yang mahir di dalam pelbagai bidang di dalam negara kita. Saya mengharapkan supaya satu penyelarasan yang baik dapat diwujudkan di peringkat kementerian dan juga di peringkat negeri-negeri supaya hasrat ini benar-benar akan tercapai.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini kita telah mendengar ucapan rasa sedih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai sikap kontraktor-kontraktor kita. Di dalam Butiran 09504 – Kursus dan Khidmat Nasihat Kontraktor. Saya rasa bangga apabila Kursus dan Pusat Khidmat Kontraktor ini dimasukkan di bawah butiran di dalam kementerian ini untuk memberi nasihat kepada kontraktor-kontraktor yang masih ramai lagi mempunyai sikap dapat projek jual projek, dapat projek sub projek dan sebagainya. Ada juga di kalangan kita, di kalangan kontraktor kita yang tidak ada lesen pun tetapi menggunakan lesen kontraktor orang untuk mendapatkan projek ataupun ada juga yang menggadaikan lesen kepada orang lain untuk dapat projek dan sebagainya.

Saya mengharapkan supaya kursus dan khidmat nasihat kepada kontraktor ini dapat memberi kesedaran kepada mereka atau mungkin pemegang-pemegang lesen kontrak yang seumpama ini ramai di kalangan kontraktor Kelas 'F' ini mungkin perlu diberi amaran dan sebagainya supaya hasrat kerajaan untuk membantu mereka ini benar-benar tercapai, bukan disalahgunakan.

Dan yang terakhir Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Butiran 09507 - Program Daya Saing Eksport. Saya rasa ini mungkin satu perkara baru kepada masyarakat bumiputera khususnya yang berada di luar bandar. Dan saya percaya program seumpama ini untuk memberi kesedaran supaya masyarakat bumiputera dapat bersaing di dalam bidang eksport dan juga import.

Saya percaya program seumpama ini dapat memberi kesedaran terutamanya kepada pegawai-pegawai kerajaan yang hampir pencen, guru-guru yang nak pencen, kursus seumpama ini sangat penting kerana saya percaya bidang ini jarang sekali dan tidak ramai yang melibatkan golongan bumiputera.

Dan saya harap apa sahaja bidang, apa sahaja kursus dan apa sahaja program saya mengharapkan penyelarasannya di peringkat bawah, di peringkat akar umbi, di peringkat pelaksana harap benar-benar akan bergerak dan dapat diselaraskan dengan sebaik-baiknya. Contohnya kalau di peringkat daerah, ramai belia, anak-anak muda di peringkat daerah tidak tahu pun fungsi Pejabat MARA Daerah itu sendiri. Dan saya harap pegawai-pegawai di peringkat daerah, pegawai MARA akan hadir dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, bersuaralah hasrat-hasrat mereka ini dan sama-sama terlibat, sama-sama dengan masyarakat dan golongan muda khususnya supaya dapat memainkan peranan memberi kesedaran kepada mereka tentang fungsi dan peranan yang diwujudkan oleh kerajaan dengan wujudnya Pejabat MARA Daerah dan sebagainya. Saya rasa itu sahaja Yang Berhormat Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai.

12.59 tgh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya nak pergi kepada Butiran 03000 iaitu Majlis Amanah Rakyat atau MARA. Saya nak memohon satu sahaja daripada pihak kementerian. Saya berpuas hati dengan prestasi kementerian. Yang ini tak dapat dinafikan dengan kepimpinan menteri yang baru ini, kita nampak perubahan demi perubahan berlaku. Cuma saya mohon jasa baik dari pihak kementerian supaya mewujudkan bantuan atau pun pinjaman kepada pelajar-pelajar kita yang hendak menjadi seorang juruterbang. Kerana juruterbang ini dia tak dapat sijil, dia dapat lesen. Jadi saya difahamkan bahawa pihak kementerian atau pihak kerajaan dia menganggap itu sebagai satu lesen dan mereka ini tidak...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Adakah Yang Berhormat dapat maklumat yang tepat dan benar? Oleh kerana selalu dia ada beri maklumat yang tersilap. Baru-baru ini dia kata bahawa *International Herald Tribune* dia betulkan bukan surat khabar Amerika tapi surat khabar UK dalam *UMNO Delegation Meeting*, sebenarnya *International Herald Tribune* surat khabar *American*, bukan UK. Betulkan apa yang tak betul dan anggap sebagai silap. Selepas itu adakah angka-angka yang diberikan sini betul? Selalu tak betul kata betul, betul kata tak betul, selalu ini macamlah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya masih puasa ini, puasa enam Tuan Pengerusi. Saya tak mahu bergaduh. Kita manusia Tuan Pengerusi, kadang-kadang kita membuat kesilapan. Awat Yang Berhormat ingat Yang Berhormat ini betul selalukah? Sikap Yang Berhormat ini lebih kurang bukan seorang yang patut dihormati...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan. Tak berani kata apa yang betul sebagai...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang ini saya, saya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi dalam UMNO kata ini tak betul, semua surat khabar...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya kata, saya minta penjelasan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *World*, dunia pun ketawa. Ini dalam dunia.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor cukuplah, dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dalam dunia. *Laughing stock of the world...*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat jangan tunjuk samseng dengan saya Yang Berhormat. Biadab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Akhirnya *laughing stock of the world*. Bukan Yang Berhormat kata Malaysia jadi *laughing stock of the world*. Itulah malu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini hal UMNO. Awak jangan masuk campurlah. DAP punya hal. Kurang ajar awak ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jangan kurang ajar awak tahu tak?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini mesyuarat UMNO. Kami punya pasallah. Keluarga kami, rumah tangga kami, bangsa kami.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi, saya masuk campur.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jangan 'biadab' ya Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Mengapa disiarkan secara langsung?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kurang ajar.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Kalau UMNO, UMNO sahajalah. Kalau disiarkan, orang awam ada hak...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Cerita ini cerita saya ini, saya bercakap ini...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya tidak mengganggu Yang Berhormat. Yang Berhormat jangan ganggu saya. Ini samseng!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Siapa samseng? Siapa samseng?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Jerai.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini cerita-cerita... Orang tidak tentu arah sahaja cerita..., cerita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai sahaja. Yang lain sila duduk.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Banyak samsenglah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya yang cakap pasal itu, saya tahulah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap dalam bahasa Cina]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Nak gurau-gurau tidak boleh?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa gurau-gurau?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan sila duduk.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tadi kata puasa, tadi kata puasa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini negara kami, tanah air kami... *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Rasa malu!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai, teruskannya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kami tak puasa hari ini, kami memang tak puasa hari-hari. Puasa tak hari ini..., puasa tak?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini malukan orang Islam.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai, habiskan. Yang Berhormat bagi Jerai...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya punya pasal, orang Islam kalau diusik memang kena penumbok!... *[Dewan riuh]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya Indonesia.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Oh, tak takut lagi. Takutlah saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sila duduk.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Duduklah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Bagi Yang Berhormat bagi Jerai bercakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai nak habiskan ucapan ke nak sambung?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kita cerita pasal MARA lah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sangat takutlah, boleh jadi amuk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya hanya minta penjelasan. Kalau benda itu tak ada biarlah sahaja! Yang bangkit dok usik saya pasal apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya lah, saya tanya. Saya tanya hendak habiskan ucapan ke nak sambung petang?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya sambung Tuan Pengerusi... *[Ketawa]*

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat. Sidang sesi pagi ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempatkan pada pukul 1.03 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat bagi Jerai untuk menyambung ucapan.

2.32 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi saya tadilah masa saya minta pada pihak kementerian supaya mengkaji kalau belum ada pinjaman ataupun biasiswa khas untuk anak-anak Melayu kita menjadi juruterbang. Kerana kita lihat hari ini banyak di Langkawi sendiri ada pusat ataupun kolej latihan jadi juruterbang, di Melaka dan beberapa tempat lain. Jadi hari ini saya dapat tahu bahawa kadang-kadang pelajar ini hanya orang yang berada sahaja yang mampu kerana dia akan belajar dengan duit sendiri tetapi orang yang kurang berada ini dia kurang mampu. Jadi mungkin kalau boleh dipertimbangkan dalam peruntukan biasiswa ataupun pinjaman. Jadi ini akan dapat menolong kerana hari ini pun banyak kita dapat lihat...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Masa tidak cukuplah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Ala tidak payahlah. Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ya boleh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya sokong cadangan Yang Berhormat bagi Jerai supaya mengadakan biasiswa untuk Melayu yang miskin tetapi saya hendak minta juga bolehkah ini dipanjangkan kepada anak-anak yang bukan Melayu yang juga miskin supaya semua sama-sama dapat memanfaatkan daripada dasar kerajaan. Dan juga Yang Berhormat tadi Yang Berhormat kata ini negara kami saya rasa ini kurang sesuai dalam bahasa Malaysia, ini bahasa Malaysia yang tidak betul. Dia patut katakan ini negara kita kerana kalau kami ini tidak termasuk orang bukan Melayu termasuk mereka yang dari MCA dari MIC, saya rasa itu kurang elok. Bolehkah kita memohon supaya Yang Berhormat bagi Jerai menarik balik dan mengubahkan ini negara kita. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi saya balik kepada takut terkeluar daripada Jawatankuasa ini saya tidak mahu keluar. Jadi saya hendak bersabar banyak ini jadi saya berharap pihak kementerian akan memberi pertimbangan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Point of order, Point of Order* 36(12) yang menyakitkan sensitiviti apabila Yang Berhormat kata negara kami ini menyakitkan rakyat Malaysia. Ini menunjukkan dia bukan ada fikiran yang luas bukan seorang nasionalis Malaysia sebab itu patut dibetulkan. Negara kita semua rakyat Malaysia bukan satu golongan sahaja. Itu menyalahkan Peraturan Mesyuarat menyakitkan semua rakyat Malaysia. Saya percaya orang Melayu pun tidak akan percaya. Ini negara bersetuju selain daripada segelintir orang semacam Yang Berhormat bagi Jerai yang begitu *narrow minded and unmalaysian*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya tidak mahu rugi masa lah Tuan Pengerusi. Bila kita kata kita rakyat Malaysia bila saya sebut kami makna Malaysialah. Tidak faham kah lagi? Bila saya kata rakyat Malaysia atas dasar Malaysia kalau saya kata kami itu Malaysialah, takkan kami orang lain pula. Bahasa bila sudah tidak faham bahasa jangan dok putar belikan bahasa. Inilah Tuan Pengerusi kadang-kadang...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi, saya rasa yang ini Yang Berhormat bagi Jerai...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat sudahlah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia tidak memperakukan kepada kesilapan. Yang saya tahu mungkin dia tidak mahu cakap begitu tetapi dia berniat baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Mana Yang Berhormat tahu hati sanubari saya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini kalau kegunaan kesalahan guna bahasa ini adalah satu *often* sekarang. Saya rasa ini dia sendiri dipakai dalam Dewan ini, ini dikatakan ini negara kami adalah sangat jelas tidak termasuk orang yang bukan orang Melayu. Ini adalah sangat jelas jadi saya harap untuk kebaikan semua biarlah tukar ubah ini negara kita bukan sangat susah. Kalau buat karangan di sekolah pun peperiksaan ini salah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan. Oleh kerana negara ikut semua sekolah-sekolah pun ikut, dunia pun ikut. Kami dan kita, kita tahulah kami dan kita. Satu *ruling* jangan Parlimen satu contoh yang tidak baik.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Pengerusi saya memohon pihak kementerian juga dari segi MRSM. Jadi saya minta MRSM ini telah menunjukkan prestasi yang cukup baik. Yang ini kita tidak dapat nafikan bahawa di mana-mana pun kita dapat lihat...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Hari ini banyak pihak MRSM-MRSM ini telah menunjukkan prestasi dan keputusan yang terbaik.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak minta, penjelasan hendak minta, Bukit Gelugor.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya tidak bagi Tuan Pengerusi. Tidak bagi Tuan Pengerusi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Minta maaf Yang Berhormat, saya minta maaf. Untuk menjagakan ketenteraman saya dan juga pihak pembangkang. Jadi saya minta kalau boleh...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya betul saya tanya satu *ruling*. *Point of order*, *point of order*. Tuan Pengerusi. saya minta satu *ruling*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of order* ke berapa Tuan Pengerusi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Point of Order 36(12), sensitivity...*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak boleh. *You* kena baca *point of order* dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Ini not to you.*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *No, no, no* saya tidak bagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi lebih tahu siapa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya tidak bagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Point of order*. Saya minta satu *ruling*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dan saya berharap pihak kementerian akan memperbanyakkan lagi MRSM-MRSM...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya minta satu *ruling* 36...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Dan kalau boleh di wujud di setiap kawasan-kawasan negeri-negeri yang ada.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Defensive language...*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Supaya pelajar-pelajar....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi Peraturan mesyuarat, Peraturan mesyuarat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Boleh melanjutkan pelajaran mereka di peringkat negeri dan banyakkann juga kalau boleh di daerah-daerah...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi Naib Speaker dalam UMNO tidak ada hormat Peraturan Mesyuarat apa ini!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Maka...

Tuan Pengerusi: Hormat sedikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan mesyuarat, bagaimana?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya patuh pada Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi kalau suruh saya diam saya ikut Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Duduk Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Naib Tuan Pengerusi, mana boleh?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan Mesyuarat 36(4) "*it shall be out of order for Members of the House to use offensive language*". 36(10) "*sedition words; and words which are likely to promote feelings of ill-will or hostility between different communities in the federation*". Kalau negara dianggap sebagai satu golongan kecil sahaja ialah kami ialah bukan kita sekolah semua, guru-guru semua, pelajar-pelajar ikut apa pendirian Parlimen? Saya haraplah satu *ruling* dibuat patut dibuat dan kalau salah Yang Berhormat bagi Jerai patutlah rela untuk menerima silap tetapi itu *important point of principle nations building* pun.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat saya rasa apa yang Yang Berhormat bantah tadi ataupun berpendapat mengenai perkataan "kami" tadi, dan sebagainya. Adalah merupakan satu perkataan yang biasa dilakukan. Beliau faham, Yang Berhormat bagi Jerai faham mengenai tentang bantahan itu. Jadi beliau faham tapi enggan mengeluarkan pendapat-pendapat itu. Itu sudah biasa dalam mana-mana jawapan ataupun tak dijawab. Jadi Yang Berhormat mengeluarkan pendapat dan apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jerai. Jadi beliau tak menjawab. So, perkara itu biar di situ sahajalah tetapi dalam perkataan kami atau kita ini adalah satu-satunya di mana kita tak perlu menghalusinya di sini sama ada kami itu bermakna dan kita itu bermakna kami...

Beberapa Ahli: [Menyampuk].

Tuan Pengerusi: Kadang-kadang ada orang yang berkata kami. Orang lain pun berkata kami juga dan tidak bermakna bahawa bila mengatakan kami itu, dia mengasingkan orang lain. Daripada apa yang beliau kata, mengasingkan orang lain daripada menuntut haknya sebagai rakyat Malaysia juga. Cuma beliau tidak dalam mengatakan kami itu. Yang Berhormat tadi tidak mengatakan. Cuma tidak bermaksudkan semua orang adalah rakyat Malaysia. Bukan begitu ya. Dia tidak memisahkan orang lain. Beliau mengatakan beliau sahaja dan orang lain boleh katakan kami juga.

Jadi bererti, jikalau 26 juta, orang kata kami itu ertinya semua rakyat Malaysialah. Tidak berhajat hendak memisahkan orang lain dalam beliau mengeluarkan perkataan kami itu. Ya, baik teruskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, balik kepada MRSM. Saya mengangkat topi kepada pihak pengurusan MRSM kerana saya dapat lihat apabila keputusan keluar baru-baru ini, berduyun-duyun yang mendapat 5A dan sebagainya telah berjumpa dengan kami sebagai wakil rakyat memohon sokongan supaya diberi anak-anak mereka ini ke MRSM. Hendak masuk ke MRSM, keutamaan kerana mereka tahu bahawa apabila mereka masuk ke MRSM kesudahannya budak ini akan menjadi satu rakyat Malaysia yang cukup berguna dengan pendidikannya, dengan disiplinnya dan hala tuju mereka ke depan mereka sudah tahu.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi saya mencadangkan kalau boleh pihak kementerian memperbanyakkan lagi MRSM di peringkat daerah supaya pertamanya kadang-kadang ada juga MRSM anak daripada Kedah terpaksa pergi jauh. Jadi maklumlah kadang-kadang orang susah ini kos. Jadi kalau boleh dia duduk di Kedah dan belajar di Kedah jadi ada baik juga bercampur ini supaya minda mereka terbuka tetapi kalau boleh saya minta MRSM diperbanyakkan lagi. Saya juga merayu supaya keutamaan mengambil pelajar-pelajar MRSM ini harus diberi kepada pelajar-pelajar yang skor 5A yang berada di kawasan luar bandar, kerana ini adalah harapan supaya mereka dapat berhijrah masuk ke satu maktab yang tersusun ataupun teratur hidup dan pelajaran mereka.

Jadi kadang-kadang ada juga yang dapat 5A tak berupaya jadi mereka terpaksa juga belajar di sekolah yang mereka belajar. Kadang-kadang harapan budak-budak ini tinggi. Mereka skor 5A fasal kita kadang-kadang bersyarah kalau belajar dapat 5A kita boleh bawa masuk MRSM, masuk ke sekolah-sekolah berasrama penuh dan sebagainya. Begitu juga di sekolah-sekolah berasrama penuh yang terbaik, harus kita *pick-up* juga daripada luar bandar supaya mereka ini dapat belajar di sekolah asrama penuh ini.

Lagi satu Tuan Pengerusi berkenaan dengan TEKUN. Saya nampak TEKUN telah berjaya. Berjaya membimbing usahawan-usahawan kecil-kecilan di samping memberi pinjaman. Sekarang MARA juga membawa pakej iaitu memberi bimbingan. Kadang-kadang mereka berniaga ini sudah berpuluh tahun mereka berniaga pengalaman begitu banyak tetapi tidak di *polish* mereka. Jadi mereka tidak boleh ke depan lebih jauh tetapi pengalaman di jalanan ini adalah banyak pengalaman yang harus kita hormati kerana menjaja ini bukan satu perkara yang mudah.

Kadang-kadang saya lihat anak-anak Melayu kita membawa buku, menjual dengan memakai *tie*, pergi menjual ke sana ke sini. Saya menghormati mereka ini kerana mereka membuat satu *marketing* yang cukup baik. Kadang-kadang tak tergamak kita tak beli benda yang dijual itu kerana kita dapat lihat mereka datang menjaja sambil kita makan. "Abang tolong beli buku ini". Jadi kerana kasihan kepada mereka ini kita membeli. Di samping itu juga melatih mereka untuk membuat *marketing* di peringkat bawah.

Jadi saya kira matlamat TEKUN dan MARA untuk mengangkat martabat penjaja jalanan ini menjadi seorang usahawan yang berjaya cukup baik sekali. Kita dapat lihat memang setengah mengatakan bayaran balik dan sebagainya itu biasa. Kalau kita pinjam bank beratus juta pun, ada yang pinjam bank beratus juta pun dia tak bayar, sampai kalau dia demam pun bank sudah takut. Kalau dengar kata dia demam bank boleh ambil ubat, ambil doktor atau pakar bawa pergi tolong berubat dia. Takut apa-apa jadi kepada dia hutang beratus juta tak bayar. Bukan sahaja kita cakap Melayu hutang tak bayar. Kadang-kadang saya kecewa juga orang dok kata Melayu hutang tak bayar, Melayu hutang tak bayar. Awat? Lekeh sangatkah bangsa Melayu ini, hina sangatkah bangsa Melayu ini? Jadi berniaga macam itu. Kalau berniaga tak menjadi, tak bayarlah hutang.

Kalau kita tengok *finance company* yang tak bayar kereta itu banyak. Yang tiga empat bulan tak bayar kereta kena tarik. Ini perniagaan. Perniagaan ada pasang surutnya. Kadang-kadang ada *business* bagus, kadang-kadang menurun. Jadi kita tak boleh ambil fakta kerana menurun maka kita kata dia tak bayar hutang. Kadang-kadang dia ada untung dia bayar yang tiga bulan tak bayar dia bayar sekali gus dan sebagainya...

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi saya kira...

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Minta sedikit. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Jerai. Saya tertarik mengenai MRSM dan TEKUN ini kerana inilah perkara yang rata-rata di luar bandar dapat gunakan. MRSM ini pun satu, saya kira sebagai mana Yang Berhormat bagi Jerai pohon tadi supaya tiap-tiap daerah ada. Kalau tidak tiap-tiap daerah, bandar besar ini mesti diadakan.

Satu lagi kalau yang minta diperbesarkan kawasan yang cukup luas tak cukup itu saya rasa, kenalah kerajaan ataupun kementerian mengambil hal ini supaya cepat diluluskan. Dan satu lagi rata-rata ibu bapa yang di kawasan masing-masing, cuma berkehendakkan supaya pelajar-pelajar di tempat sendiri.

Kalau di Kelantan janganlah ditukar ke Penang, ke Kedah dan sebagainya. Kalau dapat berilah kemudahan supaya mereka ini berada di kawasan sendiri.

Berbalik kepada TEKUN pula, kadang-kadang pegawai TEKUN pun satu. Bila rakyat memerlukan bantuan yang perlu dia boleh memperbaiki diri dia dan keluarganya tetapi tidak diluluskan. Jadi saya harap ada di situ pemantauan supaya perkara ini dapat dihalusi lagi demi untuk keperluan luar-luar bandar yang ingin mencari makan sara hidup hari-hari. Kalau dapat berilah pinjaman dengan agak mudah sedikit. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat. Mungkin pegawai ada. Maklumlah kadang-kadang pinjaman ini ada yang bermasalah dan sebagainya dan teringat saya faktor umur di TEKUN ini. Kalau boleh dia ada had umur. Bila sampai umur berapa puluh tahun itu dia tak boleh ambil sudah tetapi kadang-kadang kita tengok mak long, mak ngah, pak long dan pak ngah dok jual nasi tepi jalan semua itu memanglah 60 lebih sudah. Yang itu kadang-kadang cucu tak bagi duit kat dia, dia dok berniaga tetapi ada juga yang sudah dok berniaga dok ambil pinjaman TEKUN hendak ambil pinjaman ketiga umurnya sudah tak boleh. Jadi dia kecewalah. Dia kata saya dok tengah berniaga elok-elok. Orang tengah karan bukan boleh pergi *stop* Tuan Pengerusi. Dia dok karan biarlah dia. Jadi bantu dia. Faktor umur itu faktor kemudian.

Satu lagi Tuan Pengerusi, saya juga menghadapi sedikit masalah dari segi pinjaman, ada kes di mana peminjam yang meminjam pinjaman untuk belajar dan penjamin menjamin tetapi kerana umur peminjam itu tak panjang dia meninggal. Bila dia meninggal atas faktor kehendak Allah SWT, adakah penjamin itu terpaksa juga membayar, menanggung pinjaman itu. Saya kira ini mungkin tidak begitu adil. Bukan atas kehendaknya. Mungkin kalau kita dok bayar tak tahu mati, bila mati ini bukan kerja kita jadi bila dia tak boleh bayar maka terpaksa penjamin kena bayar dan penjamin ini berlaku di kawasan saya. Dia pun umur guru pencen. Bila dapat surat dia dekat-dekat hendak rebah, terkejut. Fasal kawan itu sudah mati satu hal. Bila sudah mati hendak suruh bayar juga, kawan dengan pencen tak ada.

Jadi tidak tahulah mungkin kalau benda-benda macam ini, kes-kes yang tertentu mungkin pihak kementerian boleh mengambil satu jalan penyelesaian yang terbaiklah kerana kalau tidak kesianlah kawan ini kerana dia terpaksa bayar disebabkan oleh kawan itu meninggal dunia. Jadi Tuan Pengerusi satu saya hendak ucap terima kasih juga kepada MARA, kerana baru-baru ini MARA melihat apabila orang berniaga di jalanan ini dan atas inisiatif saya ada juga pejabat kerajaan, Majlis Perbandaran Sungai Petani berpakat dengan MARA kita bahagikan dia orang satu gerai-gerai yang standard yang sesuai dengan perniagaan mereka.

Sudah 50 tahun kita sudah merdeka, takkanlah kita masih melihat lagi orang Melayu berniaga di gerai yang buruk-buruk di jalanan, ini harus kita ambil kiralah. Jadi sistem mikro yang diadakan oleh pihak MARA ini cukup baik sekali dan saya kira sistem ini harus kita teruskan dan perbanyakkan balik gerai-gerai yang dibuat oleh MARA dahulu. Dahulu memang banyak saya ingat lagi, dahulu di mana sahaja di bandar-bandar kecil MARA akan membina gerai-gerai dia. Mungkin hari ini kita *upgrade* sedikit gerai itu menjadi lebih sesuai mengikut keadaan masa dan zaman supaya kita boleh juga membantu anak-anak kita. Ini kerana kalau bapa, emak itu berniaga di jalanan yang begitu lama, anak yang *graduate* ini boleh menolong memperbesarkan secara moden perniagaan ibu bapa mereka itu.

Ini berjaya, kerana di kawasan saya apabila seorang ibu tunggal itu hidup susah kita bagi bantuan kelengkapan alat-alat untuk dia berniaga, buat cili dan sebagainya, anak dia pada ketika itu menuntut di Universiti Utara Malaysia. Apabila anak itu keluar daripada Universiti Utara Malaysia, saya menasihati anak ini supaya memperbesarkan perniagaan emak dia, jumpa MARA kah, Bank Pertanian kah dan sebagainya untuk memperbesarkan.

Jadi saya ingat skim yang dilakukan oleh MARA di peringkat bawahan jalanan ini kecilan ini boleh kita perbesarkan dengan anak-anak yang balik daripada universiti yang mengambil dalam bidang perniagaan dan sebagainya boleh membantu dan memperbesarkan industri-industri mereka. Ini kerana bagi saya Tuan Pengerusi saya amat-amat menghormati peniaga kecil-kecilan ini kerana mereka benar-benar berniaga.

Jual pagi, untung hak itulah hak anak ke sekolah, hak itulah anak hendak makan di rumah dan sebagainya, hendak bayar hutang kah apa itulah hasil daripada titik peluh mereka. Berbanding dengan kadang-kadang orang berniaga besar ini dia jual kertas sahaja, dia main kertas sahaja.

Bagi saya, saya menghormati yang ini lebih kerana mereka betul-betul menyahut seruan kerajaan menjadi seorang usahawan. Jadi bila ekonomi ini Yang Berhormat bagi Arau, nadi negara dan cuba bayangkan kita orang berniaga ini tidak ada, kacau kita. Macam di Kuala Lumpur saya tengok. Itulah saya minta sedikit pihak berkuasa supaya memberi kelonggaran yang berpatutan. Kadang-kadang Tuan Pengerusi, gerai pinjam daripada MARA, gerai hak MARA, pinjam hak TEKUN, tahu-tahu pihak penguat kuasa mai ambil gerai ambil apa semua dia hendak berniaga apa? Yang ini kita kena ingat juga sudahlah kerajaan bagi bantuan, hak kerajaan juga mai ambil.

Jadi, tidak jadi apalah matlamat pun tidak betul. Jadi kalau kita dan kadang-kadang saya lihat bila orang dok berniaga tang itu elok-elok laris perniagaan, kita pindah hendak buat tempat elok, buat di tempat yang tidak laku, akhirnya kawan ini tidak boleh berniaga. Apa salahnya kita *upgrade* kan kawasan dia berniaga itu bagi elok supaya orang boleh mai lagi ke tempat dia. Saya lihat di Pulau Pinang, tepi lorong itu depa jual ais kacang, kalau Tanjong dia tahu Yang Berhormat bagi Tanjong maju orang mai pasal apa dia dok berniaga tang itu pasal tang tu orang sudah tahu sudah kerana ABC hak yang bawa pi Australia. Ha! Di situ lah, yang kacang besar-besar ibu jari.

Popia tang itu, semua tang itu cuma la ni saya minta Kerajaan Pulau Pinang *upgrade* kan kawasan itu bagi elok sedikit, ini duduk di tepi parit sahaja. Kita hendak yang itu supaya bila *upgrade* barulah selesa. Begitu juga usahawan-usahawan yang ada ini, mempertingkatkan, membantu peniaga-peniaga jalanan ini supaya mereka menjadi tokoh peniaga yang berjaya. Kalaupun mereka tidak jadi insya-Allah, anak zuriat mereka ini akan menyambung menjadi seorang usahawan. Sekian Tuan Pengerusi saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Jasin.

2.55 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pergi kepada Butiran 09600, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan. Tuan Pengerusi, saya kira sudah sampai masa dan ketikanya supaya kerajaan lebih-lebih lagi kementerian untuk melihat balik kaedah pemberian lesen-lesen kepada mereka-mereka yang menjalankan khidmat teksi-teksi, lebih-lebih lagi teksi-teksi di Kuala Lumpur. Amat mendukacitakan sekali dan lebih-lebih lagi pada tahun hadapan kita sedang kuat kempen untuk Tahun Melawat Malaysia dengan kehadiran yang dijangkakan pelancong-pelancong lebih daripada 20 juta orang.

Saya ada satu pengalaman yang amat mendukacitakan Tuan Pengerusi, semasa dalam Perhimpunan Agung UMNO, teragak hendak pergi ke KLCC. Oleh sebab kereta kita sudah masuk bawah Pan Pacific itu tidak boleh keluar, maka saya naiklah teksi pergi ke KLCC. Masa pergi itu dia tahu kita ini penginap tetap di Pan Pacific maka mudahlah kita pergi ke sana tetapi malangnya apabila saya hendak balik dari KLCC ke Pan Pacific, saya terpaksa berjumpa lebih daripada sepuluh teksi. Sepuluh teksi menanya kita hendak pergi ke mana. Selepas lebih daripada sepuluh teksi barulah satu hamba Allah itu kenal saya, dia pula terima tetapi yang lain itu sebut sahaja Pan Pacific tidak hendak, terlampau dekat, dia kata situ *jam* dan sebagainya.

Kalau kita lihat di Singapura, kita pergi di Singapura tahan sahaja teksi dia tidak kira di mana, kita masuk dalam teksi ke mana hendak pergi baru dia hantar tidak kira dekat tidak kira jauh tetapi teksi-teksi dekat Kuala Lumpur ini dia akan turunkan dia punya *wind screen* menanya kita ke mana hendak pergi dulu, selepas itu baru dia ambil. Saya pernah mengadu benda ini kepada Pengerusi Lembaga Kenderaan, kawan kita juga tetapi apa dia boleh buat? Penguat kuasa dia hanya ada berbelas orang sahaja, lesen teksi beribu. Bagaimana hendak jalankan penguatkuasaan dengan kekurangan kakitangan. Yang ini kalau tidak dibetulkan saya takut esok imej negara tercemar, imej Kuala Lumpur tercemar dengan perangai-perangai pemandu-pemandu teksi.

Yang kedua Tuan Pengerusi, apabila pemandu teksi ini bagi teksi dia sewa 24 jam, kadang-kadang dia bawa sendiri di waktu siang tetapi petang sehingga ke malam, dia *sublet* kan teksi dia kepada orang-orang Bangladesh, orang-orang Pakistan dan orang-orang yang ada PR. Walhal di dalam undang-undang negara, orang-orang ini tidak boleh membawa teksi. Pernah saya terjumpa di mana pelancong-pelancong kita dikenakan tambang yang tidak munasabah dari Ampang ke Pan Pacific pukul 9 malam, pendatang-pendatang yang membawa teksi yang memegang PR mengenakan bayaran RM20 hingga RM25 kepada pelancong-pelancongnya.

Apabila ditegur, "Mengapa kenakan pelancong-pelancong ini harga yang begitu tinggi?" Dia kata, "Ini bukan negara saya, saya datang sini hendak cari makan, hendak untung seberapa banyak yang boleh". Yang ini pun saya berharap Kementerian Lembaga ini kenakan syarat. Ya, sila sahabat Yang Berhormat bagi Sri Aman yang masalah teksi dekat Sarawak saya kira.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Jasin. Ini bukan masalah Sri Aman, masalah teksi di Kuala Lumpur. Di England saya difahamkan sebelum seseorang itu mendapat lesen teksi, dia mesti diuji dulu, ditanya orang kalau rumah itu, jalan itu, nombor itu, simpang itu, pergi ke sana, boleh, boleh. Kalau dia sudah tahu baru dia diberi lesen. Satu hari dulu saya ada tanya pemandu teksi, "Boleh masuk?", "Boleh". Saya masuk saya tanya dia pergi Parlimen, dia cakap "Mana ada Parlimen?" "Ada Parlimen, sana Parlimen" saya kata. Jadi akhirnya saya tanya dia, kamu dari mana, kata dia dari Indonesia, jadi hendak masuk ke Parlimen sini kata saya, "Itu simpang masuk ke Parlimen", "Oh, itu bukan Parlimen!" kata dia. Jadi mahu masuk ke simpang bangunan Parlimen dekat satu jam kerana setiap kali saya tunjuk dia tidak setuju dengan saya, tidak ada Parlimen bukan Parlimen. Jadi setujukah Yang Berhormat kita minta kementerian ini mengadakan satu ujian yang tertentu seperti di England supaya orang yang memandu teksi benar-benar tahu di mana zoo, di mana Parlimen, di mana jabatan-jabatan kerajaan dan lain-lain dan jika mereka gagal tidak harus diberi lesen...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya setuju.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat daripada Jasin. Saya tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin. Dan kalau kita lihat, kita dengar, insiden-insiden ini, peristiwa seperti ini bukan sahaja disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin menjatuhkan imej Malaysia, dan tahun depan ini ialah tahun melawat Malaysia. Kalau perkara ini akan terus berlaku maka sudah tentulah imej bukan sahaja pemandu teksi tapi negara kita akan jatuh. Saya minta supaya Yang Berhormat bagi Jasin mencadangkan, hendak tanya pada pihak kerajaan setakat ini sebab benda ini dah lama kita dengar, bukan tahun ini sahaja bahkan berpuluh-puluh tahun peristiwa ini berlaku melibatkan pemandu teksi dan sebagainya. Ini tidak masuk lagi yang tidak jujur dan sebagainya.

Jadi saya hendak tanya, minta Yang Berhormat bagi Jasin berikan ini, apakah yang dibuat oleh kerajaan atau kementerian setakat ini dalam kita membina, memberikan kesedaran sivik kepada pemandu-pemandu teksi, kita hendakkan supaya mereka berbudi bahasa, kita gemburkan supaya membina budi dan bahasa kepada masyarakat kita tetapi orang yang membawa, menjadi pemasar kepada negara kita ini, pemandu teksi saya kira sebagai pemasar, penjual, bukan makna jual negara, tidak, menjual info, menjual imej negara dan sebagainya, tetapi mereka ini tidak mempunyai budi bahasa seperti ini. Jadi, apakah, saya minta supaya Yang Berhormat bagi Jasin mencadangkan dan minta penjelasan daripada kementerian. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Maran dan juga Yang Berhormat bagi Sri Aman. Memang masalah ini kita dah bercakap lama tentang benda ini. Dan dah sampai masa dan ketikanya untuk kementerian dan lembaga bertindak. Lembaga boleh bertindak tetapi penguatkuasanya tak berapa ramai Tuan Pengerusi, macam mana hendak bertindak? Oleh demikian, kementerian kena memohon kepada kerajaan, JPA ke apa supaya membesarkan dan memperkasakan lembaga ini supaya rungutan ini tidak timbul lagi. Dan kita ke arah Malaysia negara maju tahun 2020, kalau hari ini *driver* teksi kita bertindak bagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan kita ini, malu kita. Kalau macam kata yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Sri Aman, kadang-kadang dia hendak memutar-mutar itu, kalau pakai meter fasal meter itu akan berjalan. Walaupun simpang dia tahu, dia buat tak tahu, banyak dia punya ongkosnya pak. Ya, Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Jasin. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa ada segelintir pemandu teksi tidak bertanggungjawab oleh kerana mereka mencajkan tambang berkali ganda kepada pelancong-pelancong yang tidak faham tempat-tempat yang mereka nak pergi. Adakah bercadang bahawa ada satu tindakan yang berat seperti termasuk menggantung lesen mereka. Ianya boleh mempertahankan imej negara kita khususnya dalam tahun 2007, tahun pelancongan. Sebab ramai pelancong datang dari luar negeri, boleh dikatakan dekat 20 juta. Jika tindakan ini berlaku, saya rasa pemandu teksi yang tidak bertanggungjawab akan kurang dan ini boleh membantu kerajaan untuk membangunkan ekonomi. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Bukit Bintang. Saya setuju sangat kalau didapati bahawa pemandu-pemandu teksi ini cuba menekan-nekan pelancong, menipu orang, kita kena tarik balik lesen dia ataupun permit dia...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Beri jalan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tunggu sekejap, saya hendak terangkan habis. Masalah dia, saya pernah berbincang dengan kedua-dua pengerusi, bekas pengerusi Lembaga Pelesenan dan pengerusi Lembaga Pelesenan yang ada sekarang. Saya bincang dengan dia sampai kepala saya pun dah tak ada rambut dah. Kata dia, nak minta duit ataupun peraturan dalam lembaga ini kena ada *petty cash* pun susah untuk hendak membolehkan pegawai-pegawai penguat kuasa menyamar untuk naik teksi hendak rasa bagaimana rakyat jelata ini ditipu oleh *driver* teksi. Bila dia naik teksi, dia kena bayar juga tambang dia tetapi kalau hendak ikutkan *claim* kerajaan, empat, lima bulan belum tahu duit dia ini dibayar balik. Seharusnya lembaga ini ada *petty cash* untuk membolehkan pegawai-pegawai ini menyamar, dan didapati sekiranya pemandu-pemandu teksi ini menyeleweng sebagaimana disebut oleh Bukit Bintang tadi, kita tarik dia *down and there*. Sila Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Tadi sudah cakap dengan perangai dan juga teksi dan arah pemandu teksi tidak begitu jelas. Bagaimana dengan saiz teksi yang ada sekarang ini? Saya dapati kadang-kadang, ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Arau dulu, kadang-kadang kita bukan hendak merendah-rendahkan kenderaan nasional kita Proton tetapi saya dapati jika dibandingkan dengan negara-negara lain seperti Singapore, Hong Kong ataupun di Amerika Syarikat atau Australia, saiz teksi mereka ini terutama di belakang di mana diletakkan *luggage* yang besar boleh masuk. Kadang-kadang you tengok teksi di *highway*, teksi Proton dengan..., tak tutup semua.

Dan pada masa yang sama juga, *maintenance* teksi itu, kadang-kadang teksi botak tayar dia, *bumper* dia setengah gantung setengah macam nak jatuh semua sekali, cat dia dah tak begitu *maintain* dah tak bagus. Apa cadangan Yang Berhormat, kita mesti mensyaratkan ataupun kita boleh memberikan syarat yang baru bahawa ini dapat diubah khasnya kalau tahun depan kita ingin menyambut lebih daripada 20 juta pelawat daripada luar negara. Apakah pandangan Yang Berhormat mengenai ini?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Memanglah semua manusia hendak yang selesa, semua manusia hendak yang cantik tetapi kadang-kadang kita kena fikirkan pula, ikut rungutan daripada *driver-driver* ataupun pemandu-pemandu teksi ini Tuan Pengerusi, dia kata terlampau banyak kereta di Kuala Lumpur ini, teksi ini terlampau banyak. Jadi dia hendak cari makan pun, dia kata oleh kerana terlampau banyak, bas-bas pula dah banyak, LRT pun dah ada, dia nak cari makan pun susah. Kalau kita hendak mensyaratkan dengan kereta yang cantik, kalau ikut saya biar kereta itu yang besar, kita mensyaratkan teksi di dalam bandar ini, paling tidak pun Perdana, kalau kita, kalau ikut syarat tetapi kita kena ambil kira juga, pemandu teksi ini kadang-kadang, "*kais pagi makan pagi, kais petang makan petang*".

Dan walau macam mana pun, *we must come to a point*, kita kena jadi macam Singapura. Kita kena jadi macam Singapura yang mana teksi-teksi dalam bandar dia mesti berumur sekian-sekian had, tujuh tahun kah, sepuluh tahun kah...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya, Tangga Batu dulu, dah lama dia bangun, nanti orang kampung tidak bagi nanti, marah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Jasin. Yang Berhormat menyebut tentang bagaimana satu penyelarasan di antara kementerian dan pihak lembaga, dan Yang Berhormat dah masuk bahagian umur tadi. Saya pun hendak cerita tentang umur kenderaan. Baru-baru ini lembaga telah pun menetapkan satu syarat iaitu pemilik-pemilik, pengusaha-pengusaha bas sekolah Tuan Pengerusi mestilah memperolehi bas yang baru yang berumur tidak kurang daripada lima tahun.

Jadi Yang Berhormat bagi Jasin, satu bas baru, bas sekolah 40 *seat*, yang kurang daripada lima tahun, harganya dekat RM250 ribu. Jadi ini sedikit sebanyak akan menyebabkan ketandusan di kalangan pengusaha-pengusaha bas-bas sekolah yang memang kais pagi makan pagi. Tambang budak pergi sekolah pula 50 sen dari satu tempat ke satu tempat, ke sekolah yang berhampiran dan sebagainya. Jadi bagaimana ini boleh berlaku, antara penyelarasan pihak kementerian dan pihak lembaga dalam menentukan benda ini menjadi satu kejayaan kementerian. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Berkenaan dengan bas sekolah, atau pun bas ekspres, kita kena buat satu peraturan yang tegas. Kalau lima tahun ke bawah, lima tahun ke bawah. Kerana kebanyakan kemalangan yang berlaku melibatkan anak-anak kita dan juga penumpang-penumpang bas, kadangkala kita lihat bahawa bas itu adalah bas lama. Jadi kalau hendak menanya orang meniaga, saya ini orang berniaga Yang Berhormat. Kalau hendak ikutkan susah, dia akan capak susah memanjang sahaja. Walhal bas sekolah, walaupun masa sekolah buka, dia akan bawa anak-anak ulang-alik ke sekolah tetapi masa cuti sekolah, bas sekolah ini diguna untuk bas persiaran, minta *special permission* daripada RMV, dia sudah boleh bawa rombongan-rombongan.

Kalau bas dia tidak boleh, nanti akan membahayakan kepada penumpang-penumpang dia. Jadi oleh itu, kita sokonglah. Yang mana baik, kita kata baik tetapi kalau teksi tadi..., kadang-kadang malu Tuan Pengerusi. Teksi yang tidak lagi diguna lagi di Singapura kita benarkan pula orang-orang kita, daftarkan teksi di Malaysia. Bekas daripada Singapura, kita bawa ke Malaysia dan kita bagi pula dia lesen teksi. Yang sudah tidak baik di Singapura itu kita ambil. Kita ni apa, *second cars* kah? Kita kena jadi macam negara maju juga. Kita kena syaratkan...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sila Putatan, saya beri peluang.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat bagi Jasin. Saya ingin..., sebelum saya tanya satu penjelasan daripada sahabat saya Jasin, saya ingin merujuk kepada jawapan kepada soalan saya yang bertarikh 12 September 2006, yang mana saya soal tentang integriti. Kelakuan-kelakuan yang biadab antara pemandu-pemandu teksi yang tidak berintegriti. Ada jawapan yang telah dibagi kementerian telah, perkataan 'telah', merangka plan, tindakan, dan program-program. Satu daripadanya, mengadakan kursus untuk pemandu pengangkutan awam; kedua, menerbitkan buku kod etika pemandu pengangkutan awam; ketiga, mewujudkan sistem aduan; empat, mengadakan dialog dengan pengusaha-pengusaha pengangkutan awam; dan yang kelima, menjalankan penguatkuasaan dari masa ke semasa.

Ini cerita, dia hanya *cover* sahaja kelemahan ini. *Cover* sebenarnya tiada Tuan Pengerusi. Sampai sekarang ada khabar mulai, telah merangak. Jadi saya soal dengan etika pakaian pemandu-pemandu teksi ini. Kadang-kadang kita masuk teksi itu, bau satu macam Tuan Pengerusi. Ada pernah naik teksi Tuan Pengerusi? Saya selalu naik teksi di Kuala Lumpur ini. Tak boleh masuk dalam, baju dia, kasut dia buka, satu macam bau dalam teksi. Saya minta penjelasan, bagaimana tindakannya?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah kalau minta cara yang bertulis kepada kementerian, kepada lembaga, memanglah cantik tetapi pelaksanaan dia, *wallahu'alam bissawab*. Penguatkuasaan pun dia tidak boleh buat. Tidak boleh buat. Macam saya ceritakan tadi. Berapa orang kakitangan dia, teksi berapa ribu?

Jadi kita hendakkan supaya kerajaan ambil berat ini, lembaga ini harus diperkasakan lagi, tambah bilangan penguat kuasa supaya masalah ini kita dapat atasi dengan secepat mungkin. Ini memalukan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya sila Jerai, pandang macam hendak makan... [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin.

Saya tertarik kerana tadi yang saya kata tadi, kereta kita tidak sesuai dan sebagainya. Apa salahnya untuk jangka masa panjang ke depan, kita ada Syarikat Kereta Nasional, Proton. Minta Proton cari satu kereta yang sesuai macam kereta di London itu, *London Taxi* yang dibina khusus untuk teksi dan mungkin di Malaysia kita ada *Malaysian taxi* yang menggunakan kereta yang dibuat di Malaysia, yang sesuai, *multipurpose*, kegunaan yang sesuai kepada pengguna kita di Malaysia.

Saya bersetuju Yang Berhormat untuk pemandu-pemandu teksi ini diberi pendedahan mengenai isu yang berlaku di negara kita ini, memahami negara kita ini supaya Tahun Melawat Malaysia ini, mereka menjadi orang yang penting. Mereka inilah Tuan Pengerusi. Depa ini lebih cerdik kerana hari-hari orang beratur, orang nak naik teksi dan bermacam-macam orang memberi pandangan. Sebab itulah kalau kita bercakap fasal politik, pemandu teksi erti cakap fasal politik...

Tuan Pengerusi: Baik, cukup.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Jerai, saya memang bersetuju sangat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, cukuplah mengenai perkara ini. Gulung, gulunglah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya hendak pergi kepada satu tajuk lagi Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Gulunglah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya hendak pergi kepada satu tajuk lagi Tuan Pengerusi. Jadi saya hendak terangkan sedikit kepada Jerai tadi. Memanglah sampai kepada Kementerian. Kalau lesen teksi ini memang kita syaratkan. Mesti menggunakan kereta nasional. Ini cara kita hendak *promote* Proton. Orang luar negara datang negara kita, dia naik di *airport*, dia tengok, wah, *this is Malaysian car*. Kita pun seronok.

Dan kursus ini pernah dibuat di Melaka. Kami pernah buat Tuan Pengerusi. Kerajaan Negeri Melaka memanggil semua sekali penarik-penarik beca di Melaka. Kita bagi dia makan, kita bagi dia belajar bahasa Inggeris kepada penarik beca. Kita bagi dia supaya mereka berbudi bahasa kepada pelancong. Ini tarikan Melaka. Pernah kita buat tetapi hari ini Kementerian, kalau tengok jawapan kepada soalan Yang Berhormat bagi Putatan, memang cantik tetapi, buatnya tidak.

Saya akan terus kepada tajuk 09504, berkenaan dengan kursus dan khidmat nasihat kontraktor, PKK atau Pusat Khidmat Kontraktor. Saya minta, sampailah masa oleh kerajaan, untuk mengkaji balik syarat-syarat kontraktor ini. Pada hari ini kita ada lebih daripada 40 ribu kontraktor kelas 'F'. Sampai bila? Seharusnya Kementerian mengenakan berapa syarat, kelas 'F' ini kelas belajar. Dia macam kata, kita memandu kereta kelas 'L', Lesen 'L'. Kelas 'L' ini pun seharusnya, kadang-kadang kita tengok bahawa kontraktor kita ini oleh kerana kelas 'F' ini, dia dapat keistimewaan, boleh cabut undi dan sebagainya, kontraktor kita ini makin lama makin malas Tuan Pengerusi.

Akan tetapi kalau kita kenakan syarat kepada mereka, kelas 'F' ini setakat tiga tahun, empat tahun lepas itu automatik naik kelas 'A'. Ini akan memberi kontraktor kita lebih maju pada masa akan datang. Ataupun kita syaratkan satu kelas 'F' ini, kelas belajar, dia boleh buat kerja sehingga RM500 ribu kah, mungkin makan masa dua tahun, tiga tahun selepas dia ada pengalaman mendapat kerja RM500 ribu, dengan tersendirinya kelas dinaikkan. Tidaklah kita hadapi masalah seperti pada hari ini, kelas 'F' sampai 45 ribu, 46 ribu orang dan pening kepala kerajaan untuk menyediakan kerja-kerja kepada mereka.

Jadi kita kena datang dengan *something* yang mana masalah kelas 'F' ini daripada dulu sampai sekarang, kita belum dapat menyelesaikan masalah-masalah mereka ini. Oleh demikian Tuan Pengerusi, saya ucapkan ribuan terima kasih dan menyokong.

Tuan Pengerusi: Bukit Bintang

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, oleh kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan dalam Peringkat Jawatankuasa Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada Butiran 00607 Perkhidmatan Pengangkutan. Peruntukan sebanyak RM20 juta untuk butiran ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan pemandu-pemandu kenderaan awam seperti bas ekspres yang memandu dari destinasi ke satu destinasi seperti dari utara ke selatan, dan dari selatan ke utara atau ke timur, ke barat atau barat ke timur,

yang menyebabkan banyak kemalangan berlaku sama ada musim perayaan atau di luar musim perayaan. Yang memandu bas tanpa rehat dan tidur yang cukup dan pemandu solo ini kadangkala di bawah pengaruh alkohol atau dadah, memandu tanpa pengetahuan pihak pengurusan bas ekspres atau bas pelancongan. Mereka bukan sahaja memandu dalam keadaan membahayakan penumpang sendiri, tetapi membahayakan kenderaan-kenderaan lain yang berada di atas jalan raya atau di lebuhraya, walaupun pemandu kenderaan sangat berhati-hati dan berjaga-jaga tetapi apabila berhadapan dengan pemandu bas yang tidak ada fokus, yang hilang tumpuan, letih, mengantuk dan sebagainya menjadi punca meningkatkan kadar kemalangan kenderaan berat di negara kita.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya apakah usaha kementerian dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan bagi memastikan bahawa syarikat bas menugaskan bilangan pemandu yang cukup cekap, berkebolehan dan bersiap-sedia. Apakah kaedah yang dipakai oleh kementerian dan LPKP untuk memantau supaya syarikat pengangkutan mematuhi arahan seperti rekod pemandu bertugas ke setiap destinasi untuk memudahkan pihak berkuasa mengesahkan?

Kejadian-kejadian kemalangan yang menimpa pelancong asing seperti baru-baru ini dari Taiwan, berikutan bas ekspres yang dipandu oleh pemandu tanpa rehat yang cukup hendaklah dipastikan tidak berulang lagi. Pada hari kelmarin, ada satu bas ekspres dari Thailand yang pulang dari Genting Highlands. Tiga penumpang terkorban dan 31 tentera. Ini satu iktibar yang haruslah kita belajar bahawa pemandu ini harus dikawal dan memastikan mereka ada cukup masa untuk berehat dan memastikan tidak berlaku kemalangan yang dahsyat di jalan raya dan mengakibatkan nyawa terkorban. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Ledang.

3.22 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus menjurus kepada P.26 dan 01502. Ini berkenaan dengan TEKUN. Tuan Pengerusi, saya yakin usia TEKUN telah pun menjangkau melebihi sepuluh tahun dan saya yakin juga TEKUN sekarang telah pun mampu menganalisa tentang untung rugi dan sebagainya. Di Ledang Tuan Pengerusi, saya hendak sebut dan saya telah dapat laporan tadi, TEKUN Ledang telah pun mengekalkan prestasi untung 40% dua tahun berturut-turut, yang mempunyai 1,200 peminjam dengan nilai RM6 juta.

Dalam erti kata yang lain, saya boleh katakan cemerlanglah kerana berjaya mengutip hutang TEKUN pada tahap tersebut. Dan untuk makluman Tuan Pengerusi, sedikit sahaja, mungkin yang ini wanita sukalah sebab salah seorang daripada Pegawai TEKUN adalah wanita. Mungkin dia pandai mengutip hutang dan sebagainya ini. Alhamdulillah sekarang dia telah pun menjadi salah seorang Pegawai TEKUN yang dianugerahkan Pegawai TEKUN Terbaik dalam negeri Johor. Moralnya ialah Tuan Pengerusi, kalau ada kaedah yang tertentu, kaedah yang ke hadapan dan sebagainya, tidak ada masalah tentang mengutip hutang ini.

Oleh yang demikian Tuan Pengerusi, ada beberapa peminjam TEKUN di kalangan usahawan kita yang cemerlang, yang membayar hutang dengan baik, tidak ada tunggakan dan sebagainya, telah pun mencapai tahap hutang dan mendapat pinjaman RM30,000.

Pada pandangan saya ini, RM30,000 ini boleh ditingkatkan lagi. Sekarang hadnya cuma RM30,000 Tuan Pengerusi. Saya hendak cadangkan supaya bagi peminjam-peminjam TEKUN yang cemerlang ini diberikan keistimewaan, boleh meminjam dan boleh tambah pinjaman ke tahap RM50,000 untuk mereka membesarkan lagi perniagaan mereka. Jadi mereka tidak perlu pergi ke PROSPER dan sebagainya kerana rekodnya tadi telah pun sedia ada di TEKUN dan TEKUN tahu *track* rekodnya dan TEKUN mudah memantau terus perkembangan usahawan ini.

Pada masa yang sama juga Tuan Pengerusi, berasaskan kepada keperluan semasa, mungkin TEKUN tidak perlu mengkhususkan jenis perniagaan. Kalau boleh mungkin semua jenis perniagaan boleh diberi pinjaman oleh TEKUN supaya dapat merencanakan lagi perniagaan di kalangan usahawan-usahawan kecil dan mereka dapat meningkatkan lagi dalam bidang mereka dan membantu usahawan khususnya bumiputera di dalam bidang keusahawanan. Begitu juga Tuan Pengerusi, Kepala B.030000 dan P.00618 berkenaan dengan MARA yang di peruntukan lebih kurang RM2 bilion. Saya yakin pendekatan mereka juga banyak tertumpu kepada meningkatkan usahawan yang meminjam, kemahiran dan sebagainya. Dan saya fikir dengan jumlah RM1.5 bilion di bawah tajuk Bekalan mungkin tidak cukup, Tuan Pengerusi.

Begitu juga di bawah tajuk Pembangunan, cuma disediakan setengah bilion. Mungkin pada pandangan saya, berasaskan kepada resolusi yang banyak dianjurkan oleh Persidangan UMNO baru-baru ini sudah sampai masanya peruntukan ini wajar ditambah supaya lebih banyak lagi usahawan-usahawan yang terdiri daripada bumiputera mendapat faedah daripada segala rancangan kerajaan untuk membangunkan usahawan bumiputera yang masih lagi diperlukan pembelaan dalam negara kita. Jadi saya hendak cadangkan dalam ucapan ini supaya peruntukan tersebut pada masa yang akan datang ditambah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, seorang atau dua orang lagi cukuplah saya ingat. Selepas ini kita akan mula perbincangan dalam Jawatankuasa Kementerian Kerja Raya. Ya, Yang Berhormat bagi Cheras.

3.26 ptg.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin menyentuh sedikit sahaja berkenaan Butiran LPKP, Tuan Pengerusi. Tadi saya dengar banyak hujah-hujah yang dikemukakan oleh ramai Ahli mengenai sikap pemandu teksi yang tidak bertanggungjawab, yang buruk dan sebagainya tetapi saya ingin menunjukkan di sini Tuan Pengerusi, bahawa adakah Yang Berhormat-Yang Berhormat lain juga sedar bahawa di negara ini, pemandu-pemandu teksi adalah merupakan golongan berpendapatan yang paling rendah sekali. Saya ada ramai kawan yang bekerja sebagai seorang pemandu teksi di bandar raya, di Lembah Klang ini dan mereka ini memang hidup dalam keadaan sengsara dan menderita. Ramai yang tidak dapat menjaga keluarga mereka dengan sebaik-baiknya dari segi kewangan kerana terpaksa berhutang dengan *Ah long* untuk sewa kereta dan sebagainya serta menghadapi masalah kesesakan lalu-lintas dalam bandar raya yang semakin serius. Dan pendapatan mereka begitu tidak menentu dan tidak stabil sekali.

Lagipun mereka tidak dapat menikmati kebajikan-kebajikan yang dinikmati oleh pekerja-pekerja yang lain misalnya cuti am dan sebagainya. Kalau mereka sakit hampir mati pun, sewa teksi mesti dijelaskan. Pembaikan (*repair*) dan *maintenance* kereta pun mesti ditanggung oleh mereka sendiri. Selama ini adakah pihak kerajaan dan pihak kementerian bersimpati dengan keadaan mereka dan menurut satu laporan yang dikeluarkan baru-baru ini Tuan Pengerusi, pendapatan pemandu teksi Malaysia telah pun dianggap sebagai pemandu teksi dengan pendapatan yang paling rendah sekali dalam dunia ini kerana kadar atau tambang teksi di Kuala Lumpur adalah paling rendah. Diharap Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan macam mana negara ini dan kerajaan yang berjanji untuk membela rakyat ini boleh membenarkan mereka duduk dalam keadaan begini berterusan dan tidak diberikan sebarang perhatian.

Satu perkara lagi iaitu saya ingin Yang Berhormat Menteri, satu perkara ini mengenai bayaran tambahan teksi melalui telefon iaitu *radio call*. Sejak perlaksanaan atau *introduction* nya pada tahun 1983, dengan kadar RM1 setiap panggilan Tuan Pengerusi, sampai ke hari ini selepas 23 tahun, kadar bayaran ini masih tidak dinaikkan satu sen pun.

Macam mana bayaran ini dapat dipinda dan dikaji semula untuk menjadikan perkhidmatan ini adalah seimbang dengan kadar inflasi. Memandangkan dalam tempoh dua tahun yang lalu sahaja, sudah lima, enam, tujuh kali harga petrol dan diesel melambung naik tetapi kadar teksis tetap begitu juga. Macam mana perkara ini dapat diperbetulkan, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Tanjong.

3.30 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 010200 – Usahawan. Tuan Pengerusi, satu objektif Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi adalah untuk membangunkan usahawan yang berkeupayaan untuk mengusahakan dan menguasai sekurang-kurangnya 30% daripada kegiatan perdagangan dan perindustrian dalam negara menjelang tahun 2020 ke arah pencapaian masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Saya rasa ini adalah satu objektif yang amat besar yang dilaksanakan oleh kementerian ini dan sejajar dengan prinsip kebertanggungjawaban. Sebarang dasar kerajaan perlulah terbuka untuk pemantauan, penganalisan ataupun kritikan-kritikan seperti mana kita dengar pada pagi ini dan juga pada petang ini. Jadi saya berharap sebarang kritikan terhadap sebarang objektif ataupun aktiviti-aktiviti perlulah dilihat sebagai usaha untuk mempertingkatkan prestasi kementerian untuk menjayakan matlamat yang ditetapkan oleh kerajaan.

Saya berharap semua ini janganlah dilihat sebagai mencabar hak sesiapa pun dalam negara ini sehingga mahu membunuh orang, bermandi darah dan sebagainya dan memberi hujah-hujah dan kenyataan yang amat memalukan dan menjijikkan di samping menghasut dan perlulah dikritik dengan sekeras-kerasnya sebab semua ini akan menjejaskan iklim untuk kita melakukan perniagaan di negara ini, menjejaskan kestabilan masyarakat dan juga menjejaskan keyakinan pelabur asing dan tempatan terhadap dasar kerajaan dan juga keberlangsungan suasana perniagaan di negara ini.

Jadi saya merujuk kepada objektif untuk membangunkan masyarakat perdagangan perindustrian bumiputera di bawah Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan dan Dasar Wawasan. Saya berharaplah lebih usaha dapat diberikan sebab masih belum tercapai penguasaan yang diharap-harapkan dan saya rasa langkah-langkah seterusnya perlulah diambil demi mencapai matlamat ini sebab kita sekarang ini dalam satu suasana persaingan antarabangsa yang amat sengit dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata bahawa memang susah mencapai matlamat dalam masa 20 atau 30 tahun, tetapi adakah kita mempunyai 400 tahun untuk membetulkan apa yang terjadi?

Jadi dalam masa negara kita menghadapi persaingan, saya rasa kita tidak ada 400 tahun untuk kita mencapai matlamat. Mungkin 40 tahun pun tidak ada dan saya tidak haraplah melihat akibat daripada itu rakyat negara ini pada masa-masa akan datang pula menjadi PTI di negara-negara jiran seperti apa yang kita lihat pada hari ini di negara kita. Jadi saya juga merasa matlamat untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera adalah baik dan haruslah dipertingkatkan dan kita perlulah melihat wujudnya usahawan-usahawan yang dapat berdikari, sanggup mengambil risiko menerokai pasaran yang baru, berdaya maju dan berdaya tahan, bukan sekadar bergantung kepada *handouts* semata-mata daripada kerajaan.

Jadi kita ingin lihatlah kementerian ini bukan sahaja dapat mewujudkan kekayaan melalui program-program tetapi juga sama mementingkan pengagihan kekayaan ataupun faedah yang boleh diberikan oleh kementerian ini kepada pihak-pihak yang akan menerima manfaatnya. Jika kita lihat semula MPBB ini, kita sering dengar kritikan bahawa golongan yang mempunyai pertalian politik sahaja yang dilantik menjadi pengarah di dalam lembaga pengarah berpuluh-puluh syarikat dan mendapat berpuluh-puluh AP dan kontrak-kontrak penswastaan. Jadi pengagihan ini amat penting juga. Saya berharaplah perkara ini tidak diabaikan begitu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Dan akhirnya, 00607 – Perkhidmatan Pengangkutan. Saya cuma hendak kementerian ini memberi tumpuan khas kepada keadaan pengangkutan awam di negeri Pulau Pinang, khususnya di sebelah pulau yang bukan sahaja tidak ada satu sistem pengangkutan bas yang sempurna dan juga perkhidmatan teksi yang dilaksanakan satu sistem bermeter baru-baru ini pun sudah gagal. Jadi saya berharap LPKP dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan dan juga kerajaan negeri dapatlah bersama-sama bekerja untuk mewujudkan satu sistem pengangkutan awam dan menyediakan perkhidmatan bas yang amat diperlukan di negeri Pulau Pinang. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bagan dan selepas itu kementerian menjawab.

3.36 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, 030000 – MARA, dan juga 00607 – Perkhidmatan Pengangkutan.

Tuan Pengerusi, di lebuhraya-lebuhraya kami sering nampak ada bas baru iaitu bas *MARALiner*. Dahulu ada *PLUSLiner*, sekarang pun ada tetapi sekarang ini *MARALiner* juga ada. Pada satu masa dahulu ada *Executive Coach* yang dikendalikan oleh MARA dan kedua-dua perkhidmatan bas ini adalah disanjung tinggi oleh pengguna-pengguna tetapi ada juga kawan-kawan mereka bertanya kepada saya mengapa *MARALiner* ada begitu banyak bas-bas yang baru tetapi di manakah pangkalan mereka, destinasi mereka dan apakah tambang-tambang mereka? Saya pun tidak boleh jawab melainkan mengajukan soalan ini kepada kementerian untuk jawapan.

Mengapakah *Executive Coach* pada masa sekarang ini tidak lagi dijalankan? Saya agak *Executive Coach* ini ada pasarannya dan juga adalah satu *social contribution* kepada masyarakat. Memandangkan tahun hadapan kadar tol masih akan dinaikkan, ini menjadikan memandu kereta atau memakai kenderaan sendiri di atas jalan raya atau lebuhraya tidak begitu untung kepada diri sendiri, maka ramai akan memilih supaya mereka menggunakan *public transport* ini iaitu lebih dikenali sebagai *Executive Coach* di mana orang-orang kelas *middle* atau mereka yang suka perkhidmatan ini jikalau dibandingkan dengan bas ekspres-bas ekspres yang lain yang penuh dengan penumpang-penumpang yang mungkin pendatang asing atau orang-orang luar atau siapa-siapa. Jadi saya berharap MARA akan memandang berat tentang perkhidmatan ini.

Tuan Pengerusi, 09001 – Pembelian Ruang Niaga. Tuan Pengerusi, saya ada membuat satu pertanyaan kepada kementerian di Jabatan Perdana Menteri, saya bertanya apakah peruntukan untuk kawasan saya iaitu di Bagan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan dan salah satu peruntukan ialah pembelian rumah kedai Seberang Perai Tengah di Pulau Pinang, ada peruntukan RM5 juta. Saya ingin bertanya kepada kementerian, di manakah rumah-rumah kedai Seberang Perai Tengah ini yang hendak dibeli dan selepas membelinya, bagaimana ia dikendalikan atau sama ada kedai-kedai ini akan dipajak, disewa atau dijual balik kepada peniaga-peniaga di sekitar kawasan itu.

Tuan Pengerusi Butiran 09600 – LPKP, ramai telah menyuarakan ketidakpuasan berkenaan perkhidmatan teksi ini dan termasuklah meter-meter teksi yang telah diusik masih berlaku dan teksi-teksi yang berbaris di stesen teksi, tetapi tidak mahu memakai meter. Mereka hendak memancing penumpang-penumpang dengan harga yang di *bargain* kan atau selepas pukul 11.30 malam mereka tidak mahu jalan, tetapi mereka menunggu di tepi-tepi jalan atau di kedai-kedai kopi sehingga pukul 12.30 tengah malam baru mereka mahu jalan kerana selepas pukul 12.30 tengah malam, kadar tambang boleh dinaikkan sehingga 50%, dan saya ingin mendapat tahu, apa rasional kadar tambang teksi dinaikkan 50% selepas pukul 12.30 tengah malam memandangkan selepas 12.30 malam jalan-jalan semua licin, tiada kenderaan yang *heavy* dan juga suasana adalah senang untuk mereka memandu. Dan saya mendapat tahu bahawa ada setengah-setengah pemandu-pemandu teksi pada siang hari mereka tidak mahu bawa teksi. Mereka rehat di rumah bersama-sama dengan kereta mereka dan mereka hanya hendak membawa teksi pada selepas tengah malam kerana kadar tambang adalah lebih dan minyak juga boleh dikurangkan. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan berkenaan dengan hal ini. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekarang saya jemput pihak kementerian untuk menjawab. Timbalan Menteri sila menjawab.

3.42 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada 17 orang Ahli Parlimen yang telah membangkitkan perkara berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2007 di Peringkat Jawatankuasa kali ini, di antara yang paling banyak membangkitnya ialah agensi daripada LPKP dan Usahawan MARA.

Sebagaimana yang telah ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam membangun modal insan, kementerian sememangnya telah merangka dasar dan perancangan strategik ke arah memantapkan lagi usaha-usaha bagi melahirkan lebih ramai usahawan bumiputera. Dasar ini adalah selaras dengan matlamat misi nasional untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang mapan dan berdaya maju. Sehubungan dengan itu kementerian telah menetapkan sasarannya seperti berikut:

- (i) membudayakan keusahawanan di kalangan 1.5 juta masyarakat bumiputera dengan tumpuan kepada pelajar sekolah rendah dan menengah, belia, siswazah, wanita dan dewasa;
- (ii) kita ingin melahirkan 150,000 usahawan baru;
- (iii) meningkatkan 25,000 usahawan *enterprise* yang sedia ada kepada yang lebih tinggi;
- (iv) membangunkan 75,000 sumber manusia profesional yang terdiri ataupun yang dilahirkan dari MRSM, Giat MARA, Kolej Kemahiran MARA, UniKL dan sebagainya juga pelajar-pelajar dari luar negara; dan
- (v) memantapkan keupayaan 600 koperasi sedia ada dan mewujudkan 800 koperasi baru.

Kementerian telah menetapkan empat pendekatan utama dalam mencapai sasaran tersebut di atas melalui:

- (i) pembudayaan keusahawanan;
- (ii) mewujudkan peluang perniagaan;
- (iii) menyediakan khidmat sokongan; dan
- (iv) bantuan serta pembangunan modal insan.

Mengenai saranan daripada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, suka saya memaklumkan bahawa MARA sememangnya menggalakkan pelajar-pelajar tajaan menceburi bidang keusahawanan yang menyertai sektor swasta dan industri. Justeru itu, bidang-bidang tajaan adalah tertumpu di bidang pengajian, *strategic, critical*, sains dan teknologi. Cadangan untuk menaja sains sosial akan dikaji semula tertakluk kepada peruntukan kewangan yang diterima.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai, MARA tidak menaja kursus penerbangan. Kerana bukanlah kursus keutamaan untuk diberi tajaan tambahan pula kosnya amat tinggi iaitu RM150,000 setiap pelajar bagi tempoh 14 bulan sahaja. Namun begitu kajian semula akan dibuat untuk menaja bidang ini pada masa hadapan. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Rembau, pada masa ini promosi bagi institusi pendidikan MARA seperti IKM, KPTM, KPM dan UniKL dibuat secara *road show* di peringkat pejabat MARA negeri. MARA mengambil saranan Yang Berhormat untuk membuat promosi di peringkat daerah pula pada masa akan datang di samping promosi sedia ada melalui media masa.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, bilangan pelatih yang tamat pengajian di IKM dan KKTMM bagi tahun 2006 ialah 7,726 orang. Manakala 2007 dijangka dapat kita lahirkan seramai 8,416 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Rembau juga pada masa ini MARA telah menempatkan Pegawai Kumpulan Pengurusan Profesional sebagai Pegawai MARA Daerah dengan dibantu oleh seorang penolong pegawai daerah dan seorang pembantu tadbir. Dari semasa ke semasa MARA sentiasa mengkaji keperluan pegawai di peringkat daerah. Namun demikian pelaksanaannya adalah bergantung pada kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam. Khidmat sokongan dan premis.

Mengenai isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu mengenai ruang niaga yang tidak digunakan sepenuhnya, MECD sedang mengambil langkah berikut iaitu:

- (i) menubuhkan Jawatankuasa Pembelian Premis Perniagaan di peringkat kementerian;
- (ii) kita memastikan pembelian ruang-ruang niaga di peringkat strategik; dan
- (iii) memastikan usahawan bumiputera yang berpotensi dan berdaya maju.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi. Saya berbalik kepada persoalan bantuan kepada mereka yang berminat untuk menjadi seorang juruterbang. Saya mengetahui bahawa kursus juruterbang ini memakan masa setahun setengah dan kos dia amatlah tinggi daripada RM140,000 hingga RM180,000 tetapi dalam masa yang sama kementerian perlu mengetahui dan patut mengetahui dan mungkin juga mengetahui tiap-tiap tahun *airlines industry* berkehendakkan tidak kurang daripada 30,000 juruterbang tiap-tiap tahun. Banyak penerbangan *evolution* ataupun *turn over* pekerjaan ini adalah banyak dan gajinya pun amat lumayan.

Dan banyak masyarakat bumiputera ingin memasuki bidang ini tetapi masalahnya ialah sumber kewangan. Kalau tidak disediakan *scholarship* umpamanya sepatutnya kita juga patut menyediakan sumber kewangan yang boleh dipinjam oleh pihak bumiputera supaya mereka mengambil bidang ini dan dalam masa yang singkat boleh menjadi seorang juruterbang. Dan boleh memberi pekerjaan kepada anak-anak kita dan mendedahkan mereka kepada pekerjaan-pekerjaan di luar negara bahkan mungkin menjadi satu sumber yang amat elok sekali untuk mempromosikan Malaysia di luar negara. Macam mana pandangan kementerian? Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat ini merupakan satu cadangan yang baik. Dan kita boleh menambah lagi usahawan di bidang juruterbang dan pandangan Yang Berhormat akan diambil kira dan akan kita bawa ke Jemaah Menteri.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kementerian melalui Perbadanan Nasional Berhad dan MARA menganjurkan Program *Franchise* Siswazah. Ini adalah merupakan program berpakej bantuan dari segi latihan, pembiayaan dan pemantauan. Sehingga kini 46 siswazah telah mula perniagaan *franchise* dalam bidang makanan, telekomunikasi, dobi dan lain-lain. Dan kita sedang mengadakan bilangan yang banyak juga dalam latihan seterusnya dan kita juga telah melibatkan beberapa inkubator-inkubator di agensi-agensi kita seperti di Bank Pembangunan, Bank Rakyat, PNS sendiri dan juga di MARA.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Sabak Bernam - membangkitkan sepanjang tahun 2005 dan 2006 MECD telah melaksanakan pelbagai program untuk membangun usahawan. Ia termasuk bagi tujuan membudaya yang dianjurkan oleh INSKEN, agensi-agensi juga ada program pembangunan perniagaan. Bagi memastikan usahawan yang terlibat dengan program MECD berdaya maju dan kekal berjaya, program pemantauan dan memperkasakan disusuli pada masa yang sama penyeliaan direktori sedang diusahakan oleh MECD.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, MECD memberi penekanan kepada sektor berdaya maju seperti:

- (i) Program Pembangunan Francais;
- (ii) Program Pembangunan Vendor;

- (iii) Program Peningkatan Kualiti Produk Usahawan Kecil dan Sederhana Bumiputera;
- (iv) Program Peningkatan Pengukuhan Daya Saing Eksport;
- (v) Program Pembangunan Tecno Usahawan Bumiputera;
- (vi) sektor pertumbuhan baru seperti automatif, ICT, Bioteknologi, dan Industri Halal;
- (vii) Usahawan Pembinaan;
- (viii) Usahawan Pengangkutan;
- (ix) Pembangunan Koperasi; dan
- (x) Usahawan Penerbangan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu untuk mewujudkan pasar raya halal suka saya maklumkan bahawa pasar raya berkonsepkan halal telah kita laksanakan oleh MECD melalui kerjasama MARA dan syarikat swasta yang dikenali sebagai HALMART atau Halal Mart. Sebagai permulaan, pasar raya HalMart akan ditubuhkan di Johor dan di Kuala Lumpur. MECD sememangnya merancang untuk menubuhkan di seluruh negara. Pada masa yang sama menjadi hasrat MECD untuk memperkenalkan *outlet* ini bukan sahaja dalam negeri malahan di peringkat antarabangsa. Selebih-lebihnya lagi apabila kerajaan memperkenalkan *kitchen for the world*.

Saya ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Teguran yang mengatakan Ketua Audit Negara menegur laporan yang tidak beraudit tiga program. Iaitu Program Usahawan Muda, Program Usahawan Wanita dan Program Usahawan Teknikal. Teguran mengenai perkara ini telah pun diambil tindakan dan penambahbaikan antaranya ialah mengadakan pangkalan data inventori, *asset* bagi program tersebut. Jadi, saya harap perkara-perkara ini tidak berbangkit kerana mereka ada dalam perhatian mereka. Kini, saya ingin menyentuh masalah LPKP yang boleh dikatakan ramai...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sebelum itu Yang Berhormat, saya ada bangkitkan penyata kewangan agensi ini di mana pihak kementerian juga ada memberi peruntukannya. Jadi penyata kewangan bagi Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dari 2003-2004 walaupun telah diterima, tetapi masih belum dibentangkan, tahun 1997 hingga 2002 masih tidak dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Jadi, apa masalah dengan penyata kewangannya? Penyata Kemajuan Perbadanan Negeri Perak ini.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak akan membentangkan laporan tahunan PKNP pada tahun 1997 hingga tahun 2004 dalam Dewan Undangan Negeri Perak yang akan datang iaitu dijangka awal tahun 2007. Pada masa ini Jabatan Audit Negara sedang mengaudit akaun kewangan tahun 2003, jadi laporan audit bukan PKNP. Akaun Kewangan 2004 akan diserahkan kepada Audit Negara dijangka pada 21 November 2006 ini untuk tujuan audit.

Jadi, Yang Berhormat, hal berkaitan dalam pengetahuan kita, kelewatan ini adalah disebabkan penyatuan akaun dan lewat pada tahun 2001 dan 2004 yang melibatkan penyusunan semula syarikat-syarikat di bawah kumpulan PKNP yang diselesaikan pada tahun 2004.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya hendak tahu jumlah yang akan diperuntukkan lebih kurang RM11 juta kalau tidak silap untuk perbadanan ini adalah untuk tujuan apa programnya, untuk membantu usahawan untuk menjalankan apa jenis programnya?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Program yang dilakukan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak adalah selari dengan yang kita arahkan dari peringkat kementerian iaitu membangun usahawan-usahawan muda, wanita, belia dan sebagainya dan peruntukan itu adalah berjumlah untuk... Saya akan beritahu sekejap lagi. Jadi, Yang Berhormat saya ingin menyentuh agensi LPKP yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, Yang Berhormat bagi Seputeh dan Yang Berhormat bagi Cheras. Kaedah pemberian lesen teks membaiki kerana tidak mahu ambil penumpang.

Sememangnya kami sedang ambil langkah berikut, sedang untuk memohon untuk menambah penguatkuasaan meningkatkan kerjasama dengan polis dan JPJ. Memberi kursus latihan termasuk pembangunan. Jadi, pemandu teksi perlu lulus PSB termasuk disiplin pemanduan. Mana-mana teksi yang melanggar disiplin peraturan akan diambil tindakan tegas. Pada tahun 2006 sebanyak 106 telah kita batalkan lesen dan kita telah mengeluarkan buku kod etika untuk membudayakan disiplin pemandu. Kerajaan juga sedang menyediakan pelan induk pengangkutan awam termasuk teksi, kerajaan sedang juga membangunkan sistem aduan bersepadu di Kementerian Pengangkutan. Saya mengalu-alukan kepada semua ahli Yang Berhormat sebab kita pun mahu kerjasama daripada Yang Berhormat.

Jadi, mana-mana pemandu yang enggan membawa pemandu ke destinasi yang dipohon oleh Yang Berhormat perlu sentiasa berwaspada melihat teksi *number* berapa dan sebagainya berilah segala maklumat itu kepada Pengerusi LPKP sendiri ada dalam Dewan ini ataupun kepada saya, mahupun kepada SUPAR kerana kita mahu kerjasama dari semua pihak bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan awam di negara kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Soalan daripada saya nampaknya daripada hala yang salah Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi, tetapi saya ingin bertanya, apabila pemandu tidak bersikap baik atau pemandu bersikap salah ataupun disiplin pemandu tidak baik, kita biasanya melambakkan semua tuduhan dan kesalahan ini Kepada Kementerian Usahawan ataupun Lembaga Pelesenan tetapi, adakah pernah kementerian melihat bahawa pemandu yang dibolehkan mendapat lesen teksi dan sebagainya memandu teksi, lori, bas dan sebagainya sudah diberi oleh Kementerian Pengangkutan.

Saya pernah mencadangkan kepada Kementerian Pengangkutan supaya latihan sebelum mereka ini diluluskan sebagai pemandu kereta perdagangan iaitu mendapat lesen PSV iaitu *Public Service Vehicle License* sepatutnya pengajian ajaran teguran latihan diberi itu mesti terperinci.

Kalau di England, tidak boleh seorang itu boleh menjadi pemandu teksi melainkan setelah melalui latihan selama tiga tahun dan latihan lebih daripada peringkat diploma tetapi di sini dalam masa dua jam sahaja masuk dalam JPJ, sudah dapat PSV *license*, lepas itu dialah pemandu teksi, dialah PR, dialah semua sekali. Jadi, apabila kesalahan berlaku, LPKP di marah, Kementerian Usahawan dan Koperasi di marah. Jadi, adakah tindakan pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi ini untuk berbincang dengan Kementerian Pengangkutan supaya diperketatkan, diperelokkan, diperbaikikan latihan-latihan sebelum seseorang itu menjadi pemandu teksi, pemandu bas, pemandu kereta lori, pemandu apa sahaja kereta-kereta perdagangan, terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Itu merupakan pandangan yang baik. Sebenarnya kita pun sudah mula mengambil langkah untuk membuat kerja bersepadu dengan Kementerian Pengangkutan malah juga dengan pihak polis sendiri kerana kesalahan biasa ditumpukan kepada kementerian sedangkan kementerian ini hanya mengeluarkan lesen dan melihatkan keupayaan pemandu ataupun disiplin pemandu itu apabila bersabit dengan lalu lintas, keupayaan membawa dan sebagainya itu adalah tertakluk kepada agensi ataupun kementerian lain. Pandangan Yang Berhormat amat baik sekali dan kami sedang pun berbincang bersama sebab itulah saya katakan tadi, sistem aduan selepas ini akan dibuat oleh Kementerian Pengangkutan supaya kita dapat selaraskan kehendak-kehendak orang ramai.

Yang Berhormat bagi Bagan membangkitkan *Mara Linear*, *Mara Linear* ditubuhkan untuk memberi kemudahan pengangkutan bagi penduduk luar bandar. Jadi, bagi memastikan bahawa terdapat teksi selepas jam 12 tengah malam, ini merupakan satu inisiatif yang bagi perkhidmatan teksi. Walau bagaimanapun, pelbagai masalah yang timbul kesalahan-kesalahan yang dibuat tadi, saya pun hendak cakap fasal *human factor*, apabila kita cakap *human factor*, *attitude*, sikap, yang agak menyukarkan pihak kita, walaupun kita sudah mula tambah pegawai penguat kuasa ke bilangan yang tertentu dan tambah-tambah dalam sedikit masa lagi, saya rasa perkara-perkara ini bolehlah kita cuba atasi dari semasa ke semasa.

Yang pentingnya orang ramai perlu mendapat pendidikan daripada pengguna perkhidmatan awam. Sebab itulah pengguna kadang-kadang bila naik teksi, dia nanti kata bolehkah saya pergi Parlimen? Macam Yang Berhormat apa tadi? Tak perlu tanya sebaiknya dia naik teksi ke mana hendak pergi dia akan ikut destinasi yang mana hendak dia pergi kerana kita sudah pun tetap laluan-laluan teksi-teksi yang nombor sekian, sekian kepada tempat yang tertentu tetapi masalahnya kita suka tanya, bolehkah kita hendak pergi?

Kalau dia enggan dan sebagainya, kita sendiri perlu bertindak tegas. Kalau kita harapkan semua kerajaan menjalankan penguasaan dan semua ini, perkara-perkara ini agak lambat dan sukar kerana kita semua faham dan maklum akan masyarakat kita di Malaysia. Mungkin cuaca-cuaca panas ini selalu baran dan sebagainya.

Bercakap kepada Yang Berhormat bagi Bagan, LPKP, Yang Berhormat bagi Bagan membangkitkan sistem pengangkutan awam Pulau Pinang, LPKP telah memberi persetujuan dasar kepada kerajaan Pulau Pinang untuk melaksanakan perkhidmatan bas berhenti-henti Pulau Pinang sebagai satu langkah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan. LPKP sentiasa memantau bagi memastikan pemandu mematuhi syarat setakat ini 29 lesen telah kita batalkan. Yang Berhormat! Banyak dah berbangkit Yang Berhormat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Peraturan mesyuarat Tuan Pengerusi. Saya ingin tanya Peraturan Mesyuarat 93, "...*stranger in the House*", saya ingin tanya...

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Apa itu?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ...Siapakah yang duduk di sebelah Yang Berhormat Menteri?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Hah!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bererti saya ingat ialah diambil kerana dia cukup minat hendak membantulah kasi jawapan.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tak boleh. Tak boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Setiausaha Parlimenlah, baiklah.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Kenapa..., itu sepatutnya diduduki oleh Timbalan Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Tak apalah, Yang Berhormat tak usah banyak ceritalah, *you* baliklah.

Tuan Tan Kok Wai [Chers]: Hah? Keselamatan Dalam Negeri. Tak boleh ...

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Kenapalah DAP, kecil-kecil benda ...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ...Tidak boleh dibenarkan. Ini tidak pernah berlaku, Tuan Pengerusi...

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Tak payah, tak apa.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ...Dan tidak harus digalakkan. Ini menunjukkan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak buat *homework*. Tak tahu hendak *answer*, hendak *replied*, hendak jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apalah, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat, cukuplah. Sila duduklah. Tak apalah. Tak apalah saya boleh jawablah. Cukuplah. Cukuplah.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, kita boleh jawab, *you* baliklah tempat. Apalah Yang Berhormat ini. Okey.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] ...Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Baiklah, okey duduklah.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Okey.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Siapa dia..., siapa dia?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] : Baiklah, Setiausaha Parlimen.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Setiausaha Parlimen, okeylah *you* baiklah.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Hah!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oh! Yang Berhormat tak kenal dia, Setiausaha Parlimen.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan tempat dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Setiausaha Parlimen!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: *[Ketawa]* Yang Berhormat, jelas buktikan Yang Berhormat jarang masuk sekarang ya? Baiklah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Tak apalah, saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh benarkan dia duduk sinikah? Yang Berhormat, baiklah.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Tuan Pengerusi, saya minta SUP saya balik tempatlah. Saya buatlah apa yang boleh saya buat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Baiklah, untuk mengelakkan teguran daripada Yang Berhormat bagi Cheras.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat bagi Cheras sahajalah suka bawa masalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia jarang masuk, dia tidak tahu dia Setiausaha Parlimen.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: *[Ketawa]* Dia ingat pegawai kot?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia ingat pegawai.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yalah. Yang Berhormat bagi Bukit Bintang membangkitkan masalah tambang teksi yang telah menaikkan kadar teksi mulai 1 Mei 2005, RM2 untuk satu kilometer pertama daripada kadar sebelumnya dan kadar RM2 untuk dua kilometer pertama. Kerajaan bersetuju untuk mengemas kini, menyemak semula kadar tambang teksi pada tahun 2007 nanti.

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan apakah persiapan kita untuk menyambut Tahun Melawat Malaysia pada tahun 2007. Untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan, Kementerian Kewangan akan menyalurkan peruntukan sebanyak RM200 juta kepada SME ataupun *Small and Medium Entrepreneurs Bank* untuk memberi kemudahan kepada pengusaha bas dan teksi meminjam dengan faedah yang kecil iaitu 4.5%.

Langkah yang sedang kita adakan ialah memberi perkhidmatan teksi dan bas yang sesuai memenuhi ekspektasi pengguna kadar tambang yang sesuai dengan bentuk perkhidmatan. Sebanyak 100 lesen diluluskan kepada syarikat teksi iaitu anak syarikat daripada Kementerian Kewangan yang dijangka beroperasi pada tahun 2007.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam membangkitkan MECD telah pun menetapkan 30% daripada program projek untuk diberi kepada pengusaha wanita misalnya seramai 4,555 kontraktor wanita yang telah pun berdaftar. Malahan Yang Berhormat, kita bukan lagi minta 30%, kita minta peratus yang tidak dihadkan kalau wanita berupaya untuk menjalankan perusahaan di bidang keusahawanan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan Yang Berhormat. Saya ucapkan tahniah kalau kontraktor wanita telah melebihi 30%. Yang saya ingin tahu ialah di dalam muka surat 32 (i) Bajet 2007. Di sini ada memberi makluman mengenai peserta Program Pembangunan Perniagaan dan juga peserta Program Latihan Keusahawanan. Saya ingin tahu, berapa di antaranya adalah wanita sama ada kita mempunyai data, *segregated data*.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Kepada jawapan Yang Berhormat, saya akan beri secara bertulis. Sememangnya kita telah pun kategorikan wanita, kerana kita ingin memajukan wanita.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah membangkitkan bagaimana untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan teksi. MECD sedar perkhidmatan teksi masih tidak dapat memenuhi kehendak pengguna. Setakat ini MECD telah mengambil langkah-langkah berikut. Memperkasakan penguatkuasaan seperti saya jawab dah tadi iaitu menyediakan pinjaman mudah sebanyak RM200 juta untuk pembelian teksi baru dan ubah suai kepada NGV, kajian sedang dijalankan untuk menentukan keperluan teksi yang sebenarnya. Bilangan lesen teksi yang telah kita batalkan semenjak daripada Januari sehingga September 2006 ialah sebanyak 56 dan bagi Oktober kita telah batalkan 39 unit. Jumlahnya 94 lesen teksi telah kita batalkan.

Yang Berhormat bagi Pasir Puteh membangkitkan tidak ada garis panduan mengenai teksi limousin. MECD mempunyai garis panduan yang jelas mengenai limousin iaitu kuasa kuda 2,000cc ke atas, ruang bagi perpuluhan lima meter padu, berpangkalan di hotel-hotel, tidak ada kadar tambang yang ditetapkan, tidak perlu menggunakan meter. Sekiranya teksi limousin tidak mematuhi syarat tersebut, MECD akan mengambil tindakan tegas. Kementerian akan siasat mengenai perkhidmatan limousin seperti ini. Untuk pengetahuan semua, kadar sewa teksi daripada hotel tidak ditetapkan kerana dia mempunyai teksi yang berbeza-beza. Yang teksi besar, kosnya besar, yang rendah mungkin dia akan dikenakan rendah.

Adakah ini Yang Berhormat bagi Batu Gajah lagi membangkitkan adakah Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam akan dikendalikan oleh agensi di bawah MECD. Tabung Pengangkutan Awam sebanyak RM200 juta akan dikendalikan oleh SME Bank. Saya sudah sebutkan tadi. Penyediaan tabung tersebut sedang dirangka oleh kementerian bersama-sama dengan Kementerian Kewangan dan dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2007. Kadar faedah ialah di bawah 4% dan tujuan pembiayaan ialah untuk pembelian dan baik pulih teksi dan bas awam serta usahawan NGV.

Yang Berhormat bagi Jerai telah membangkitkan kemudahan pinjaman kepada pelajar untuk menjadi juruterbang, saya rasa saya sudah menjawab tadi. Memperbanyakkan MRSM. MARA sememangnya mencadangkan akan menubuhkan sekurang-kurangnya empat atau lima MRSM di setiap negeri. Peminjam MARA yang meninggal dunia, MECD akan meneliti kes seperti ini dan bolehlah kita berbincang atas dasar ini dan penempatan pelajar di tempat sendiri itu apabila terlaksananya MRSM di setiap negeri tidaklah lagi kita perlu memindahkan pelajar-pelajar dari sesuatu negeri ke lain-lain negeri.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Jerai juga, MRSM yang ada hari ini adalah 32 buah, Kolej MARA kita ada empat iaitu jumlah 36. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, 14 buah dan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan akan kita tambah lagi lapan buah, jadi jumlah keseluruhan MRSM di negara ini ialah 58 buah MRSM, empat Kolej MARA dijangka pada tahun 2010 nanti. Tawaran kepada MRSM kepada pelajar-pelajar luar bandar, itu memanglah syarat termaktub. Syarat kemasukan 5A memang diberi keutamaan kepada pelajar-pelajar luar bandar. Jadi, pemohon biasanya yang memohon kepada kita melebihi 10,000 orang, tetapi tempat yang boleh kita sediakan 3,375. Itu pun setelah pelajar-pelajar ini ditawarkan daripada Kementerian Pelajaran, barulah kita dapat menempatkan mereka di MRSM.

Bilangan peniaga mikro MARA, Pihak Berkuasa Tempatan, kita ada 100% yang merupakan 9000 peniaga dan peniaga sederhana adalah 1,128 telah pun berniaga. Jumlah keseluruhannya ialah, ini untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, RM10,128.

Yang Berhormat bagi Rembau, membangkitkan promosi pemasaran yang dicadangkan di tambah peruntukan. Pada tahun 2006, MARA telah membelanjakan RM402 juta, dan pada tahun 2007 telah diperuntukkan sebanyak RM5 juta. Promosi Pemantauan Dalam dan Luar Negara. Kementerian akan meneliti perkara ini untuk menambah peruntukan dari semasa ke semasa. Nilai kontrak untuk pembekalan yang diterima oleh pengusaha-pengusaha bumiputera sepanjang 2006 ialah RM3.5 juta.

Yang Berhormat bagi Tuaran membangkitkan pewujudan Pegawai Pembimbing Usahawan di peringkat daerah. Pada masa ini, MARA telah pun mewujudkan Pusat Usahawan MARA yang dipanggil PUSMA di setiap pejabat MARA negeri. Keanggotaannya ialah seramai tiga orang pegawai pembimbing di tempatkan di setiap PUSMA bagi menjalankan tugas untuk membimbing usahawan bumiputera. Pegawai-pegawai MARA daerah juga bertindak sebagai pegawai pembimbing di peringkat daerah.

Penyelaras Pemantauan Majlis Perundingan Ekonomi Belia. Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi, penyelaras peringkat daerah melalui MPUD...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tuaran, sila.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apabila kita merujuk kepada pegawai peringkat daerah dalam konteks MARA, ataupun dalam konteks sukan bagi negeri Sabah, biasanya ia di peringkat negeri dan Sabah itu besar, 23 buah daerah.

Jadi, persoalan di sini, ia dikatakan peringkat daerah tetapi apakah kita mempunyai 23 orang pegawai, berada di setiap daerah, sebab di Sabah ini, daerah itu besar. Daerah Tuaran, keluasannya 1,000 kilometer persegi, lebih besar dari negeri Perlis. Adakah pihak kementerian melihat perkara ini sebagai suatu yang penting? Maknanya, kita benar-benar mempunyai di setiap daerah dan bukan di peringkat negeri sahaja. Mohon penjelasan.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya kementerian sedar bahawa kita pun sama dengan Sarawak. Baru-baru ini kita ada perbincangan dengan Ketua Menteri Sarawak yang berkehendakkan mengikut daerah dan sebagainya. Mungkin kita akan sama dengan apa struktur yang kita buat di Sarawak untuk disamakan dengan Sabah.

Walau bagaimanapun, saya dapati bahawa di Sabah, kita banyak, melalui program-program yang kita lalui, kita salur dan kita buat dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sabah (SEDCO). Setelah wujudnya Majlis Pembangunan Usahawan Daerah (MPUD) nanti, dengan sendiri setiap program usahawan-usahawan daerah ini, dari kementerian akan kita turun ke akar umbi.

Berkaitan dengan Yang Berhormat bagi Tangga Batu, menyelaraskan di peringkat Kementerian Belia dan Sukan. Sememangnya kita mengalu-alukan, malahan kita telah pun mengadakan perundingan dengan Kementerian Belia dan Sukan, juga dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, MOSTI, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk tujuan memastikan usahawan-usahawan belia dapat dipertingkatkan.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam membangkitkan Majlis Pembangunan Usahawan Daerah (MPUD). Bilangan terkini ialah yang kita wujud. Sebagai program percubaan ialah 35 MPUD, iaitu merupakan *pilot* projek dan akan kita tambahkan dari semasa ke semasa. Di Sarawak, kita telah wujudkan ke semua daerah dengan persetujuan Ketua Menteri. Jadi, di Sabah mungkin, oleh sebab kawasan yang disebutkan tadi berjauhan, kita akan timbangkan perkara itu.

Salah satu objektif MPUD ialah untuk mengumpul data usahawan, direktori usahawan peringkat daerah, pembangunan usahawan dalam semua bidang. Peruntukan RM60,000 disediakan kepada setiap daerah. Terpulang kepada Yang Berhormat. Kita tidak beri kepada Yang Berhormat tetapi terpulang kepada Yang Berhormat menyediakan kertas kerja yang bersesuaian untuk kita membuatkan program usahawan daerah supaya ianya akan turun ke akar umbi.

Ini kerana di peringkat daerah kita ingin menggembeng tenaga dan menggerakkan setiap tenaga yang ada di dalam Giat MARA, TEKUN, MARA sendiri, dan mungkin kolej komuniti yang boleh kita bekerjasama bagi tujuan untuk membangun usahawan di peringkat daerah.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, saya sudah dapat jawapan. Seramai 4,430 orang daripada 8,000 orang adalah wanita yang telah dilatih oleh 2006. Jadi, daripada angka itu, untuk saya menjawab berapa bilangan usahawan yang telah berjaya, itu tidak dapat hendak kita ramalkan kerana usahawan memerlukan masa bagi tujuan itu tetapi sekurang-kurangnya mereka telah dibudayakan untuk menjadi seorang usahawan.

Menyentuh PKK, pihak kontraktor, bilangan kontraktor bumiputera adalah ramai tetapi hanya mengharapkan kontraktor kerajaan, kata Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Adakah penilaian dibuat supaya mereka dapat bersaing dengan bangsa lain dan juga bersaing di peringkat antarabangsa?.

Pertama, perlu diingat Yang Berhormat, Kementerian MECD hanya mengeluarkan lesen-lesen kelas kontrak 'A', 'C', 'D', 'E', 'F'. Kita bukan mengagihkan peruntukan untuk membuat kontrak. Kementerian ini melalui PKK sentiasa berusaha dengan mengadakan program latihan supaya kontraktor kecil, terutama kelas 'F' mempunyai daya saing yang tinggi agar mereka mendapat projek pasaran terbuka.

Kementerian juga, semasa proses kelulusan telah mengadakan penilaian dari segi kemampuan modal, teknikal, kewangan, kerja, sebelum sesebuah syarikat diluluskan pendaftaran. Sebab kita meluluskan bukan sewenang-wenang, perlu lihat pengalamannya, keupayaan modalnya, kursus yang dihidirinya. Jadi, kita tidak sewenang-wenang melambakkan kelas 'F' ini kepada pemohon.

Adalah tidak benar bahawa kontraktor bumiputera hanya mengharapkan kontrak kerajaan. Mereka juga berusaha mendapatkan projek daripada pihak swasta tetapi sukar diperolehi. Ini kerana projek-projek swasta ini banyak dimiliki oleh orang bukan bumiputera. Jadi, terpaksa mereka menagih daripada kerajaan kerana banyak projek-projek swasta yang diberi kepada kumpulan-kumpulan tertentu sahaja. Bumiputera telah menghadapi projek di luar negara juga. Kita telah menjalankan kursus-kursus bagi membolehkan kontraktor-kontraktor bumiputera untuk mendapatkan juga kontrak-kontrak di luar negara seperti di Dubai, Abu Dhabi dan lain-lain negara yang ada hubungan dengan kita.

Sungguhpun kontraktor mendapat banyak projek kerajaan tetapi 60% faedah dinikmati oleh pelbagai pihak termasuklah bukan bumiputera. Yang Berhormat perlu faham bahawa walaupun bumiputera mendapat projek sesuatu bangunan tetapi bahan-bahannya, *hardware* nya, semua peralatan adalah milik bukan bumiputera. Telah kita buat kajian, 60% daripada habuan itu berkongsi sama, pergi kepada bukan bumiputera. Jadi, bumiputera membuat bangunan hanya dalam 40% sahaja. Program Khidmat Nasihat Kontraktor amat dialu-alukan. Diharap dapat kita gunakan untuk memberi kesedaran kepada kontraktor yang mempunyai lesen Ali Baba dan menggunakan lesen orang lain. Ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Setiu.

Kementerian melalui PKK, sememangnya telah dan sedang melaksanakan kursus-kursus kepada kontraktor, khususnya kepada kontraktor kelas kecil 'D', 'E', 'F', bermula 2006. Setiap kursus PKK di seluruh negara akan diselitkan dua jam slot khas untuk memberi penerangan terkini hal-hal berkaitan PKK dan industri. Melalui slot ini, kontraktor diingatkan agar melaksanakan sendiri projek yang diperolehi. Mereka juga sentiasa diingatkan tindakan pembatalan lesen boleh dikenakan sekiranya lesen tidak diusahakan sendiri. Dalam kursus PKK juga ditampilkan kontraktor-kontraktor bumiputera yang berjaya untuk memberi motivasi dan dorongan kepada kontraktor lain. Inilah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat, walaupun kita sedar ada juga yang *sub*, yang beri, yang jual kepada orang lain, tetapi kita sedang berusaha untuk memastikan setiap pemilik kontrak itu adalah diusahakan sendiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sabak Bernam bangun.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita memang biasa mendengar kenyataan bahawa kebanyakan projek-projek swasta ini sebenarnya di tangan bukan bumiputera. Itu biasa.

Kemudian perkara yang kedua yang Timbalan Menteri sebut, kita biasa juga mendengar bahawa dari segi bekalan bahan-bahan pembangunan, sebenarnya kebanyakannya dari bukan bumiputera. Saya ingin bertanya, ada atau tidak data? Umpamanya syarikat swasta yang memberikan projek kepada bumiputera. Sepatutnya kita ada data. Jadi, maknanya kenyataan yang sebenarnya tidak banyak itu, mungkin ada syarikat swasta ini di bawah bukan bumiputera sebenarnya yang membantu bumiputera. Jadi kita dapat mengenal pasti. Jadi peringkat yang keduanya, apakah usaha pihak kerajaan untuk memastikan bahawa syarikat pembekal bahan-bahan binaan itu dapat juga dikongsikan nanti oleh bumiputera. Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Kita tidak menyediakan angka itu. Walau bagaimanapun, sememangnya kalau kita tengok syarikat-syarikat swasta tidak banyak diperolehi oleh bumiputera. Sebab itulah bumiputera memberi tumpuan kepada kontrak-kontrak daripada kerajaan. Walau bagaimanapun kita sedang berusaha bagaimana kita nak menggalakkan syarikat swasta juga memberi sama kepada bumiputera dan dari segi pembekalan *hardware* dan sebagainya, kita sedang menggalakkan supaya bumiputera mewujudkan koperasi bagi membekalkan bahan-bahan binaan bagi tujuan memudahkan kontrak-kontrak kita membeli barang-barang tersebut.

Untuk pengetahuan semua, kursus yang telah dijalankan oleh PKK ialah kursus teknikal, kursus motivasi, peningkatan kualiti, pengurusan projek dan kewangan. Tindakan ke atas kontraktor yang di 'Ali Baba'kan lesen dan guna lesen orang lain, kita telah pun wujudkan panel pengawasan membatalkan lesen yang di 'Ali Baba'kan dan digantungkan lesen mereka. Panel pemantauan membatalkan lesen yang dimiliki oleh kontraktor yang memiliki gaji tetap atau makan gaji. Kerana setelah kita membuat penyelidikan daripada semua kontraktor-kontraktor yang begitu ramai, ada yang membangkitkan terlalu banyak lambakan kontrak lesen yang dibekalkan. Sekarang kita dalam proses untuk mengkaji, melihat dari mana, yang mana satu sebenarnya pemilik kontrak yang *genuine*, dan di situlah kita telah mempunyai terdapat juga kakitangan sektor awam yang bergaji tetap memiliki lesen itu. Itu juga kita akan batalkan kerana kita hendak menggalakkan kepada usahawan-usahawan lain.

Yang Berhormat bagi Jasin membangkitkan kaji syarat kelas 'F'. Syarat tempoh tertentu tiga, empat tahun atau syarat jumlah kerja seperti RM500,000 nilai kerja. Pendaftaran baru lesen kelas 'F', masih kita bekukan oleh kerajaan. MECB, melalui PKK telah dan sedang mengambil langkah pengukuhan dan pembersihan syarat baru seperti mana yang saya sebut tadi, telah dikuatkuasakan termasuk dinaikkan modal. Kalau dahulu modalnya RM5,000.00, kini untuk memiliki satu lesen, kita telah hadkan kepada RM10,000.00 dan mewajibkan mereka menghadiri kursus sebelum diberi lesen. PKK juga menggalakkan mereka meningkatkan kelas pendaftaran mereka. Bilangan kontraktor kelas 'F' pada masa kini ialah 32,200 berbanding pada tahun 2005, seramai 35,500. Ini bererti setelah kita buat pemulihan dan kajian, ia telah pun berkurangan daripada 35,500 kepada 32,200.

PKK telah pun mengambil langkah pembersihan termasuk yang meng'Ali Baba'kan projek mereka. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tidak ada di sini ya? Perlu jawabkah bagi Yang Berhormat Kubang Kerian? Tak ada di sini... [Disampuk] Dia berminat untuk menyoal sahaja tetapi walau bagaimanapun, untuk rekod. Program pembiayaan pembangunan koperasi diperluaskan dalam pendidikan sekolah. Jabatan Pembangunan Koperasi sedang bekerjasama dengan INSKEN, iaitu Institut Latihan Keusahawanan, Maktab Kerjasama dan Kementerian Pelajaran untuk menyelaraskan kurikulum untuk diberi pendidikan, pendedahan tentang keusahawanan koperasi kepada pelajar yang hal ini semua sedang kita usahakan. Sebab itulah, semua sekolah telah pun digalakkan untuk menubuhkan koperasi dan mewujudkan unit keusahawanan.

Untuk pengetahuan semua, bilangan koperasi sekolah yang ada pada masa ini adalah 1,820 buah dengan anggota seramai 1.9 juta dan aset yang kita miliki adalah RM116.4 juta.

Bilangan koperasi universiti adalah sebanyak 26 buah dan anggotanya ialah 27,823 dengan aset sebanyak RM58.67 juta dan dia punya syer, ialah RM90.3. Kini, saya ingin beralih kepada Yang Berhormat yang membangkitkan banyak masalah TEKUN dalam perbahasan ini. Kementerian ingin mengucapkan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat bagi Ledang untuk meningkatkan had pinjaman TEKUN kepada RM50,000.00 kepada mereka yang mempunyai rekod bayarannya cemerlang.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah kementerian ini terdapat agensi seperti MARA, SME Bank, Bank Rakyat yang menawarkan pinjaman yang lebih besar. Sebab itulah tadi ramai yang berbangkit, setelah dia berupaya untuk menjalankan perniagaan setelah mendapat pinjaman RM30,000.00, kenapa tidak dilanjutkan? Kerana kita boleh beri, tetapi kita berikan di bank-bank yang lain. Sebab itu kita ada SME Bank, MARA sendiri yang boleh mendapatkan pinjaman sehingga RM50,000.00 dan mungkin kalau usahawan itu boleh memperkembangkan perniagaan, dia boleh juga meminjam daripada Bank Pembangunan, Bank Rakyat dan sebagainya. Usahawan TEKUN yang cemerlang, yang memerlukan pinjaman melebihi RM30,000.00 boleh disalur kepada MARA, seperti mana yang saya sebutkan tadi. Kita mengamalkan dasar *exit policy*. Sudah berjaya, kita kena keluar pergi ke bidang lain.

Walau bagaimanapun cadangan Yang Berhormat bagi Ledang akan diberi pertimbangan oleh TEKUN sekiranya keadaan memerlukan. Bagi menjawab sekali lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai dan Yang Berhormat bagi Kuala Krai, untuk makluman Yang Berhormat, pinjaman TEKUN adalah pinjaman yang mudah kepada usahawan bumiputera yang berumur 18 tahun hingga 60 tahun. Bagi pinjaman ulangan, pemohon diberi kelonggaran sehingga 65 tahun. Manakala mereka yang melebihi umur, TEKUN mencadangkan agar permohonan menggunakan nama isteri atau anak, yang memenuhi syarat yang ditetapkan. Jadi, kalau ibu itu dah tua, sampai umur 70 tahun, bolehlah suruh anaknya yang ada kelulusan dan sebagainya untuk meminjam.

Merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tenom, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, Yang Berhormat bagi Sepanggar, Yang Berhormat bagi Setiu, dan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam mengenai Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga atau TEKUN, saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat mengenai pelaksanaan program TEKUN.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini TEKUN telah pun mengeluarkan pinjaman kepada 123,000 usahawan dengan nilai sebanyak RM625 juta ke seluruh negara. Di Parlimen Tenom sendiri, seramai 380 usahawan telah mendapat pinjaman dengan nilai RM1.2 juta. Secara asasnya, TEKUN melantik antara dua hingga lapan orang *staff* yang ditugaskan menyelia peminjam dengan *ratio* satu orang pegawai menjaga 150 ke 200 peminjam. Jumlah *staff* akan bertambah apabila bilangan peminjam meningkat. Di Tenom, TEKUN mempunyai dua orang *staff* yang menyelia seramai 380 peminjam. Berdasarkan kepada *ratio* ini, adalah memadai cawangan Tenom, mempunyai dua orang pegawai.

Walau bagaimanapun, TEKUN bersedia untuk menambah staff sekiranya bilangan peminjam bertambah nanti. Mengenai tempoh pengeluaran pinjaman, buat masa ini TEKUN mengambil masa antara 40 hari daripada permohonan lengkap sehingga peminjam dikeluarkan. TEKUN sedang dalam usaha meningkatkan keupayaan sistem bagi mempercepatkan tempoh pengeluaran pinjaman. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini daripada jumlah 625 juta peminjam yang dikeluarkan sebanyak RM355 juta telah dikutip oleh TEKUN.

Sebagai bayaran balik pinjaman, TEKUN terus berusaha meningkatkan prestasi kutipan. Antara langkah dan kaedah yang diambil, dengan memberi pilihan kepada peminjam untuk membuat bayaran secara mingguan, dua minggu sekali, bulanan, *post-dated check* dan melalui bank. Pegawai TEKUN di cawangan seharusnya mampu memberi bimbingan dan tunjuk ajar. Sehubungan dengan ini, TEKUN telah pun mengambil langkah untuk memberi latihan kepada staf untuk menjadi pembimbing dan tunjuk ajar kepada usahawan di bawah penyeliaan mereka. Selain itu, TEKUN juga bekerjasama dengan INSKEN dan lain-lain agensi kerajaan bagi mengadakan kursus dan latihan keusahawanan kepada peminjam-peminjam atau usahawan TEKUN.

Mulai tahun 2006, TEKUN telah memperluaskan skop pembiayaan kepada sektor pertanian, penternakan, pelancongan, usahawan yang ingin memulakan perniagaan, pinjaman jangka pendek dan pembayaran secara berpakej. Projek perintis pembiayaan di sektor pertanian dan penternakan telah kita laksanakan di Sabak Bernam. Saya kira Yang Berhormat bagi Sabak Bernam ada di sini kerana Yang Berhormat Menteri akan merasmikan kerana kita buat pakej secara kelompok untuk membela lembu dan sebagainya. Dan ini di Sabak Bernam telah menampakkan hasil yang memuaskan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi dijangka akan melancarkan produk-produk baru TEKUN ini di Sabak Bernam pada awal Disember 2006. Jadi kepada Yang Berhormat yang berminat untuk melihat pakej TEKUN yang buat pinjaman sebegini rupa, bolehlah berurusan dengan Ahli Parlimen bagi Sabak Bernam. Dengan memperluaskan skop pembiayaan ini, adalah diharapkan lebih ramai usahawan bumiputera akan mendapat manfaat tanpa mengira latar belakang pemohon. Untuk memastikan TEKUN terus melaksanakan tanggungjawab dengan lebih berkesan, beberapa langkah telah diambil seperti berikut:

- (i) penubuhan pejabat TEKUN negeri;
- (ii) penubuhan Jabatan Pemulihan Pinjaman;
- (iii) penyusunan semula tanggungjawab pejabat cawangan; dan
- (iv) pembangunan modal insan dengan melatih staf mengenai penilaian kredit termasuk melakukan program penempatan di bank dan institusi kewangan.

Saya rasa saya sudah selesai menyentuh semua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Jadi, kalau ada yang tertinggal dan masih ada yang ingin mengetahui berkaitan dengan kementerian, saya mengalu-alukan secara bertulis atau berjumpa dengan saya bagi tujuan tersebut.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat, saya punya sudah jawab kah? Tentang teksi limousin. Teksi limousin Stoneway itu. Stoneway Limousine Sdn. Bhd.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: *Ya, then?*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Itu sudah jawabkah? Saya masih tunggu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah jawab Yang Berhormat.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: *You* tidak ada di sini. *You* soal, *you* lari. *I* jawab, *you* tidak ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bererti sudah jawablah? Adakah sudah jawab?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: *I* dah jawab. *I* dah cakap stone apa tadi. *I* dah jawab. *You check* di dalam *Hansard* lah. *You check* dalam *Hansard*. Yang Berhormat minat nak tanya sahaja.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, cadangan dan saranan yang membina kepada perkara-perkara yang berkaitan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Saya telah cuba menjawab kesemuanya namun sekiranya ada perkara yang tidak sempat dijawab dan tertinggal oleh saya, kementerian saya akan tetap memberi perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Insya-Allah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,693,800,800 untuk Maksud B.26 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,693,800,800 untuk Maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,040,530,000 untuk Maksud P.26 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,040,530,000 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

**Maksud B.27 [Jadual] –
Maksud P.27 [Anggaran Pembangunan 2007] –**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.27 dan Kepala Pembangunan P.27 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk di bahas. Yang Berhormat bagi Serdang sila.

4.35 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya menyentuh Butiran dalam Kementerian Kerja Raya ini, saya minta satu penjelasan daripada pihak kerajaan. Saya dapat satu Warta Kerajaan yang di bawah tajuk Akta Pengangkutan Jalan 1987. Notis ini di bawah seksyen 70(2) yang dicatat di bawah Kementerian Kerja Raya tetapi saya tidak tahu apa sebab, tanda tangannya ialah Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi.

Saya tidak tahu sama ada ini Warta Kerajaan yang di bawah Akta Pengangkutan Jalan ini ialah Menteri Kerja Raya atau Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi. Ini yang bertarikh 12 Jun 2006. Ini satu kekeliruan, saya minta penjelasan sama ada ini betul atau tersilap yang dicatat di bawah Warta Kerajaan.

Tuan Pengerusi, Butiran 61000 – Naik Taraf Jalan-jalan. Saya dapati bahawa di dalam Bajet di bawah Kementerian Kerja Raya, di bawah tajuk jalan raya dan jambatan, sejumlah RM3,363 juta akan diperuntukkan di Semenanjung. Peruntukan yang sebegitu banyak, saya hairan apa sebab laluan-laluan yang berbahaya masih tidak dapat diruntuhkan. Ini satu masalah besar yang hendaklah dapat penjelasan daripada pihak kementerian iaitu saya membangkitkan perkara ini kerana terdapat satu jalan utama Serdang Raya, kes kemalangan pada tahun 2005 ialah 284 kes.

Ternyata begitu banyak kes kemalangan berlaku di jalan utama Serdang Raya. Saya sudah bangkitkan bahawa minta pihak kementerian untuk memberi bantuan supaya untuk atasi masalah kemalangan yang berlaku di mana Yang Berhormat Menteri pernah memberi komitmen dalam Dewan ini pada tarikh 11 Julai 2006, di dalam Dewan yang mulia ini bahawa Yang Berhormat Menteri menjawab bahawa beliau akan mengarahkan Jabatan Kerja Raya untuk mengadakan satu kajian sekarang untuk mendapat tahu apakah kerja-kerja yang boleh dilakukan untuk mengatasi kemalangan di jalan utama ini.

Saya belum terima maklum balas atau kedudukan sebenarnya, cara mana untuk atasi masalah yang demikian. Walaupun Laporan Audit Keselamatan Jalan Raya peringkat lima telah dibuat oleh Ibu Pejabat JKR pada tahun 2002, banyak cadangan telah dimaklumkan kepada kementerian yang perlu mengatasi begitu seriusnya tetapi apa sebabnya? Ada audit keselamatan yang dilakukan oleh Ibu Pejabat JKR tapi masih belum ada tindakan berlaku. Dengan demikian itu, kes kemalangan semakin meningkat. Adakah pihak kementerian akan terus membiarkan jalan ini dijadikan jalan maut dan akan melibatkan orang ramai menggunakan jalan ini walaupun jalan ini telah dikenal pasti sebagai jalan maut yang disenaraikan dalam salah satu kawasan yang telah disenaraikan dalam Selangor ini.

Itu saya mintalah. Dengan adanya komitmen Yang Berhormat Menteri, sepatutnya peruntukan akan disalurkan untuk mengatasinya kerana jalan ini, sepanjang lima kilometer begitu sesak, serius dan Laporan Audit Keselamatan Jalan Raya telah dikemukakan. Tuan Pengerusi, sepatutnya diambil tindakan segera walaupun pada ketika itu tahun 2002. Hingga sekarang empat tahun masih sedemikian dan tidak berubah. Ini satu masalah dan saya mintalah pandangan serta penjelasan kementerian apakah sebabnya tidak ada peruntukan untuk membaiki walaupun Laporan Audit Keselamatan Jalan Raya telah dilakukan.

Tuan Pengerusi, satu lagi iaitu jejantas pejalan kaki telah diminta dan disalurkan kepada Lembaga Lebuh Raya Malaysia dan juga Kementerian Kerja Raya untuk membina sebuah jejantas pejalan kaki di hadapan Sekolah Kebangsaan Taman Sungai Besi Indah, Balakong. Walaupun surat telah dihantarkan dan telah mengatakan bahawa pihak kementerian akan mencadangkan supaya jejantas itu yang mendesak di hadapan sekolah itu untuk menjamin keselamatan murid-murid sekolah di situ. Bilakah jejantas pejalan kaki yang dijanji itu akan dapat diadakan untuk memberi satu kemudahan untuk anak kita di situ dan juga untuk menghilangkan kerisauan ibu bapa-ibu bapa yang menghantar anak pergi ke sekolah tersebut. Tuan Pengerusi satu lagi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi Yang Berhormat?

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Satu lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Satu lagi.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Ini semua ada kaitan dengan kawasan yang begitu serius kesesakan, satu lagi kawasan laluan persekutuan, Jalan Besar Sri Kembangan.

Tuan Pengerusi, pada tahun 2004 jumlah kemalangnya 380 kes, ertinya satu hari satu kes berlaku. Pada tahun 2005 jumlah kemalangnya meningkat sehingga 387 kes kemalangan berlaku di Jalan Besar Sri Kembangan. Kempen keselamatan jalan raya sering dijalankan, tetapi saya tidak tahulah apa sebab mungkin ini kawasan bukan menteri kan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kawasan apa?

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Bukan kawasan menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi Yang Berhormat harapkanlah, harapan dan amanah.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Harapkan pihak kementerian supaya memberikan pandangan serius walaupun pihak kementerian mengatakan bahawa prihatin terhadap keselamatan jalan raya tetapi ini mungkin dikatakan, jangan salahkan pemandu sahaja tetapi memang teruk sekali kawasan ini, itu sebab tidak dimaklumkan dan dengan demikian itu saya tidak tahu apa sebab tidak ada peruntukan untuk diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. EPU katakan ini tidak diutamakan, adakah membiarkan kejadian-kejadian maut atau kemalangan terus berlaku sehingga hilang banyak pengundi saya di kawasan tersebut dan juga akan terjejas imej kementerian, di mana kempen keselamatan jalan raya tidak berkesan di kawasan tersebut oleh sebab kedudukan jalan itu tidak sempurna.

Walaupun saya difahamkan bahawa kementerian telah meminta sebanyak RM20 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, tetapi oleh sebab tidak diutamakan maka peruntukan tidak disampaikan walaupun ini untuk kepentingan orang ramai, untuk mengurangkan kesesakan dan juga untuk mengurangkan kes kemalangan berlaku di situ. Saya mintalah berdasarkan kes kemalangan begitu banyak di kawasan yang saya sebutkan tadi itu ada pentingnya untuk menjamin keselamatan jiwa akan dapat diselamatkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

4.43 ptg.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan Butiran 60000 iaitu Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan; Butiran 61000 – Naik Taraf Jalan-jalan; Butiran 70000 – Memperelok Jalan-jalan; dan Butiran 71000 - Memperelok dan Membaik Pulih Jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak, Yang Berhormat.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Tidak, perkara yang keempat-empat ini saya hendak sebut dua sahaja sebenarnya. Pertama, apakah perbezaan di antara butiran-butiran ini kerana Butiran 60000 - RM277 juta; Butiran 61000 - RM637 juta; Butiran 70000 - RM179 juta; Butiran 71000 - RM30 juta, yang tajuknya adalah lebih kurang sama, naik taraf jalan, memperelok jalan, membaik pulih jalan, maksud dan tujuannya adalah sama. Tuan Pengerusi, berkenaan dengan naik taraf, baik pulih, memperelok dan sebagainya, saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian ini.

Adakah kementerian menetapkan prasyarat tertentu bagi meluluskan atau memperuntukkan jalan-jalan baru yang perlu dibina terutama sekali bagi tujuan menyambungkan dua kawasan penempatan atau dua kawasan kampung yang bertujuan untuk membangunkan kawasan-kawasan persekitaran dengan kampung atau kawasan berkenaan. Banyak berlaku keadaan di mana saling tidak atau enggan bertanggungjawab berkenaan dengan pembinaan-pembinaan jalan baru, jalan-jalan kecil di kawasan kampung dan kawasan penempatan baru.

Ada kalanya permohonan-permohonan untuk pembinaan jalan ini kita kemukakan kepada Jabatan Kerja Raya di peringkat daerah, dia kata ini adalah di bawah peruntukan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Bila kita kemukakan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, mereka katakan ini adalah pembangunan yang sepatutnya dimajukan oleh PLB atau oleh kerajaan negeri. Jadi saya ingin bertanya sama ada pihak kementerian ada menyediakan garis panduan yang boleh diguna pakai di seluruh negara supaya pihak-pihak yang inginkan pembangunan, inginkan projek jalan dibawa masuk ke dalam kawasan mereka masing-masing mendapat suatu panduan yang tetap, panduan yang teratur bagi tujuan menyediakan permohonan-permohonan berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin membangkitkan Butiran 060600, berkenaan dengan bayaran pampasan tol. Tuan Pengerusi, satu masalah yang timbul baru-baru ini di Lebuhraya Kuala Lumpur-Kajang atau yang dipanggil Lebuhraya Grand Saga atau Lebuhraya Cheras, di mana terdapat suatu pembangunan baru Bandar Mahkota Cheras yang telah dikatakan menyebabkan berlaku kebocoran kepada laluan trafik yang melintasi tol pertama di Batu 9, Jalan Cheras. Akibat daripada kebocoran itu, pihak konsesi lebuhraya telah menuntut lebih kurang RM400 juta daripada kementerian kerana kebocoran ini menyebabkan kutipan tol tidak dapat dipungut.

Saya difahamkan juga nilai syarikat ini pun tidak sampai RM400 juta, tetapi mereka juga menuntut jumlah yang sebanyak itu. Saya memohon tindakan daripada kementerian sama ada mereka akan membayar pampasan ini atau sama ada mereka akan memasang tol baru, jalan yang telah dibina oleh pemaju perumahan Bandar Mahkota Cheras ini atau apa juga keputusan saya mohon tindakan ini dilakukan segera kerana terdapat usaha-usaha daripada pelbagai pihak terutama daripada rakan-rakan kita yang tidak bertanggungjawab untuk mengadakan demonstrasi setiap hari Ahad di tempat ini.

Perkara yang ketiga masih juga di bawah Butiran 060600 ialah berkenaan dengan lebuhraya yang cukup tidak popular sekarang dalam kawasan saya, Lebuhraya KASEH yang saya telah bangkitkan berulang kali di Dewan yang mulia ini. Lebuhraya ini telah gagal untuk disiapkan, walaupun tempoh tujuh atau lapan tahun yang diberikan kepada mereka masih belum dapat disiapkan, sudah berkali-kali bertukar nama daripada KASEH kemudiannya kepada LEKAS dan akhirnya saya percaya bukan sahaja nama akan berubah, syarikat konsesi juga akan berubah.

Saya ingin mendapat kepastian daripada pihak kementerian, bayaran pampasan pengambilan tanah kalau kita lihat ikut Butiran 89000, yang telah dibayar sebanyak RM300 juta kepada pemilik-pemilik tanah persendirian di sepanjang lebuhraya berkenaan tidak mendatangkan kesan, tidak mendatangkan faedah kepada pengguna-pengguna lebuhraya dan akibatnya laluan Kajang-Semenyih-Beranang itu menjadi sesak yang sangat teruk dan menyebabkan pelbagai kesukaran kepada penduduk setempat juga kemalangan yang melibatkan nyawa.

Saya mohon pihak kementerian untuk mengambil kira kesesakan yang timbul akibat daripada kelewatan pengusaha konsesi Lebuhraya Kasih ini menyiapkan lebuhraya tersebut. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dia duduk mana saya pun boleh nampak dia.

4.51 ptg.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sama ada dia Ketua Pembangkang atau BBC saya nampak dia. Sila.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh satu butiran sahajalah, Butiran 08280 – Pembinaan Jalan-jalan. Walaupun peruntukan telah diberikan bagi pembinaan jalan-jalan tetapi cadangan pembinaan projek jalan lintas selatan fasa yang kedua dan juga jalan lintas lingkaran tidak dapat di laksanakan. Jalan lintas selatan fasa yang kedua ialah jalan yang menyambung kawasan Taman Indah Jaya dengan Jalan Bukhara di Sandakan. Jalan lintas Biparan merupakan jalan tambahan untuk meringankan lalu lintas yang sibuk di Jalan Labuk ke Kota Kinabalu, Lahad Datu dan juga Tawau.

Saya telah diberitahu dalam sesi Parlimen yang sebelum ini bahawa kerajaan telah mengambil maklum keadaan yang sibuk di Jalan Labuk dan juga diberitahu bahawa akan menaikkan tarafnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi nampaknya belum ada rancangan yang kukuh dibuat untuk melaksanakan projek ini.

Kedua-dua jalan ini adalah sangat penting kerana dapat membawa impak positif pertumbuhan ekonomi selain daripada aspek aliran lalu lintas yang lebih selesa. Khususnya kerajaan negeri telah mengenal pasti sebuah kawasan seluas 1,400 ekar di Jalan Labuk untuk membangunkannya sebagai sebuah pusat pendidikan pengajian tinggi. Permintaan daripada penduduk-penduduk di kawasan Sandakan selalu dibangkit supaya jalan-jalan ini dapat dibina secepat mungkin. Oleh sebab yang demikian saya ingin tahu sejauh manakah pelan projek-projek tersebut telah dijalankan dan bilakah kerja pembinaan fizikal dapat dimulakan. Sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mohon bahas baik-baik ya. Yang Berhormat Seputeh.

4.53 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tuju kepada Butiran 020100 - Cawangan Jalan, 050200 - JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 05100 - Jalan-jalan Besar Di Sabah. Tuan Pengerusi saya ingin...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sabah?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya Sabah, Sabah saya hendak membantu rakan-rakan di Sabah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlulah, wilayah cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kami menunjukkan keprihatinan kita kepada orang di Sabah juga.

Seorang Ahli: Negara kami.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya ini negara kami bukan kita, kami...
[Ketawa] Tuan Pengerusi yang pertama saya ada tujuh isu yang saya ingin bangkitkan. Isu pertama ialah tentang setinggan Kampung Tayu yang telah pun membuka jalan kepada pembinaan Lebu Raya Besraya yang mana ia sepatutnya disiapkan pada tahun 2000 dan dengan harga rumah RM25,000 seunit tetapi sehingga sekarang rumah itu masih belum siap dan kami telah dengar dari pegawai dari LLM dan kata yang harga rumah itu akan dinaikkan dari RM20,000 kepada RM42,000. Jadi isu ini kami telah membuat bantahan yang kuat terhadap pihak kementerian. Jadi saya ingin tahu apakah status rumah itu sekarang bagi penduduk setinggan Kampung Tayu dan juga...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Buat mana satu Butiran?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini butiran tentang cawangan jalan LLM berkenaan LLM. Kampung Tayu di Salak Selatan, saya boleh menjemput Yang Berhormat datang ke kawasan saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini masalah rumah siapa yang jaga?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Rumah yang sepatutnya dibina oleh LLM, ini adalah satu penggantian kepada setinggan yang membuka jalan untuk dibuka. Ini pegawai LLM mereka faham. Jadi saya hendak tanya macam mana sekarang ramai penduduk setinggan ini tanya bila rumah siap bila mereka boleh pindah masuk.

Dan juga mereka amat tidak puas hati kalau harga yang ditetapkan dalam kontrak di antara Syarikat Besraya dengan mereka ialah RM25,000 kalau dinaikkan ke RM42,000 sekarang ini memang bercanggahan dengan kontrak yang ditetapkan. Jadi saya hendak minta satu penjelasan daripada pihak kementerian.

Yang isu kedua ialah saya hendak sentuh tentang jalan-jalan di Sabah. Pada bulan lepas saya pergi ke Sabah bersama dengan Ketua Pembangkang dan Setiausaha Agung...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini jalan negeri ataupun jalan persekutuan?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini adalah Butiran 05100 - Jalan-jalan Besar Di Sabah. Bila saya di Sabah kami pergi dengan kereta dari kawasan Tawau ke Semporna.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu perkara Yang Berhormat Tawau sudah bangkit itu hari.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Belum lagi. Sebelum dia cakap saya cakap dahulu. Yang jalan itu ambil masa dua jam tetapi bila kami berada dalam kereta *four wheel drive* kita macam menunggang kuda. Jadi soalan saya ialah kenapakah jalan-jalan di Sabah begitu teruk? Saya memang simpati kepada Ahli Yang Berhormat dari Sabah...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *You* punya kereta rosaklah, bukan jalan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Ketawa*] Ini jalan yang rosak jadi saya hendak tanya, adakah Kementerian Kerja Raya memantau pembinaan jalan-jalan di Sabah? Kenapa jalan kita macam di Lebu Raya Utara-Selatan adalah agak licin dan jalan-jalan di sini agak baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa Dasar, Putatan sudah bangkit perkara inilah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Putatan sudah? Putatan boleh ulang lagi. Jadi saya hendak mintalah pihak kementerian mungkin boleh memberi tunjuk ajar kepada kontraktor-kontraktor yang membina jalan di Sabah itu. Jadi ini adalah harapan sayalah.

Yang isu ketiga berkenaan dengan Federal *Highway* kita, Lebu Raya Persekutuan di Kuala Lumpur itu. Sekarang hari-hari hujan, jadi kalau kita berada dalam kereta yang memandu kalau kita memandu dari PJ ke Kuala Lumpur kita akan mendapati banyak *pounding* ataupun takungan air yang wujud. Dan sehingga menjadi kesesakan jalan raya di lebu raya persekutuan lebih serius. Dan juga termasuk di Jalan Syed Putera dekat dengan Kuan Ching School. Jadi saya hendak minta saya tahu yang jalan ini adalah di bawah tanggungjawab JKR Wilayah Persekutuan jadi saya ingin minta pihak JKR akan mengambil serius tentang ini kerana kesesakan jalan di Federal *Highway* sudah pun teruk sangat. Jadi saya minta mereka boleh mengisikan semua itu kawasan yang menakung air semasa hujan berlaku.

Isu keempat tentang Jalan Klang Lama. Saya hendak minta perhatian daripada pihak kementerian kerana Jalan Klang Lama juga yang telah pun di lebarkan adalah di bawah tanggungjawab kementerian dari Batu Lima ke Enam, Jalan Klang Lama itu dekat dengan persimpangan dari Jalan Klang Lama ke Jalan Puchong itu yang mana ramai penduduk tanya kenapakah jalan empat *lane* ke arah PJ. Jalan empat *lane* itu tiba-tiba boleh menjadi dua *lane* lepas itu jadi empat *lane* lagi kerana kesesakan jalan memang selalu berlaku pada waktu yang sibuk dan juga pada waktu pagi dan *tag flow traffic* itu memang serius. Jadi saya minta pihak kementerian boleh juga melebarkan Jalan Klang Lama pada Batu Lima dan Enam yang saya sebutkan tadi.

Isu yang kelima ialah saya cuba hendak minta kalau boleh pihak kementerian mungkin harus memandang serius tentang kesesakan yang selalu berlaku dekat Midvalley di Kuala Lumpur kerana selalunya pada waktu pagi trafik yang pergi ke Midvalley yang *tag flow* nya telah menyebabkan kesesakan yang serius di Jalan Klang Lama.

Jadi saya minta mungkin pihak kementerian sekiranya banyak bajet yang tidak tahu yang mana boleh pakai mungkin boleh bina satu LRT dekat sana untuk mengurangkan kesesakan trafik di situ.

Isu yang keenam baru-baru ini kita baca yang Kementerian Kerja Raya mengumumkan bahawa kerajaan akan membina satu lagi istana dekat dengan Jalan Duta dengan harga RM400 juta. Soalan saya ialah kita sudah ada satu istana yang sedia ada sekarang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu butiran Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: JKR lah, pengurusan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of order*, menyentuh hak Raja-Raja, itu sensitif. Istana itu pun bukan rakyat duduk, Raja duduk, jadi kita menyentuh hak Raja-Raja memang tak bolehlah. Ini dalam peraturan mesyuarat Tuan Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Istana kami, Raja-Raja kami. Dan yang saya nak tanya bukan kita tidak ada istana, saya ingin rujuk kepada Butiran 050200, JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, butiran lah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kita sudah ada satu lagi istana kerana ini dibina oleh JKR. Dan satu lagi di Putrajaya yang baru juga. Jadi ramai orang juga tanya kenapa sekarang satu lagi istana akan dibina di Jalan Duta?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of order*, saya nak menasihati Yang Berhormat bagi Seputeh sebab ini dalam peraturan mesyuarat kita tidak boleh menyentuh hak Raja-Raja. Jadi Yang Berhormat menyentuh istana yang akan didiami oleh Raja-Raja, oleh Agong, Agong bermakna yang terbesar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir tidak ada butiran dalam...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya minta Yang Berhormat berhenti.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, saya faham, saya rasa kita ini wakil rakyat. Jadi kerana projek ini diumumkan bukan oleh Agong, diumumkan oleh Menteri Kementerian Kerja Raya.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan. Di bawah Maksud Pembangunan 6, Jabatan Perdana Menteri Butiran 17000 pembinaan Istana Negara di Jalan Duta.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat sekarang JKR.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Saya faham, dengarlah saya cakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dengarlah saya cakap dulu.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dia mahu terangkan.

Seorang Ahli: Sama-sama dengarlah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Baik, sekiranya perkara-perkara berkenaan istana atau Raja-Raja tidak boleh disentuh, mengapa ia ada di bawah Butiran Jabatan Perdana Menteri iaitu 17000?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang saya kata tidak ada Butiran di bawah kementerian ini.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ada, jadi ada Butiran ini di bawah JPM dan diuruskan oleh JKR maka ia tepat pada ucapan Yang Berhormat bagi Seputeh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukuplah Yang Berhormat bagi Seputeh, cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih atas nasihat daripada Yang Berhormat bagi Bagan. Jadi saya nak minta satu penjelasanlah.

Akhir sekali saya nak tanya tentang *Kuala Lumpur-Putrajaya Highway* yang mana kita tahu pada minggu lepas ada sebahagian daripada projek pembinaan *Kuala Lumpur-Putrajaya Highway* itu yang ada strukturnya sudah pun jatuh. Jadi ramai orang sekarang sedang bimbang, jadi adakah ini akan menjejaskan keselamatan *Kuala Lumpur-Putrajaya Highway*? Adakah ia akan dijadikan seperti MRR2 di Kepong sana, yang mana kita perlu mengupah *consultant* untuk memperbaiki, membetulkan semula MRR2. Jadi sekarang saya juga menerima aduan daripada penduduk di Sri Petaling bahawa retakan yang baru telah pun berlaku di rumah-rumah di Sri Petaling.

Jadi saya nak tanya apakah langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian terhadap keretakan yang baru yang telah berlaku dalam rumah-rumah di Sri Petaling yang begitu dekat dengan *Kuala Lumpur-Putrajaya Highway* itu.

Dan di harap langkah yang lebih gigih akan diambil oleh pihak kementerian terhadap perkara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat Tanah Merah.

5.04 ptg.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyentuh butiran Jabatan Kerja Raya, di sini saya lihat Menteri dan Timbalan Menteri tidak ada di sini, kalau kita bercakap mungkin susah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen ada.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Setiausaha Parlimen ada ya, terima kasih. Bagi Butiran 00500 - Jalan Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang-Kuala Berang, ini adalah satu projek jalan yang besar yang melibatkan peruntukan RM1.6 bilion. Saya difahamkan bahawa pakej-pakejnya masih belum selesai dan sebahagiannya telah selesai. Saya dapati jalan ini agak bahaya dari segi kepada pengguna jalan raya disebabkan oleh reka bentuknya tidak bersesuaian di mana lorong bermotornya kurang dan juga lorong kecemasan yang perlu dibina. Apa yang ketara yang saya lihat di mana bahu jalan tidak diturap. Saya minta kementerian supaya mengambil tindakan kepada pakej-pakej yang baru supaya bahu-bahu jalan diturap kerana perjalanan yang jauh ini melibatkan kereta yang banyak, sudah pasti perlunya bahu jalan yang diturap.

Saya dapati jalan ini direka bentuk dengan standard R5. Saya yakin Jabatan Kerja Raya memerlukan bahu jalan yang berturap tetapi oleh kerana peruntukan tidak mencukupi. Yang pentingnya di sini kita perlu jaga keselamatan pengguna jalan raya. Saya minta kementerian dan juga Jabatan Kerja Raya mengambil tindakan kepada perkara ini.

Butiran 00600 - Jalan-jalan Raya Baru. Saya lihat pengagihan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini tidaklah sama keseluruhan kawasan. Dan contohnya di tempat sama, makna permohonan untuk menyelesaikan masalah lintasan kereta api masih lagi tidak diselesaikan sejak Rancangan Malaysia Ketujuh lagi. Untuk maklumat Tuan Pengerusi, bahawa lintasan kereta api ini ditutup setiap hari sepuluh kali, kalaulah sepuluh minit, sudah menjadi seratus minit sehari ditutup. Dan ini adalah laluan utama ke Gerik, laluan utama ke Jeli dan juga ke kawasan-kawasan sekitar. Yang mustahak di sini kita lihat beberapa kes kecemasan seperti ambulans, polis dan bomba semasa *gate* ini ditutup. Betapa sukarnya untuk kenderaan-kenderaan kecemasan ini menggunakan laluan tersebut. Saya minta kementerian dan juga kerajaan mengkaji semula, mungkin boleh dimasukkan semula dalam Rancangan Kajian Separuh Penggal nanti. Dan untuk pengetahuan pihak kementerian, satu pun projek jalan baru tidak diluluskan di Parlimen Tanah Merah. Saya mohon supaya *Tanah Merah by pass* bagi menyelesaikan lintasan kereta api Tanah Merah dapat dimasukkan dalam Kajian Separuh Penggal.

Dan seterusnya Butiran 303000 – Membina Jambatan Baru Di Seluruh Negara. Jadi jambatan ini adalah satu penghubung di antara yang utamanya melintasi sungai. Saya dapati di Kelantan sekarang ini ada empat jambatan yang telah dibina. Dan saya dapati setiap tahun semasa musim perayaan, jambatan-jambatan ini menjadi *bottleneck* kepada laluan trafik yang menyebabkan *jam*, kesesakan jalan raya yang amat sangat, yang mengakibatkan satu-satu kesesakan kalau kita nak melintasi satu-satu jambatan di negeri Kelantan ini memakan masa tiga hingga empat jam semasa musim perayaan.

Di sini saya mencadangkan kepada kementerian supaya bina satu lagi jambatan baru antara Tanah Merah dan juga jambatan Pasir Mas kerana jaraknya agak panjang iaitu 40km antara satu sama lain.

Dan saya cadangkan untuk mengelak kesesakan dan juga laluan keselamatan kerana di seberang sana itu, ada kem tentera. Mungkin berlaku kecemasan, tentera ini dapat berpindah ke sebelah Tanah Merah dan Jeli dengan mudah. Jadi saya mencadangkan kepada kementerian supaya buat cadangan satu jambatan baru walaupun dua *carriage way* ataupun *two link, single carriage way two link* pun sudah mencukupi untuk memenuhi keperluan penduduk...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Laluan, menyokong.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Menyokong hah? Sekejap.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah, rakan saya, Tuan Pengerusi. Saya tertarik tadi jambatan satu Tanah Merah kerana jalan dia besar, jambatan tidak dibesar. Jadi macam kita tengok ular sawa, kambing di dalam kecil, apabila dilehernya kecil, perutnya besar.

Jadi sebab itu kita menghadapi *jam dua lane* pergi satu *lane*, satu lorong. Maka setuju tak Yang Berhormat bagi Tanah Merah kalau boleh kita tengok semua la, Pasir Puteh sekali jangan tengok Parlimen Tanah Merah sahaja. Sebab jambatan yang ada ini Tuan Pengerusi, yang belum perang pun ada, selepas perang itu tidak apa, sebelum perang. Jadi apabila sebelum perang dunia ertinya jambatan-jambatan ini perlu buat R&D kaji selidik semua jangan runtuh satu buat satu. Setuju tak seluruh negeri Kelantan walaupun PAS masih memerintah kita tiada masalah sebab dia pun hendak serah tidak lama lagi. Setuju tak?

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Setuju. Butiran yang berkaitan adalah di mana naik taraf kepada jambatan-jambatan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Program ini saya yakin saya dapat maklum bahawa sedang dalam proses mungkin...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Dalam Rancangan Malaysia ke 9 ini semua jambatan yang lama itu diganti. Yang mustahak yang hendak saya *highlight* di sini saya hendak bangkitkan di sini di antara Tanah Merah dan Pasir Mas ada dua buah jambatan yang telah diberi kepada kontraktor untuk dilaksanakan tetapi jambatan ini tidak disiapkan dengan sempurna di mana kontraktor abaikan kontrak ini. Saya hendak tanya penjelasan kementerian kerana jambatan di laluan 008 di mana berlaku kemalangan, sering berlaku kemalangan. Kemalangan maut juga sering berlaku di sana dan saya minta laporan daripada kementerian kalaulah kontraktor ini tidak mampu menyiapkan jambatan tersebut, batalkan kontraknya. Ini kerana lagi lama dibiarkan kontraktor ini, sudah pasti banyak kemalangan akan berlaku dan nyawa yang terkorban juga mungkin akan meningkat.

Jadi saya hendak tanya penjelasan, kedudukan jambatan ini dan kenapa jambatan ini tidak dapat dibatalkan kontraknya walaupun pembinaannya sudah lewat menjangkau masa tiga tahun jambatan satu *span* sahaja. Jadi sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Wah, ramai. Yang Berhormat bagi Langkawi. Beri peluang kepada mereka yang belum berucap.

5.14 ptg

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 020000 jalan. Tuan Pengerusi, di Langkawi ada jalan yang masih lagi dalam pembinaan atau pembaikan. Setelah menanyakan kepada menteri hari itu, iaitu jalan antara *airport* ke Kuah yang menghubungi *airport* ke Kuah. Jadi telah terbina tahun lepas tapi sehingga sekarang tidak selesai lagi. Malahan keseluruhan jalan itu agak pincang sedikit kerana tiada satu sektor pun yang siap. Jadi jalan itu mahal sedikit, 13 kilometer dia punya kos RM97 juta dan kos pengendalian tanah dan sebagainya ialah RM45 juta dan dikatakan kos membina jalan itulah begitu mahal sekali kalau dibandingkan dengan mengadakan *highway*.

Soalan saya bilakah jalan ini akan disiapkan kerana saya difahamkan sudah ada dua *extension* telah dilakukan iaitu tarikh siap telah di *extend* dua kali dan sehingga sekarang pun tidak siap. Malaysia akan menyambut Tahun Melawat Malaysia tahun depan. Jadi kalaulah berlaku jalan yang tidak siap ini maka sudah tentulah Langkawi berasa sikittlah kerana tidak siap jalan itu. Sekarang ini, dikatakan berlaku *accident* di Langkawi dan juga pelancong-pelancong yang *drive* sendiri ataupun yang '*hired drive*' akan menghadapi masalah kerana disebabkan laluan yang begitu tidak menyenangkan.

Yang keduanya Tuan Pengerusi ialah jalan baru antara Burau dengan Datai, bilakah akan dimulakan ataupun adakah ia dalam perancangan. Yang ketiganya ialah jalan baru yang menghubungkan Kota Mayung dan Kota Malai, bilakah ia akan di lakukan? Kalau tidak, saya haraplah perkara ini akan dimasukkan dalam rancangan *mid-term review* tahun depan ini. Jadi itulah Tuan Pengerusi tiga perkara yang telah dibangkitkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Bera.

5.17 ptg.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 60000, menaik taraf laluan, 006000 jalan baru, 50100 pelbagai pembinaan. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian mengenai jalan Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) daripada Karak hingga ke Kuantan.

Saya lihat jalan ini selepas beberapa bulan disiapkan terus mengalami kerosakan dan sehingga hari ini masih belum siap diperbaiki. Jadi soalan saya ialah adakah jalan-jalan yang dibina ini mengikut piawaian ataupun standard, *international standard* kerana tidak mungkin selepas dibina terus rosak dan tidak dapat digunakan daripada tiga lorong menjadi dua lorong dan sebagainya. Juga ialah mengenai Lebuh Raya Kuala Lumpur-Karak. Saya sudah bangkitkan isu ini pada tahun lepas dan dimaklumkan oleh dalam jawapan Timbalan Menteri ialah jalan ini jalan yang di naik taraf ini yang diperbaiki akan siap sebelum bulan Ogos tahun ini tetapi sekarang ini pun sudah bulan November dan langsung tidak nampak jalan ini akan dapat disiapkan. Jadi soalnya ialah ianya memang menyusahkan pengguna. Saya memang setiap minggu balik melalui jalan ini dan kalau hari minggu balik ke KL, kalau balik pukul 2, pukul 3, pukul 4 memang *jam* begitu teruk sekali.

Jadi saya hendak tanya pendirian kementerian soal tol ini. Kita mengenakan tol kepada pengguna atas alasan jalan yang dibina untuk memudahkan pengguna untuk memberikan keselesaan kepada pengguna tetapi apa yang berlaku kita menyusahkan pengguna dan dalam masa yang sama kita masih mengenakan tol. Jadi saya hendak tahu lah bila jalan ini disiapkan, adakah pihak kerajaan bersetuju jangan kenakan tol sehingga jalan disiapkan.

Saya juga ingin tanya ialah mengenai papan tanda. Saya lihat ada sedikit kelemahan dari segi papan tanda yang dibina sepanjang lebuh raya. Jikalau orang daripada Kuala Lumpur mahu ke Bera, kawasan saya. Tidak ada papan tanda dan menunjukkan jalan arah ke Bera. Saya tahu untuk balik ke Bera saya kena keluar daripada *exit* ataupun jalan keluar melalui Temerloh, itu saya sebab saya balik tiap-tiap minggu tetapi kalau orang luar hendak pergi ke Bera misalnya, tidak ada, tidak ada satu tanda yang papan tanda tunjuk arah yang menunjukkan jalan keluar pergi ke Bera. Di situ ada ditulis jalan yang papan tanda itu keluar tulis ke Temerloh, ke Jerantut, Taman Negara. Tidak ada ke Bera dan Tasik Bera.

Jadi saya berharap kepada pihak kementerian supaya memasukkan Bera di dalam papan tanda untuk keluar di Temerloh. Sebab Bera sudah pun wujud daerah semenjak tahun 1992, tapi masih lagi tidak ada tanda arah ke Bera dan juga Tasik Bera. Saya berharap pihak kementerian mengambil perhatian kepada perkara ini.

Akhirnya ialah mengenai kriteria untuk membina ataupun menaik taraf laluan. Saya sudah beberapa kali menyebut perlunya di naik taraf laluan 10 iaitu jalan dari Temerloh melalui Parlimen Bera sehingga ke sempadan Negeri Sembilan.

Jalan ini mempunyai tujuh jambatan yang sudah terlalu sempit yang menyebabkan selalu berlaku kemalangan dan jalan ini merupakan jalan yang sibuk kerana ia merupakan jalan pintas daripada daerah-daerah di Jerantut, daripada Maran, daripada Temerloh dan sebagainya untuk ke Negeri Sembilan dan juga untuk ke Johor.

Mereka menggunakan jalan ini, bukan sahaja orang Bera tetapi pengguna-pengguna untuk ke Negeri Sembilan dan ke Johor juga melalui jalan ini. Beberapa kali kita memohon dan saya dapati bahawa di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tidak ada, atas alasan masih dianggap bukan *priority*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulunglah Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Jadi saya hendak tanyalah, apa asas *priority* tadi? Adakah kita perlu tengok kemalangan yang begitu banyak, ramai orang mati kerana jalan terlampau sibuk atau berlanggar di atas jambatan yang kecil tadi barulah dianggap jalan itu *priority*. Jadi saya harap pihak kementerian cuba mencari jalan untuk menyelesaikan perkara ini dan mungkin kalau tidak dapat sekarang, mungkin saya cadangkan dalam *midterm review* masukkan laluan 10 dalam *midterm review* nanti. Terima kasih, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Permatang Pauh sila.

5.21 ptg.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya menyentuh Butiran 30000 iaitu membina jambatan-jambatan baru di bawah Perkara P.27. Saya risau tentang ketelusan dalam penawaran kontrak projek pembinaan jambatan. Kita seharusnya sudah pun bermula dengan izin, *standard practice* secara terbuka dan persaingan supaya kerajaan dapat memilih syarikat yang mempunyai rekod yang baik, membina jambatan dengan harga yang *competitive*. Syarikat-syarikat ini juga mesti ada rekod baik dalam perakaunan supaya dapat mengelakkan daripada kebocoran dan salah pengurusan wang. Kalau tabiat sebegini sudah ada, masalah dengan kos yang lampau dan salah pengurusan projek dan kos dapat dielakkan.

Jadi saya kesal dengan pengumuman pembinaan jejambat kedua Pulau Pinang yang akan menelan kos RM3 bilion untuk 24 kilometer dan juga Syarikat UEM yang telah dipilih sebagai kontraktor. Walaupun UEM ialah sebuah syarikat penting di Malaysia, rakyat mestilah dibenarkan untuk menyemak dan meneliti syarikat lain yang juga bersaing untuk mendapatkan kontrak ini. Perbuatan sebegini akan disalahertikan bahawa segelintir kontraktor dan syarikat disokong oleh kerajaan. Seharusnya kita mengadakan pemberian kontrak yang telus dan terbuka di mana butiran tentang syarikat boleh diperiksa secara teliti oleh rakyat.

Ini juga mesti diguna pakai dalam semua projek misalnya pembinaan jalan raya yang kita sering dengar laporan tentang penyelewengan duit rakyat. Contohnya, dua kontraktor Konsortium Melati Ehsan (M) Sdn. Bhd. dan Desa Purnama Sdn. Bhd. yang didakwa dalam satu laporan kepada Badan Pencegah Rasuah pada bulan September tahun ini terbabit dengan kehilangan projek persimpangan, *interchange* dengan izin, serta jejambat bernilai RM86.3 juta di Sungai Buloh, Damansara Damai di mana projek ini dijangka siap pada tahun ini tetapi sehingga hari ini tidak ada sebarang kerja pembinaan dijalankan.

Soal yang penting dalam untuk kementerian ialah dari semua projek yang disenaraikan dalam peruntukan dan Bajet Kementerian Kerja Raya, berapa peratuskah projek yang sebenarnya di tender secara terbuka dan telus yang telah diadakan? Soalan sebegini dapat ditanya juga tentang dalam butiran lain di dalam Bajet ini. Di bawah Butiran 18400, kerajaan akan membelanjakan RM15.1 juta pada tahun hadapan untuk membina Rumah Peranginan Persekutuan.

Soalan yang jelas dan nyata ialah kenapa kita berbelanja begitu banyak untuk rumah peranginan? Syarikat manakah yang akan membina rumah ini? Selanjutnya dalam Butiran 18610, di mana tahun hadapan kita akan membelanjakan RM8 juta untuk pengkomputeran Kementerian Kerja Raya. Berapa buah komputer yang akan kita beli? Berapakah harga untuk sebuah? Apakah spesifikasi komputer tersebut dan syarikat mana yang akan membekalkan komputer tersebut?

Soal yang penting mungkin kita mendapat harga yang lebih baik dari syarikat yang lain kerana pengkomputeran sekarang ini telah dilaporkan sebagai satu pembaziran kerana kita mungkin hayatnya memang pendek dan mungkin program-program yang baru akan ada di komputer itu.

Jadi kalau boleh, lebih baik kita menyewa komputer daripada membeli komputer dan selepas itu mendapati komputer itu tidak lagi dapat digunakan dengan maksimum. Juga selepas kita ada komputer-komputer tersebut, siapa yang akan mengendalikan komputer-komputer ini? Kadangkala kementerian mempunyai banyak komputer tetapi orang yang hendak menggunakan komputer itu tidak mahir.

Akhirnya Tuan Pengerusi, kita prihatin bahawa kerajaan masih berhutang lebih kurang RM28 bilion dan Kementerian Kerja Raya dilaporkan bertanggungjawab menjelaskan kesemua hutang ini. Ini dilaporkan dalam berita yang disiarkan dalam akhbar *Utusan Malaysia* tahun ini, yang melaporkan kesukaran subkontraktor sehingga mereka terpaksa jual rumah dan gulung tikar. Walaupun kita mungkin kelihatan semuanya baik, berbelanja beberapa bilion di sana dan di sini tetapi kerajaan seharusnya memastikan mereka yang membuat kerja dan yang sudah siap buat kerja mendapat bayaran yang sepatutnya dia dapat. Ingin saya menyoal, skim apakah yang kementerian sediakan untuk menyelesaikan masalah ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Libaran, sila.

5.26 ptg.

Datuk Juslie Ajirol [Libaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 08280, 08800 dan 08600 iaitu projek naik taraf jalan raya dan pembinaan jalan-jalan. Saya ingin menyentuh mengenai projek naik taraf jalan raya. Projek naik taraf jalan raya ini ada dua keutamaan iaitu naik taraf jalan yang dibuat oleh JKR, pembiayaannya dan seterusnya penyeliaannya. Manakala jalan yang kedua iaitu naik taraf yang dibiayai oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan penyeliaannya dibuat oleh JKR.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh secara khusus mengenai ada dua jalan di kawasan Parlimen Libaran iaitu Jalan SPS III lebih kurang 13 kilometer dan juga Jalan Sungai Tiram lebih kurang 9.8 kilometer. Kita difahamkan bahawa jalan ini telah pun diluluskan dan telah dilantik kontraktor melaksanakan jalan ini pada awal tahun ini tetapi apa yang menyedihkan, jalan-jalan ini sehingga hari ini tidak dapat dilaksanakan disebabkan JKR belum dapat menyiapkan BQ dan jajaran jalan ini.

Tuan Pengerusi, oleh kerana jalan-jalan ini amat penting kepada penduduk Libaran khususnya di kawasan Pekan Baru Sungai Tiram ini, maka selaku wakil rakyat, saya ingin mencadangkan kepada JKR supaya mempercepatkan pembinaan jalan ini. Kerana saya difahamkan petugas ataupun kakitangan yang mengurus soal pengukuran dan BQ ini tidak dapat dilaksanakan kerana disebabkan kekurangan kakitangannya. Jadi disebabkan perkara ini, kemungkinan jalan ini tahun depan pun tidak dapat dijalankan. Jadi saya memohon supaya JKR dapat melaksanakan dengan secepat mungkin ataupun saya mencadangkan supaya jalan ini diberikan kepada konsultan yang boleh melaksanakan jalan ini dengan secepat mungkin.

Yang keduanya, pembinaan jalan-jalan. Saya menyentuh tentang Jalan Lintas Libaran yang disebut oleh rakan saya dari Sandakan. Tuan Pengerusi, Jalan Lintas Libaran ini walaupun namanya Lintas Libaran, tetapi jalan ini adalah jalan yang penting kepada pusat Bandar Sandakan di mana jalan ini merupakan jalan keluar masuk sama ada mereka ini datang daripada luar pekan Sandakan atau Bandar Sandakan ataupun orang keluar daripada Bandar Sandakan.

Pada penggal pertama, saya selalu membangkitkan Jalan Lintas Libaran ini. Jawapan menteri kepada saya bahawa jalan ini akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sekiranya jalan ini menjadi keutamaan kepada kerajaan negeri tetapi kita amat sedih, jalan ini tidak termasuk di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan walaupun kerajaan negeri memasukkan jalan ini sebagai merupakan jalan utama.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan sekiranya jalan ini memerlukan kos yang begitu tinggi, saya difahamkan lebih kurang RM280 juta. Oleh kerana seperti yang saya katakan Jalan Lintas Libaran ini amat penting kepada Sandakan kerana disebut oleh rakan saya dari Sandakan, di kawasan ini iaitu bukan sahaja ada POIC di kawasan ini tetapi ladang-ladang yang luas di kawasan Sandakan, boleh dikatakan hampir separuh pengeluaran sawit di negeri Sabah adalah datang daripada kawasan Sandakan ini.

Yang keduanya, sekiranya Jalan Lintas Libaran ini dapat diwujudkan secepat mungkin sudah tentu pembangunan di kawasan luar bandar dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin. Saya ingin mencadangkan di sini Tuan Pengerusi, di dalam *midterm* nanti, saya mahu bahawa jalan ini menjadi jalan keutamaan iaitu kalau tidak dapat dilaksanakan keseluruhannya, separuh ataupun kita cadangkan dua fasa. Fasa pertama...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah, Yang Berhormat.

Datuk Juslie Ajirol [Libaran]: ...Dan fasa kedua. Fasa pertama ini bermula daripada Simpang Beluran sehingga ke Pekan Gum-Gum. Jadi sekiranya jalan fasa pertama ini dapat dibina, sudah tentu jajaran jalan daripada Bandar Sandakan dan seterusnya keluar daripada Sandakan akan mudah dan mendapat kebaikan kepada rakyat di Sandakan khususnya kepada rakyat di negeri Sabah keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pontian, Yang Berhormat boleh berucap pada hari esoklah.

Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mesyuarat bersidang semula. Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga jam 10 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang.